

Jilid 1
Bil. 62



Hari Rabu
8hb Julai, 1987

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti Kepada Y.B. Tuan Wang Choong Wing [Ruangan 10257]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 10259]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 10352]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian)
(Pindaan) [Ruangan 10352]

UCAPAN PENANGGUHAN:

KWSP—Bayaran Tunggakan Caruman, Y.B. Tuan Lim Guan Eng
[Ruangan 10426]

Institusi Pengajian Tinggi—Pengambilan Penuntut, Y.B. Dr V. David
[Ruangan 10434]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHU-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIK BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO" AHMAD RITHAUDEEN At-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAK STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

.. Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

.. Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

.. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

.. Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).

- .. Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- .. Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Menteri Perusahaan Awam, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setat).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar. TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR STI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga. Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tengah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OIHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.I. (Bagan Datok).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- .. TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- .. DAIO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- .. DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAP BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M.-A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- .. DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI. D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- .. DAIO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- .. TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

- Yang Berhormat TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- .. TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- .. TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- .. DR V. DAVID (Puchong).
- .. TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- .. TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- .. DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- .. TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- .. TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN HU SEPANG (Rasah).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- .. TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- .. DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAO, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- .. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- .. TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- .. TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P- (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

Yang Berhormat DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

Yang Berhormat DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

- .. PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.I., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 8hb Julai, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**PENGUMUMAN
TIMBALAN
YANG DI-PERTUA**

**CUTI KEPADA Y.B. TUAN
WANG CHOON WING**

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, pada petang Khamis, 2hb Julai, 1987 saya telah membuat pengumuman mengenai percutian yang diberi kepada Yang Berhormat Tuan Wang Choon Wing, Ahli bagi Kawasan Lipis. Sebaik sahaja selesai saya membuat pengumuman itu, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bangun dan meminta penjelasan apa sebab atau alasan Ahli Yang Berhormat bagi Kawasan Lipis itu dibenarkan bercuti oleh Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan Rakyat dalam persidangannya pada 25hb April, 1961 telah meluluskan satu Usul memberi kuasa kepada Yang di-Pertua membenarkan cuti kepada Yang Berhormat Ahli-ahli. Teks usul atau ketetapan itu adalah seperti berikut:

"That the leave of the House under Article 52 of the Constitution shall be given to, and may be signified by

Mr Speaker in the case of, any member of the House of Representatives whose absence thereunder has been approved by Mr Speaker:

Provided that Mr Speaker shall report to the House the name of every member to whom such leave has been given."

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan membenarkan seseorang Ahli itu bercuti berasaskan ketetapan yang saya bacakan sebentar tadi. Di dalam ketetapan-ketetapan itu tidak mensyaratkan Tuan Yang di-Pertua memberitahu Dewan sebab atau alasan seseorang Ahli itu telah diberi cuti olehnya. Apa yang perlu dilaporkan kepada Dewan yang mulia ini hanyalah nama Ahli yang telah diberi kebenaran bercuti.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, point of order atas perkara ini. Yang pertama, bukankah usul itu sudah outdated oleh kerana tidak dibaharui oleh Parlimen ini. Yang kedua, sungguhpun usul itu tidak sebut mengenai alasan yang patut diberi oleh Tuan Yang di-Pertua tetapi oleh kerana kuasa itu ada diberi kepada Tuan Yang di-Pertua oleh Dewan ini, delegated power, dan Dewan ini ada hak untuk bertanya apa sebab itu dan saya rasa itu sebagai courtesy perlu diberi oleh kerana kalau tidak, tentulah bukan untuk membenarkan sesiapa meminta cuti tanpa alasan yang baik. Dan saya pun ada kemukakan satu usul untuk tarik balik atau cancel cuti untuk Yang

Berhormat dari Lipis dan saya ada menerima satu surat daripada Setiausaha menyatakan perlu 14 hari notis. Bagaimana 14 hari notis boleh diberi apabila Dewan ini akan bersidang dua minggu dan tentulah itu tidak boleh dipakai dan saya harap Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua boleh menggunakan kuasanya untuk membenarkan usul itu dibangkit dalam selewat-lewatnya hari Jumaat dan saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan bersetuju oleh kerana ini berkait dengan keistimewaan Dewan ini yang sangat mustahak. Kita tidak mahu Ahli-ahli Parlimen dapat cuti oleh kerana CBT, kalau ada CBT—resign, jangan cuti. (*Tepek*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara yang sama dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang telah pun dibangkitkan pada 16-3-1987 dan saya telah pun menjawab. Jadi, dengan penjelasan yang saya buat sebentar tadi, saya rasa memadai untuk keperluan Dewan ini. Sekiranya Ketua Pembangkang tidak puas hati, bolehlah mengambil cara-cara lain untuk membetulkan perkara ini.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PELANCONGAN—MEMAJUKAN

1. **Tuan P. Patto** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apa rancangan Kementeriannya mempunyai untuk memajukan industri pelancongan dalam negara supaya dapat membantu meningkatkan kedudukan ekonomi dan apakah daya penarik yang Kementeriannya boleh memberi kepada pelancong-pelancong luar

negeri yang boleh memujuk mereka datang ke Malaysia dan bukan ke negara-negara jiran dalam ASEAN.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato Haji Sabbaruddin Chik); Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan telah dan akan terus mengambil langkah-langkah positif ke arah memajukan industri pelancongan dalam negeri khusus untuk membantu ke arah meningkatkan perkembangan ekonomi negara. Langkah utama yang dijalankan ialah bagi memberi kesedaran kepada rakyat mengenai daya-daya tarikan pelancongan yang terdapat di dalam negara kita ini menerusi kempen-kempen pengiklanan, penyebaran risalah, penganjuran program-program galakan pelancongan dan sebagainya.

Dari semasa ke semasa Kementerian juga mengadakan majlis-majlis taklimat kepada kumpulan rakyat negara yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan dan isteri masing-masing, pelajar-pelajar, anggota pasukan polis dan tentera, kumpulan belia serta kumpulan rakyat negara ini dari sektor swasta khusus untuk menimbulkan keinginan di kalangan mereka ini bagi melancong di dalam negeri.

Kementerian juga menyertai penggalakan pelancongan dalam negeri yang dianjurkan bersama oleh Kerajaan Negeri serta organisasi tertentu seperti Pesta Perahu Antarabangsa Pulau Pinang, Expo Perdagangan Negeri dan lain-lain pameran yang berkaitan dengan pelancongan. Sejak bulan Mei tahun 1985 Kementerian dengan kerjasama sektor swasta telah pun melancarkan Program-program Percutian Istimewa yang memberi peluang kepada rakyat tempatan bagi memilih 32 program lawatan ke tempat-tempat pelancongan di seluruh negara. Semua langkah-langkah ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah bertujuan untuk

menggalakkan penduduk tempatan bagi bercuti sambil melancong di dalam negara. Matlamat utama Kerajaan adalah untuk menjimatkan pertukaran matawang asing negara.

Bagi menarik pelancong-pelancong asing untuk melawat negara kita ini Kementerian telah pun mengenalpasti berbagai-bagai tarikan yang terdapat di negara kita ini yang boleh dijadikan bahan dalam usaha penggalakan di semua pasaran-pasaran terpilih di luar negara. Penentuan daya-daya penarikan tersebut adalah hasil dari kajian menyeluruh yang telah dijalankan oleh Kementerian di 7 pasaran yang meliputi Amerika Syarikat, United Kingdom, Jerman Barat, Jepun, Hongkong, Thailand, Australia dan juga Singapura. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa pelancong-pelancong asing adalah tertarik untuk mengunjungi negara kita ini atas beberapa keistimewaan yang ada pada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga sebagai sebuah negara yang berbilang bangsa Malaysia telah mempunyai berbagai perayaan kebudayaan dan tarikan-tarikan tradisional yang boleh dijadikan sebagai faktor pendorong pada peningkatan kedatangan pelawat-pelawat asing ke negara kita ini.

Tuan R. Karpal Singh: Adakah di antara langkah-langkah yang diambil untuk memajukan industri pelancongan dalam negara kita, adakah cadangan untuk kembali taraf pelabuhan bebas kepada Pulau Pinang yang telah dirampas dengan tidak adil pada masa dahulu. Jikalau tidak, berikan sebab-sebab oleh kerana tidak ada cadangan untuk kembalikan taraf pelabuhan bebas kepada Pulau Pinang.

Dato Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada cita-cita untuk mengembalikan taraf pelabuhan

bebas Pulau Pinang pada ketika ini dan saya tidak perlu memberi sebab mengapakah dia ditarik. (*Ketawa*)

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ihrachim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada pihak Kementerian ada bercadang untuk bekerjasama dengan negara-negara ASEAN supaya diadakan satu pakatan untuk pelancong-pelancong luar negeri yang datang melawat ke negara-negara lain di rantau ASEAN ini datang juga ke negara kita sebagai satu lawatan package, dengan izin?

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan dasar Kerajaan untuk memajukan Pulau Langkawi sebagai pusat pelancongan yang terbesar sekali di dalam negara kita dan memandangkan juga usaha-usaha itu menghadapi berbagai-bagai masalah, apakah usaha-usaha Kerajaan yang akan datang untuk membantu memajukan Pulau Langkawi di samping memberi taraf pelabuhan bebas kepadanya baru-baru ini?

Dato Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, memajukan sesebuah kawasan sebagai tempat pelancongan memerlukan masa, kerana untuk memajukan ini bukan sahaja kita perlu menyediakan tempat-tempat penginapan, tempat-tempat beristirehat tetapi juga yang lebih penting daripada itu memperkenalkan tempat berkenaan kepada bakal-bakal pelancong dan pengenalan tempat ini sebagai tempat pelancongan akan bertambah lebih sukar kalau sekiranya tempat berkenaan kita hendak kenalkan kepada pelancong-pelancong luar negeri. Insyallah, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya beberapa tempat penginapan yang sedang didirikan setengahnya pun sudah siap dan dengan tersiapnya landasan kapal terbang dan dengan promotion yang akan dibuat oleh syarikat yang berkenaan, juga oleh

Kementerian melalui pejabat-pejabatnya di luar negeri, kita percaya tempat ini akan dilawati oleh ramai lagi pelancong-pelancong dalam dan luar negeri.

Berkenaan dengan soalan yang pertama sama ada kita juga dapat pelawat-pelawat dari ataupun melalui negara-negara ASEAN, sukalah saya menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sebenarnya daripada sejumlah kira-kira 3.1 juta pelawat-pelawat asing yang melawat negara kita sebenarnya kira-kira 2.4 juta adalah datang daripada negara-negara ASEAN termasuk yang paling banyak sekali dari Singapura dan juga Thailand.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu agaknya berapa peratus pelancong-pelancong asing melawat Pulau Pinang setiap tahun?

Kedua, apakah langkah-langkah tambahan yang dikaji oleh Kementerian baru ini untuk menarik lebih pelancong ke negeri Pulau Pinang dan juga ke Pulau Langkawi, pulau jiran? Ketiga. . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Cukuplah Yang Berhormat. Dua sahaja, sudah banyak soalan.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat memberi angka-angka berapa yang pergi ke Pulau Pinang, cuma kita dapat mengetahui berapa orang yang datang ke Malaysia. Sebab apabila sampai ke Malaysia kita tidak catatkan sama ada mereka hendak pergi ke Temerloh ataupun pergi ke Pulau Pinang.

Berkenaan dengan rancangan-rancangan untuk menggalakkan mereka ke Pulau Pinang juga kita tidak ada program-program khusus

Kementerian bertanggungjawab menggalakkan pelancongan ke Malaysia dan dalam Malaysia. Kita tidak pilih kasih kepada tempat-tempat tertentu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Dr Eng Seng Chai.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan ketiga.

LESEN KERETA MOTOR PALSU

3. **Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama adakah benar beratus-ratus pelekat cukai jalan (road tax discs) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di negeri Selangor dianggapkan palsu dan ditahankan oleh pihak polis dan JPN. Bukankah SEMUA pelekat cukai jalan (road tax discs) yang dikeluarkan oleh Pejabat JPJ tulen, dan tidaklah perlu lagi dipulangkan kepada JPJ Shah Alam untuk siasatan dan pengesahan—bukan seperti sebahagian yang sekarang adalah dipaksa pulangkan oleh pihak polis dan tuan punya kereta. Bukankah penimbunan dan kebongkaran perkara ini membuktikan adalah pegawai-pegawai dalam JPJ yang berpakat dan bersubhat dengan sindiket-sindiket yang curi pelekat cukai jalan atau yang memalsukannya.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah /aleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, pada permulaannya saya ingin menyatakan

soalan Yang Berhormat ini begitu panjang, berbelit-belit, namun begitu saya faham maksudnya.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa beratus-ratus piring Lesen Kereta Motor (LKM) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan Selangor adalah palsu. Setakat ini jumlah piring LKM palsu yang ditahan di Selangor ialah 96 sahaja. Daripada 96 piring LKM yang ditahan di Selangor adalah didapati bahawa jenis-jenis pemalsuan yang dilakukan adalah seperti berikut:

- (a) Piring LKM adalah palsu dan pencetakan bayaran juga palsu;
- (b) Piring LKM adalah tulen tetapi pencetakan bayaran tidak dibuat oleh Jabatan Pengangkutan Jalan;
- (c) LKM adalah tulen dan pencetakan asalnya tulen tetapi kemudian dipinda dan dipalsukan pula seperti berikut:
 - (i) nombor kenderaan dipadam dan dipinda kepada nombor lain;
 - (ii) kuasa enjin kenderaan dipinda sesuai dengan jenis kenderaan;
 - (iii) amaun bayaran cukai jalan dipinda sesuai dengan kuasa enjin/berat dengan muatan kenderaan itu; dan
 - (iv) tarikh tamatnya dipinda dan dilanjutkan.

Piring LKM palsu yang dikesan setakat ini didapati dicetak atau dipinda oleh sindiket-sindiket daripada Wilayah Persekutuan dan Selangor. Jabatan Pengangkutan Jalan telah membuat laporan kepada Polis untuk menjalankan siasatan lanjut. Seterusnya mengenai isu sama ada kakitangan Jabatan Pengangkutan Jalan yang terlibat dan bersubahat

dengan sindiket-sindiket berkenaan belum dapat dipastikan kerana siasatan Polis belum selesai lagi.

Adalah ditegaskan bahawa semua piring LKM yang dikeluarkan dan dicetak oleh JPJ adalah tulen.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan asal saya bertujuan, adakah benar ada persubahatan orang "dalam" dengan orang "luar" sebab adalah kita diberi tahu di mana-mana ada "road blocks" ada banyak orang dapat lesen mereka kena rampas walaupun mereka ada bukti membayar cukai lesen ini di Jabatan-jabatan JPJ dan disuruh oleh polis dan pegawai-pegawai JPJ balik ke Shah Alam dan lain-lain tempat untuk dapat pengesahan lagi. Begitulah soalan asal saya iaitu bertujuan mengapa perlu kegiatan begini, tindakan begini, bukankah piring-piring lesen ini tidak sah. Yang asalnya dan perlukah lagi dia orang balik lagi sekali? Mengapa begitu? Soalan ini timbul kerana syak-wasangka saya dan barangkali saya salah. Sebab syak-wasangka saya inilah saya tanya ini. Adakah orang dalam yang bersubahat dengan orang luar dan berbuat begini? Saya harap kita dapat tahu setakat hari ini adakah sesiapa yang disyaki terlibat dalam hal ini, antara pegawai-pegawai yang bekerja dalam JPJ Shah Alam dan lain-lain Jabatan JPJ Selangor.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sahlah benar bahawa Yang Berhormat itu tak faham kerana dalam jawapan saya tadi sudah saya jelaskan.

Mengenai mengesyaki sama ada pegawai JPJ ada bersubahat atau tidak dengan orang luar, dengan sindiket-sindiket itu, saya kata tadi siasatan polis belum selesai dan kita tak dapat menuduh sesiapa bersubahat atau tidak.

Yang keduanya yang dikatakan piring-piring LKM, beberapa kereta kena rampas semasa ada sekatan jalan raya, saya telah menyatakan bahawa semua piring-piring LKM yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan adalah tulen, sah, tetapi saya telah menyatakan tadi dalam jawapan asal saya bahawa ada cara-cara pemalsuan. Jadi, apabila diperiksa oleh pegawai-pegawai JPJ di jalan maka didapati ada disyaki ada pemalsuan, iaitu 4 cara pemalsuan yang saya sebutkan tadi itu, walaupun piring itu tulen, percetakannya tulen tetapi.

Dr Eng Seng Chai: Penjelasan.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Nantilah, bagi saya peluang dahulu untuk menyelesaikan. Duduklah dahulu. Empat cara pemalsuan kepada piring yang tulen tadi itu iaitu pertama, nombor kenderaan dipadam, ditaruh nombor kereta lain. Kedua, kuasa enjin kenderaan pada lesen yang tulen, yang asal itu dipadam, dipinda, ditaruhkan bagi kenderaan yang lain. Ini adalah kerana lesen yang asal itu untuk kereta/kenderaan yang kuasanya kecil, digunakan untuk kereta yang kuasanya besar. Begitu juga amaun bayaran cukai jalan pun dipinda untuk disesuaikan dengan kuasa enjin kereta yang dipakaikan lesen itu dan tarikh tamat lesen itu pun dipinda juga. Jadi, inilah sebab-sebab apabila diperiksa oleh pegawai-pegawai JPJ didapati ada perkara-perkara ini disyaki, disuruhnya balik kepada Jabatan yang mengeluarkan untuk disahkan kerana mungkin orang yang disuruhnya beli, dia beli betul, orang yang menggunakannya meminda dan memalsukan. Itulah sebabnya.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Minta penjelasan. Jangan soal banyak sangat.

Dr Eng Seng Chai: Saya sudah kata orang yang kena rampas lesen itu dia beri bukti pembayaran melalui "cheque account payee", tarikhnya, bila dan mana pejabat. Semua sudah diberitahu kepada polis tetapi mereka tak percaya, perlu lagi dia hendak balik kepada JPJ dan JPJ pun tahan lesen itu lagi. Mengapa? Dia bayar sendiri dengan "cheque account payee", semua sudah buat—betul sebagai yang kita selalu buat dahulu. Mengapa perlu bagi dia sekali lagi berbuat begini? Mengapa ianya diberi kesulitan? Itulah pertanyaan saya.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab perkara itu tadi. Betul, sah yang lesen dia itu lesen tulen, sudah dibayar dan sebagainya tetapi orang yang menggunakan itu memalsukannya dengan empat, lima cara tadi. Jadi, bila didapati bahawa ada tanda-tanda pemalsuan maka sudah tentulah disuruh bawa batik supaya kalau sah sudah piring ini dikeluarkan dengan betul mungkin boleh ditukarkan dengan yang baru, yang elok. Inilah caranya orang Jabatan kita boleh membuat penyiasatan untuk menentukan dari mana punca pemalsuan itu tadi. Saya harap Yang Berhormat faham.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan S. S. Subramaniam.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya membetulkan suatu perkataan di barisan 3 iaitu "dirasakan"? Perkataan betul ialah bukan "dirasakan", tetapi "dirosakkan."

Soalan yang keempat, Tuan Yang di-Pertua.

PLAZA TOL DI JALAN IPOH, KEPONG

4. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar imej dan maruah Kerajaan Barisan Nasional pada umumnya dan Kementerian Kerjaraya pada khususnya sedang dirosakkan oleh parti-parti Pembangkang dengan pembinaan "Secondary" Toll Plaza di Jalan Ipoh di Kepong dan sebab apakah Kerajaan tidak boleh mencari cara yang lain untuk memenuhi hasrat pemaju Toll Plaza Kepong untuk meringankan beban pemaju tersebut; dan
- (b) dengan pengalaman yang diperolehi melalui pembinaan Toll Plaza di Kepong, apakah cara yang digunakan berkaitan dengan pembinaan "Fly-over di Cheras, Jalan Pahang dan Edinburgh Circle".

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerjaraya telah menswastakan Jalan Kuching dan Bulatan Kepong bagi tujuan memberi kemudahan kepada orang ramai, bukanlah untuk menyusahkan mereka yang melalui jalan dan bulatan tersebut. Bayaran tol yang dikenakan sebanyak 50 sen adalah kecil dan berpatutan dengan keselesaan yang didapati sekarang. Jika dibandingkan dengan jalan yang lama yang mana jalan dan bulatan itu mengalami kesesakan dan tidak selesa digunakan oleh kenderaan-kenderaan. Kadar tol itu juga adalah kecil jika dibandingkan dengan kerugian petrol yang dialami semasa menempuhi kesesakan jalan itu.

Suka juga saya menegaskan di sini bahawa Kerajaan telah menswastakan pembinaan jalan dan bulatan ini

kerana di dalam keadaan kemelesetan ekonomi negara sekarang Kerajaan tidak dapat menyediakan peruntukan yang secukupnya. Kerajaan telah juga menswastakan kerja-kerja pembaikan dan pembesaran jalan itu demi untuk kemudahan dan manfaat pengguna-pengguna. Dengan pembesaran dan meningkatkan Jalan Kuching serta Bulatan Kepong, pergerakan lalulintas di kawasan tersebut telah menjadi bertambah licin.

Mengenai Secondary Toll Plaza di Jalan Ipoh di Kepong, sukalah saya menjelaskan di sini bahawa tol di jalan tersebut telah dikenakan oleh kerana jalan itu akan diperluas dan diperbaiki untuk menampung kesesakan lalulintas yang bertambah oleh kerana terdapat sebahagian daripada pengguna Jalan Kepong sekarang menggunakan Jalan Ipoh dari Bulatan Kepong.

Sukalah juga saya menyatakan di sini bahawa Kerajaan sedang menimbangkan satu cadangan untuk tidak mengenakan bayaran tol bagi penduduk-penduduk yang tinggal berhampiran Plaza Tol itu.

Berkenaan dengan imej yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada parti Pembangkang, sukalah saya menerangkan sedikit berkenaan perkara ini. Pandangan-pandangan daripada parti Pembangkang walaupun itu adalah daripada parti Pembangkang, jika pandangan itu suatu cadangan membina dan juga menyuarkan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat, Kerajaan mesti terima dan Kerajaan mesti menimbangkannya. *(Tepuk)*

Kerajaan juga sedar, Tuan Yang di-Pertua, pembinaan "Secondary" Toll Plaza itu telah tidak disambut dengan baik pada peringkat permulaan. Walau bagaimanapun, saya percaya sesudah Jalan Ipoh itu diperbaiki dan

diperluaskan, maka orang ramai akan lebih yakin dan akan menyambut baik pembinaannya di masa-masa yang akan datang.

Kerajaan telah mengkaji sedalam-dalamnya dan berpendapat bahawa cara ini adalah cara yang baik sekali bagi meningkatkan beban pemaju dan melaksanakan pembinaan itu.

Jawapan untuk soalan (b), Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan-jalan dan bulatan-bulatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang dikatakan itu adalah di bawah tanggungjawab Bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan Perdana Menteri.

Saya telah difahamkan bahawa kerja-kerja membina jejambat, flyover atau Grid Seperated Exchange di Jalan Cheras, Bulatan Jalan Pahang dan Jalan Tun Razak dan Bulatan Edinburgh akan dijalankan secara pengswastaan dan akan dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Menurut syarat-syarat dalam dokumen tender, pelawaan tender yang telah diluluskan oleh Kerajaan merangkumi tiga buah Plaza Tol yang akan diadakan dan di lokasi-lokasi yang telah ditetapkan dalam dokumen tersebut. Tetapi apa yang saya dapat tahu mereka belum mengadakan apa-apa keputusan atas berapakah tol akan dikutip, tetapi saya percaya jika kutipan itu akan berlaku. Kerajaan mesti mengambil berat terhadap rakyat di dalam tanahair ini dan juga pengguna-pengguna jalan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bilakah penduduk-penduduk di sekitar tol itu akan dikecualikan membayar dan apakah kriteria yang akan digunakan untuk menentukan sesiapa yang dapat dikecualikan.

Dan soalan kedua, menurut Gezet pada 8hb Januari, 1987, Plaza Tol itu satu sahaja, bukan dua, bagaimanakah

tol kedua itu dibina dan soalan ketiga, adakah jalan alternatif yang lain, jalan alternatif bagi penduduk-penduduk yang tidak mahu menggunakan jalan raya itu.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, keputusan untuk mengadakan satu lagi tol adalah satu keputusan daripada Jemaah Menteri baru-baru dua-tiga bulan yang lalu dan kita belum ada siarkan dalam Warta Kerajaan atas perkara ini.

Walau bagaimanapun, untuk menyelesaikan masalah penduduk-penduduk yang berhampiran Plaza Tol itu, saya sudah pun umumkan tadi iaitu kepada sesiapa yang bermastautin di kawasan itu akan mendapat sebuah pas daripada syarikat yang akan kenakan tol itu, syarikat swasta. Tetapi ada juga satu lagi cadangan daripada syarikat itu, ada dalam timbangan Kementerian saya, untuk membesarkan jalan yang sedia ada itu iaitu Kampung Batu melalui Kampung Melayu iaitu Batu dan pada akhirnya mereka dapat meialui kampung itu bersambung dengan Jalan Kepong yang sedia ada.

Jadi pengguna-pengguna jalan itu, jika mengikuti jalan itu, jika mereka suka juga menggunakan jalan itu ke Kuala Lumpur atau dari Kuala Lumpur ke Kepong, mereka tak payah membayar apa-apa tol dan boleh mereka juga menggunakan jalan itu.

Saya pada masa sekarang menimbangkan macam mana kita akan memperluaskan jalan itu, macam mana kita boleh menghadapi masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk daripada Kampung Melayu di Batu dan juga Kampung Batu, Pekan Batu, Taman Kok Lian. Ada satu permintaan lagi jika ada juga masalah seperti untuk menggunakan tanah kubur di kawasan itu, saya minta syarikat memberi kebenaran khas, jika ada juga sesiapa yang suka menggunakan tanah

perkuburan itu pada masa ada apa-apa kematian, semua pertimbangan ada juga dalam Kementerian saya.

Saya suka memberi akuan kepada Ahli Yang Berhormat, masalah-masalah daripada kawasan itu, apabila satu-satu masalah yang mereka menghadapi masalah, saya ada di Pejabat yang mana mereka boleh juga membangkitkan masalah itu supaya dapat kita selesaikan masaiah itu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Ngoi Thiam Woh: On a point of order 35 (6). Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor, adakah beliau mempunyai faedah kewangan dengan pemaju Tol Plaza Kepong? Sebab adalah ganjil bahawa beliau menyentuh kepentingan, berjuang untuk kepentingan syarikat itu tetapi kepentingan orang ramai dibiarkan sahaja. Itulah saya hendak minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor, adakah beliau mempunyai faedah kewangan, kepentingan yang bercanggah dengan kepentingan umum?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Peraturan Mesyuarat 35 (6) menyebut bahawa seseorang Ahli tidak boleh bercakap. Saya tidak dengar lagi Ahli Yang Berhormat itu bercakap, dia hanya menyoal sahaja Menteri. Jadi tidak ada kaitan dengan perkara ini dan saya minta teruskan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapa lamakah pihak swasta yang mengendalikan pemungutan tol? Saya difahamkan bahawa ada permohonan untuk melanjutkan tempoh, dan kalau benar, bolehkah Yang Berhormat

Menteri memberikan sebab-sebabnya dan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menimbangkan permohonan itu?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, mengikut perjanjian di antara Kementerian Kerjaraya dan pihak swasta itu, tempoh masanya 9 tahun. Itu sahaja, tidak ada cadangan kita untuk menambah masa lagi.

YURAN ASRAMA PELAJAR MISKIN

5. Tuan Maidom bin Pansai minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kerajaan sedar tentang masalah dan penderitaan yang dihadapi oleh para ibu bapa murid-murid terutama sekali golongan rakyat miskin akibat tindakan Kerajaan mengenakan Yuran Asrama kepada murid-murid yang tinggal di Asrama. Jika sedar atau tidak, adakah Kerajaan bercadang untuk menyiasat perkara ini dan jika didapati benar, adakah Kerajaan boleh bertolak ansur untuk mengecualikan murid-murid daripada keluarga yang miskin dan tidak berkemampuan daripada yuran-yuran Asrama itu.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang sedar akan adanya pelajar-pelajar yang miskin yang menetap dan menggunakan kemudahan asrama, bahkan perlulah diberikan penjelasan bahawa kebanyakan pelajar-pelajar yang diberi keutamaan menetap di asrama adalah dari keluarga yang miskin.

Pada tahun 1982, Kementerian telah menjalankan satu kajian mengenalpasti tentang kemampuan pelajar-pelajar miskin setelah dapatan kajian diperolehi, Kementerian menetapkan bahawa pelajar-pelajar hanya diperlukan membayar \$1.00 daripada perbelanjaan makanan tiap-tiap hari.

Bagi pelajar-pelajar yang kurang mampu, dikurangkan lagi sehingga 60 sen sahaja seorang setiap hari. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, subsidi untuk pelajar-pelajar di Semenanjung ialah \$2.60, di Sabah \$5.00 dan di Sarawak \$4.00 sehari untuk menampung perbelanjaan makanan bagi tiap-tiap murid. Ini bermakna sebahagian dan sejumlah besar peruntukan makanan pelajar-pelajar di asrama adalah ditampung dan itu tidak termasuk kemudahan-kemudahan yang lain yang disediakan untuk pelajar-pelajar.

Walau bagaimanapun, Kementerian sedia mengkaji sekiranya ada permintaan daripada kalangan pelajar-pelajar yang jauh lebih miskin yang tidak mampu membayar apa-apa juapun.

Tuan Maidom bin Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan sedar dengan suatu kewujudan keadaan, di mana beberapa orang murid yang tinggal di Asrama Sekolah Menengah Kebangsaan Taun Gusi, Kota Belud, Sabah yang mana telah dikenakan bayaran yuran sebanyak \$40 sebulan dan kini oleh sebab mereka datang daripada keluarga miskin, mereka tidak dapat membayarnya. Maka mereka telah pun diberi amaran awal yang mana jika sekiranya mereka gagal untuk menjelas yuran tersebut, sekurang-kurangnya 2-3 bulan daripada sekarang ini, mereka akan dikeluarkan daripada asrama.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan memang pelajar-pelajar yang mengaku bersedia untuk membayar yuran akan ditetapkan supaya mereka membayar. tetapi setelah mereka belajar beberapa bulan atau beberapa tahun dan didapati mereka tidak mampu, mereka seharusnya membuat rayuan dan kita insya Allah akan menimbangkan.

Kutipan itu hanya diminta daripada pelajar-pelajar yang telah membuat pengakuan untuk membayar.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Pendidikan kerana seperti yang sedia dimaklumkan oleh beliau, murid-murid yang miskin terdiri daripada kesemua golongan sama ada kaum bumiputera, Cina atau India. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini, apakah pecahan bilangan murid-murid yang tinggal di asrama kerana saya telah menerima beberapa aduan bahawa permintaan permohonan mereka ditolak, sungguhpun mereka benar-benar miskin.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, untuk angka terperinci mengikut kaum dan kawasan, saya memerlukan notis. Walau bagaimanapun, saya ingin menjelaskan bahawa kemudahan itu disediakan untuk semua, walaupun kita tidak berupaya untuk menampung keperluan semua pelajar-pelajar miskin dalam negara kita. Kalau kita lihat kedudukan di tiap-tiap daerah memang ada sahaja pelajar-pelajar di kawasan pendalaman, di luar bandar ataupun kawasan miskin dan sesak di bandar yang meminta kemudahan-kemudahan di asrama, tetapi tidaklah munasabah untuk mengharapkan Kerajaan untuk menampung semua permohonan-permohonan tersebut.

ORANG ASLI—TARAF HIDUP

6. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan taraf hidup Orang-orang Asli; dan

- (b) apakah langkah, jika ada, untuk memastikan bahawa kebudayaan komuniti Orang Asli dipelihara.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah merancang dan melaksanakan beberapa program dalam usahanya untuk memajukan lagi taraf hidup masyarakat Orang Asli di negara ini. Beberapa program pembangunan sosio-ekonomi telah dilancarkan meliputi bidang pelajaran, kesihatan dan pembangunan.

Dalam bidang pelajaran, Kerajaan telah mendirikan 60 buah sekolah di 19 buah daerah di seluruh Semenanjung yang diselenggarakan oleh 190 orang guru. Sekolah-sekolah ini dapat menampung seramai 11,593 orang murid.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga menjalankan beberapa program dalam bidang perubatan dan kesihatan. Program ini dikendalikan bersama oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan Kementerian Kesihatan dan meliputi aktiviti-aktiviti seperti berikut:

- (a) Perkhidmatan Doktor Terbang.
- (b) Perkhidmatan Kesihatan Keluarga.
- (c) Perkhidmatan mengawal penyakit berjangkit dan bawaan vektor.
- (d) Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar,

Selain daripada program pelajaran dan kesihatan, rancangan-rancangan pembangunan ekonomi juga dijalankan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli. Program-program ini dibahagikan kepada tiga bahagian seperti berikut:

- (a) Memodenkan sistem dan teknik-teknik pertanian dan perikanan.

- (b) Mengembangkan perusahaan-perusahaan kecil.

- (c) Mewujudkan Rancangan Pengumpulan Semula yang bertujuan untuk melaksanakan projek pembangunan sosio-ekonomi yang komprehensif dan bersepadu di pusat-pusat pembangunan yang diwujudkan.

Ketiga-tiga aktiviti ini telah membolehkan masyarakat Orang Asli melibatkan diri dalam projek-projek industri kecil, pertanian, perikanan, ternakan dan lain-lain secara lebih teratur dan produktif. Ianya dilaksanakan secara integrasi oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan lain-lain agensi pelaksana di bidang-bidang berkenaan seperti FELDA, FELCRA, Jabatan-jabatan Pertanian dan Perikanan, serta pihak berkuasa Pembangunan Wilayah yang lain.

Kerajaan memang menghormati kebudayaan komuniti Orang Asli dan sentiasa berusaha supaya apa-apa langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup mereka tidak memberi kesan yang negatif kepada kebudayaan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, pemeliharaan kebudayaan sesuatu komuniti pada akhirnya adalah bergantung kepada komuniti itu sendiri.

Tuan Shahidan bin Kassim:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa usaha-usaha Kerajaan adalah gigih dalam meninggikan aspek-aspek sosio dan ekonomi Orang Asli. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam usaha-usaha tersebut terdapat masalah sosio yang utama di kalangan Orang Asli sekarang iaitu:

- (i) mereka ini dieksploitasi oleh kumpulan tertentu. Sebagai contohnya ada terdapat

kontraktor-kontraktor yang menggunakan Orang Asli cuma beri makan, tidak beri gaji. Ada pembalok-pembalok yang menggunakan Orang Asli untuk merai diri mereka. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa ramai Orang Asli yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral di kawasan-kawasan negeri Pahang.

- (ii) adakah Yang Berhormat sedar bahawa Orang Asli yang masuk dalam Pembangunan Wilayah, FELDA dan sebagainya, mereka ini selalu lari pula ke hutan, jadi adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengadakan pembangunan secara *in-situ* kerana saya rasa lebih sesuai dengan keadaan dan suasana mereka.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pendapat yang pertama dari Yang Berhormat dari Arau itu sungguhpun ada kedengaran di sana-sini, tetapi tidak ada laporan yang telah diberikan kepada pihak-pihak yang berkuasa, terutama dari segi penipuan, penyalahgunaan kuasa dan sebagainya. Mereka mula lari daripada kawasan-kawasan rancangan, terutama FELDA, kerana perkara ini dalam bidang kuasa Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Namun begitu, kita dapati misalnya di Johor beberapa Orang Asli telah pun diberi rancangan dan didapati bahawa mereka patuh dengan segala apa yang telah pun diarahkan di dalam FELDA itu sendiri.

Dr V. David: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daudi: Puchung pun ada Orang Asli juga!

Dr V. David: Ada di kawasan saya. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat.

Dr V. David: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sama ada dengar atau tidak, bermacam-macam faedah diadakan untuk membantu Orang Asli, tetapi tidak jauh dari Kuala Lumpur iaitu lebih kurang 14 batu, di Puchung sana ada satu kampung Orang Asli, tidak ada kemudahan air dan api, basic amenity tidak ada. Kalau kemudahan api dan air untuk Orang Asli tidak ada, macam mana lain-lain faedah mereka boleh dapat?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyalahkan Orang-orang Asli itu dan sukar juga kalau hendak menyalahkan Kerajaan, kerana mungkin Kerajaan tidak tahu, mungkin Yang Berhormat Wakil Rakyat di kawasan itu tidak membuat kerja. (*Tepuk*)

Dr V. David: Pegawai Daerah dan semua kakitangan di kawasan saya tidur, mana ada cekap. Kita cakap cekap tidak ada cekap.

Tuan Madatang bin Morejal: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyenaraikan nama-nama kaum yang termasuk dalam golongan Orang-orang Asli yang terdapat di seluruh negara, khususnya di Sabah dan Sarawak?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kerana kita hanya menekankan Orang-orang Asli di Semenanjung, jadi saya tidak dapat menyenaraikan nama Orang-orang Asli yang dianggap dalam kategori Orang-orang Asli di Sabah dan Sarawak, dan saya mohon notis.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan. Selain daripada kemudahan-kemudahan yang telah

disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya ingin bertanya adakah juga Orang-orang Asli ini diberi tempat dalam Perkhidmatan Awam ataupun Jabatan Kerajaan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat dan warganegara negara ini, sesiapa sahaja yang berkebolehan, mereka akan diberi tempat dan banyak daripada keturunan Orang-orang Asli ini memegang jawatan-jawatan penting seperti doctor, dresser, telephone operator, juga sebagai Senator.

SPECIFIC RELIEF ACT 1950— DERAF PINDAAN

7. Tuan Peter Paul Dason minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan mengarah hakim negara untuk menderafkan pindaan-pindaan yang perlu:

- (a) kepada Specific Relief Act 1950 di mana tuan-tuan tanah dan/atau pemaju-pemaju mestilah terlebih dahulu mendapat perintah mahkamah sebelum penyewa-penyewa tanah boleh dihalau keluar dari kediaman mereka; dan
- (b) kepada Penal Code supaya dijadikan kesatahan jenayah bagi tuan-tuan tanah dan/atau pemaju-pemaju yang menggunakan kekerasan untuk menghalau penyewa-penyewa dan/atau penyewa-penyewa tanah dari kediaman mereka tanpa terlebih dahulu mendapat perintah dari mahkamah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, seksyen 7 Akta tersebut telah memperuntukkan bahawa seseorang itu berhak mendapat balik milikan sesuatu tanah

mengikut peruntukan "proses sibil" yang telah ditetapkan. Seksyen 8 pula memberi relief kepada seseorang di mana milikannya telah dirampas tidak mengikut undang-undang. Pemberian notis ataupun tindakan mahkamah adalah dua proses di mana yang diakui oleh mahkamah bagi seseorang itu boleh mendapatkan milikannya. Peruntukan ini terpakai kepada semua pemilik tanah termasuk Kerajaan, syarikat perkongsian dan orang persendirian. Dengan itu, Kerajaan berpendapat bahawa peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Akta, dengan izin, Specific Relief Act 1950 adalah mencukupi dan memadai untuk berlaku adil bagi memberi perlindungan kepada semua pihak. Dengan itu juga Kerajaan berpendapat tidaklah perlu pindaan dibuat kepada Akta berkenaan.

Sesiapa yang bertindak yang menyalahi mana-mana proses undang-undang ataupun di luar undang-undang boleh didakwa di bawah undang-undang yang berkaitan termasuk Penal Code. Kerajaan berpendapat undang-undang adalah mencukupi untuk kesalahan-kesalahan ke atas tindakan-tindakan keterlaluan, salah di sisi undang-undang ataupun yang tidak mengikut undang-undang. Ini termasuk menggunakan kekerasan untuk menghalau penyewa-penyewa sekiranya tindakan tersebut adalah keterlaluan dan menyalahi undang-undang. Dengan itu tidaklah perlu Penal Code dipinda.

Tuan Peter Pau) Dason: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Timbalan Menteri berkenaan memberitahu Dewan ini adakah beliau sedar bahawa keputusan Mahkamah Agung dalam kes Poh Tsu Siang di mana mahkamah tersebut memutuskan bahawa seseorang tuan tanah boleh menggunakan "reasonable force" untuk mengusir keluar penyewa-penyewa tanah daripada rumah-rumah

mereka akan mengancam keamanan jika tuan-tuan tanah menggunakan keputusan ini bagi kepentingan diri. Oleh yang demikian, bolehkah Kerajaan meminta pihak Polis mencampurtangan dan menghalang tuan-tuan tanah dari mengusir keluar penyewa-penyewa tanah tanpa mendapat satu perintah mahkamah sekiranya ada aduan Polis mengenai percubaan-percubaan begitu oleh tuan-tuan tanah.

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, keputusan itu keputusan Mahkamah Agung di Kuala Lumpur. Saya ingat mengenai perkara lain, itu Polis boleh siasat jikalau ada aduan dibuat.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa di lain-lain negara, semacam India dan United Kingdom pun sudah ada undang-undang yang baru untuk memberi perlindungan kepada orang-orang yang menduduki rumah supaya tanpa arahan (order) daripada mahkamah bahawa tidak boleh ada tindakan untuk "evict" atau menghalau occupant semacam, dengan izin, protection from eviction Act di UK dan kenapa kita tidak boleh buat begitu daripada segi kestabilan sosial oleh kerana perkara "can take" seorang sudah mati dan kita tidak mahu tengok lebih nyawa dikorbankan dan untuk menjaga khasnya orang-orang yang miskin, orang-orang yang susah dihalaukan oleh mereka yang begitu kaya-raya, begitu ada hubungan dengan mereka yang berkuasa, semacam dalam MCA, dalam Barisan Nasional, Kerajaan memberi perlindungan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat jangan berucap!

Tuan Lim Kit Siang: boleh buat satu pindaan kepada undang-undang.

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian saya sedar di UK ada satu undang-undang berkenaan ini, tetapi saya ingat negara kita tak boleh, dengan izin, kena "import lock stock and barrel" undang-undang luar negeri. Kerajaan.....

Tuan Lim Kit Siang: Specittc Reliet' Act dari mana?

Dato' Oo Gin Sun: Tetapi jikalau ada faedah kepada negara kita, Kerajaan kita boleh kaji perkara ini.

LEBUHRAYA UTARA-SELATAN/ TIMUR-BARAT

8. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) jumlah dan sumber kewangan pembinaan lebuh raya Utara-Selatan dan Timur-Barat;
- (b) jumlah kewangan diperlukan bagi membuat kerja-kerja pembaikan (maintenance) setiap tahun sehingga tempoh 5 tahun ke hadapan; dan
- (c) berapa banyakkah penglibatan syarikat asing dalam sistem penswastan rancangan ini dari segi modal, pakar-pakar dan pekerja luar dalam pelaksanaan sepenuhnya projek ini. Bagaimana bandingannya dengan penglibatan syarikat tempatan.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan-soalan Yang Berhormat ialah seperti berikut:

- (a) Sehingga 31hb Mei, 1987 pembinaan bahagian-bahagian Lebuh raya Utara-Selatan yang telah siap melibatkan perbelanjaan sebanyak \$3.32 billion atau \$3,320 juta. Sumber-sumber kewangan yang diperolehi bagi membiayai

pembinaan bahagian-bahagian lebuh raya tersebut adalah seperti berikut:

- (i) pinjaman komersial iaitu \$1,694.4 juta;
- (n) pinjaman dari Kerajaan \$1,122.7 juta;
- (iii) pemberian Kerajaan iaitu \$502.9 juta iaitu sejumlah \$3,320 juta.

Pembinaan bahagian-bahagian yang belum siap akan dilakukan secara penswastan yang mana kosnya dianggarkan lebih kurang \$3.4 billion atau \$3,400 juta. Saya difahamkan bahawa sumber-sumber kewangan untuk membiayai pembinaan ini adalah dari tempatan dan juga luar negeri. Manakala bagi pembinaan jalan raya Timur-Barat pula jumlah wang yang dibelanjakan hingga kini adalah sebanyak \$540 juta. Sumber kewangannya adalah dari Bank Pembangunan Asia sebanyak \$23.25 juta dan baki adalah daripada Kerajaan kita.

- (b) Kos penyelenggaraan lebuh raya-lebuh raya dan jalan raya tol di bawah jagaan Lembaga Lebuh raya Malaysia setiap tahun sehingga 5 tahun akan datang adalah seperti berikut:

Tahun 1987	..	\$13.8 juta
1988	..	\$15.8 juta
1989	..	\$16.0 juta
1990	..	\$70.6 juta
1991	..	\$19.0 juta

Kos penyelenggaraan biasa bagi jalan raya Timur-Barat adalah sebanyak \$3 juta setiap tahun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga ini

sebanyak 90 buah cerun telah dikenalpasti untuk kerja-kerja pembaikan dan akan menelan belanja sebanyak \$50 juta.

- (c) Dalam rancangan penswastan Lebuh raya Utara-Selatan, penglibatan syarikat asing dari segi modal adalah 56%, pakar ialah 20%, manakala pekerja-pekerja yang terlibat adalah semuanya terdiri daripada pekerja tempatan. Jalan raya Timur-Barat tidak ada cadangan untuk diswastakan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri bilakah bahagian lebuh raya Utara/Selatan dari Butterworth ke Changkat Jering akan dibina memandangkan bahawa kedudukan lalulintas setakat ini sangat buruk sekali?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menandatangani perjanjian di antara swasta dengan Kerajaan, saya mencadangkan kita akan memulakan kerja daripada Changkat Jering ke Taiping menjadi bahagian yang pertama; yang kedua, ialah daripada Taiping ke Butterworth dan dari Butterworth ke Gurun menjadi satu bahagian jalan yang terbesar dalam pelaksanaan ini. Selepas itu juga kita akan memulakan kerja daripada Air Hitam ke Johor Bahru.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut angka yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi mengenai dengan kos kerja-kerja pembaikan, ianya meningkat setiap tahun. Apakah ini satu jangkaan ataupun perbelanjaan yang sudah pasti dan apakah cara pihak Jabatan Kerjaraya untuk mencari jalan bagi mengurangkan kos kerja-kerja pembaikan ini?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, penyelenggaraan jalan pada masa ini lain daripada masa dahulu. Masa dahulu jalan hanya dengan dua hala sahaja dan luas jalan ialah 26 kaki. Pada masa sekarang jalan itu lebih daripada 50 kaki dengan dua hala empat lorong. Sebab itulah kos ini meningkat daripada apa yang kita belanja masa dahulu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan bahawa tiada bahagian apa pun akan diswastakan. Adakah ini termasuk plaza-plaza tol dan sebagainya untuk Lebuhraya Utara/Selatan.

Keduanya, mengapa syarikat-syarikat asing mengambil bahagian begitu besar peratusannya. Adakah ini bermakna tiada pakar-pakar dan modal tempatan yang dapat membuat lebuhraya tersebut?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya katakan tadi, pinjaman untuk lebuhraya itu ialah lebih kurang 56% daripada luar negeri. Selain daripada itu semua daripada tempatan. Pakar-pakar perunding untuk merekabentuk kerja-kerja ini telah siap dan kita telah menggunakan pakar-pakar perunding tanahair kita 100%, tidak ada kerja lagi untuk diberi kepada sesiapa. Apabila kita menjalankan proses pembinaan jalanraya ini pakar-pakar yang telah ditantik boleh juga meneruskan usaha-usaha mereka dalam kerja ini.

BATIK MALAYSIA—MEMAJUKAN

9. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menjelaskan adakah Kementerian bercadang hendak memperkenalkan/memperluaskan bagi penggunaan Batik Malaysia di dalam ataupun di luar negeri dan

apakah usaha-usaha Kementerian bagi menolong memajukan pengusaha-pengusaha industri batik tempatan.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali); Tuan" Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat sukacita saya menjelaskan bahawa Kementerian sememanglah telah pun memperkenalkan, memperluas dan mempelbagaikan penggunaan Batik Malaysia di dalam ataupun di luar negeri. Agensi-agensi pelaksanaan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar seperti Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Batik Malaysia Berhad, Syarikat Pemasaran Karianika Sdn Bhd dan bahagian Industri Kampung sentiasa berusaha untuk membantu pengusaha-pengusaha batik tempatan bagi meningkatkan kemahiran mereka serta mutu pengeluaran batik. Kerajaan usaha berusaha untuk mendapatkan pasaran dan menyediakan bantuan peralatan mesin-mesin dan bengkel-bengkel kepada pengusaha-pengusaha dengan tujuan untuk memajukan industri batik di negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa bagi pertanyaan Jawab Mulut tamat.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2 dan 10 hingga 69 adalah diberi di bawah ini).

PELABURAN OLEH PKEN

2. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan berapakah jumlah pelaburan dalam bentuk projek dan perbelanjaan yang telah dibuat oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri di seluruh negara. Berapakah jumlah wang yang telah dilaburkan oleh Negeri Sarawak dan

Sabah. Kalau untung; berapakah jumlahnya, dan kalau rugi pula berapa jumlahnya.

sebanyak \$5.235 juta dan PKEN Sarawak memperoleh lebih sebanyak \$5.804 juta.

Menteri Perusahaan Awam (Puan Napsiah binti Omar): Jumlah pelaburan yang telah dibuat oleh PKEN-PKEN di seluruh negara dalam bentuk ekuiti sehingga 31 Jun 1986 adalah sebanyak \$963.149 juta. Jumlah perbelanjaan pembangunan yang telah dibuat oleh PKEN-PKEN bagi tahun 1986 adalah sebanyak \$499.988 juta. Perbelanjaan pembangunan ini adalah untuk melaksanakan berbagai-bagai projek meliputi perumahan dan perkedaian, pembangunan kawasan perindustrian, pembangunan bandar-bandar baru, pembangunan kompleks-kompleks pejabat dan perniagaan, pembangunan infrastruktur pelancongan, pembangunan pertanian dan juga aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pelancongan dan petroleum. Jumlah perbelanjaan pembangunan yang terbesar adalah untuk projek perumahan dan perkedaian iaitu sebanyak \$273.978 iaitu 55% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1986.

Jumlah pelaburan bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak adalah seperti berikut:

(i) Pelaburan ekuiti sehingga akhir 1986:

Sabah	\$183.556
Sarawak	\$ 45.633

(ii) Perbelanjaan Pembangunan untuk tahun 1986 sahaja:

Sabah	\$ 6.400
Sarawak	\$11.037

Prestasi PKEN Sabah dan Sarawak mengenai penerimaan dan perbelanjaan yang telah dicapai bagi tahun 1986 menunjukkan PKEN Sabah mengalami kekurangan

PETRONAS—PERUNTUKAN WANG

10. **Tuan Lau Dak Kee** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah peruntukan telah diberi kepada PETRONAS hingga setakat ini;
- (b) Peranan telah dicapai untuk menaikkan Ekonomi Negara;
- (c) Senaraikan projek-projek dan nilainya yang diberi kepada pemborong tempatan dan pemborong asing dan syarikat kerjasama.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam):

- (a) Kerajaan tidak pernah memberi sebarang peruntukan wang kepada PETRONAS.
- (b) Semenjak PETRONAS ditubuhkan ia telah berjaya memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara. Sebagai sebuah syarikat yang mempunyai hak ke atas sumber-sumber petroleum, PETRONAS telah menyumbangkan pendapatan wang kepada Kerajaan dalam bentuk cukai pendapatan, dividen, cuti eksport dan royalti. Di samping itu dengan hasil dari pendapatan eksport petroleum ia telah membantu Kerajaan dari segi pendapatan tukaran wang asing.

Berdasarkan kepada penyata kewangan PETRONAS yang berakhir pada 31 Mac 1986, PETRONAS telah memberi sumbangan wang kepada

Kerajaan Persekutuan
berjumlah \$6,478 juta yang
terdiri daripada:

	\$ (Juta)
Cukai Pen- dapatan	2,668
Dividen	2,000
Duti Eksport	1,207
Royalti	603
	6,478

Sementara pembayaran royalti kepada Kerajaan-kerajaan Negeri Terengganu, Sabah dan Sarawak pula berjumlah \$603 juta.

Di samping sumbangan wang secara langsung kepada Kerajaan, PETRONAS telah berjaya menggalakkan pembangunan industri sokongan seperti industri membekalkan alat-alatan, barang-barang dan perkhidmatan yang berkaitan dengan industri petroleum dan kegiatan pemasaran barang-barang keluaran petroleum. Setakat 31 Disember 1986 sebanyak 3,534 buah syarikat yang telah berdaftar dengan PETRONAS dalam berbagai-bagai jenis perniagaan. Pembangunan projek-projek seperti carigali dan pengeluaran, loji gas cecair asli, loji baja urea ammonia, loji penapis dan penggunaan gas Semenanjung telah dapat membantu memajukan kawasan-kawasan kurang membangun seperti Bintulu dan Kerteh. PETRONAS juga sedang mengkaji kemungkinan diwujudkan industri petrokimia seperti polyethelene/ethelene dan Methyl Tertiary Butyl Ether (MTBE) di negara ini

yang akan memerlukan pelaburan besar dan dijangka akan meningkatkan lagi perkembangan ekonomi negara ini. Kesemua kegiatan PETRONAS di dalam bidang perusahaan petroleum seperti yang disebutkan itu secara langsung telah mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang banyak kepada rakyat negara ini. Pada akhir tahun 1986 sebanyak 14,638 peluang pekerjaan telah dapat diwujudkan dalam industri petroleum amnya dan jumlah kakitangan PETRONAS khususnya adalah seramai 7,019 orang.

- (c) Memandangkan projek-projek yang telah dan sedang dijalankan oleh PETRONAS terlalu banyak, adalah tidak mungkin untuk menyenaraikan ke semua bilangan projek-projek tersebut. Walau bagaimanapun secara keseluruhannya, dari tahun 1980 sehingga bulan Mac 1987 sejumlah 5,253 bilangan kontrak yang bernilai \$9,476 juta telah ditawarkan kepada pemborong tempatan (termasuk syarikat kerjasama) dan pemborong asing. Daripada jumlah ini \$6,985 juta atau 73.7% telah ditawarkan kepada pemborong tempatan dan \$2,491 juta atau 26.3% telah ditawarkan kepada pemborong asing.

KEMALANGAN JALAN RAYA— STATISTIK

11. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapakah jumlah kemalangan jalan raya yang berlaku termasuk kecederaan dan kehilangan nyawa

sepanjang tahun 1985 dan 1986. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kerja Raya bagi mengatasi masalah kemalangan tersebut.

<i>Pada tahun 1985</i>	<i>Semenanjung Malaysia</i>	<i>Sabah</i>	<i>Sarawak</i>
Jumlah kemalangan	75,300	3,959	2,800
Jumlah kematian ..	2,118	168	131
Jumlah kecederaan parah	6,219	328	329
Jumlah kecederaan ringan	13,187	606	876
<i>Pada tahun 1986 (hingga bulan September 1986)</i>	<i>Semenanjung Malaysia</i>	<i>Sabah</i>	<i>Sarawak</i>
Jumlah kemalangan	54,175	2,612	3,369
Jumlah kematian ..	2,483	102	100
Jumlah kecederaan parah	4,462	205	246
Jumlah kecederaan ringan	9,479	426	651

Kementerian Kerjaraya telah membuat kajian atas kemalangan yang telah berlaku dan dari statistik yang dipungut telah dapat mengenalpasti lokasi-lokasi yang sering berlaku kemalangan. Di antara tindakan akan dan sedang diambil ialah memperbaiki geometrik jalan raya-jalan raya secara berperingkat-peringkat iaitu meluruskan jalan yang bengkok dan merbahaya, dan juga memasang papan-papan tanda untuk memberi amaran dan panduan kepada lalulintas di kawasan yang sering berlaku kemalangan itu.

WABAK TAIPOD/TAUN/ DENGGI/HEPATITIS

12. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa Pulau Pinang adalah salah sebuah negeri yang dilanda wabak penyakit taifod, taun, denggi dan hepatitis dengan begitu teruk sekali di negara ini;
- (b) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh

Dato' S. Samy Vellu: Mengikut statistik yang telah disediakan oleh Polis di Raja Malaysia kemalangan jalan raya dalam tahun 1985 dan 1986 adalah seperti berikut:

Kementerian ini bagi mengatasi merebaknya penyakit tersebut di negeri ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa buah negeri di Malaysia, termasuk Pulau Pinang, telah terlibat dengan wabak taifod, taun, denggi dan hepatitis. Penyakit taun dan taifod telah merebak secara besar pada tahun ini. Pada masa keadaan wabak ini telah terkawal. Penyakit taun tidak merebak di Pulau Pinang kali ini. Penyakit-penyakit tersebut adalah "endemic" di Malaysia dan dari masa ke semasa wabak boleh berlaku apabila keadaan sesuai (favourable) baginya.

Kebanyakan kes-kes hepatitis, taifod dan denggi yang dilaporkan di Pulau Pinang adalah daripada kawasan Majlis Perbandaran. Ada beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya wabak hepatitis dan taifod di Pulau Pinang. Satu

daripada taktor jni ialah pencemaran makanan laut seperti kerang dengan kuman penyakit-penyakit tersebut terutama sekali bila makanan-makanan ini tidak dimasak dengan secukupnya, Faktor yang lain ialah adanya ramai penjaja dan pengendali makanan di Pulau Pinang. Mereka ini, biasanya, didapati menjadi punca merebaknya wabak-wabak ini. Berkenaan dengan penyakit denggi pula, ianya berlaku di Pulau Pinang oleh sebab adanya nyamuk Aedes yang membiak dalam rumah-rumah dan juga mudahnya merebak penyakit ini oleh sebab kesesakan penduduk.

(b) Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan semasa wabak hepatitis dan taifod berlaku, ialah bertujuan untuk menghapuskan punca dan menyekat dari merebak penyakit-penyakit berkenaan dengan cara:

- (1) Menyiasat dengan segera kes-kes yang dilaporkan dan memusnahkan punca-punca penyakit sebaik-baik sahaja ianya dikenalpasti.
- (2) Mengasing dan merawat semua pesakit di hospital-hospital dan pesakit hanya di benarkan pulang setelah rawatan sepenuhnya diberi.
- (3) Memberi pelajaran kesihatan kepada orang ramai yang bertujuan untuk menasihati mereka supaya tahu cara-cara untuk mengelakkan daripada terkena penyakit berkenaan. Mereka juga telah diberi

nasihat supaya memakan hanya kerang yang telah dimasak dengan secukupnya.

- (4) Untuk mengelakkan wabak ini merebak melalui makanan yang dijual oleh penjaja-penjaja dan di gerai-gerai makanan, semua penjaja dan pengendali makanan di gerai-gerai telah diperiksa dari kesihatan dengan rapinya. Mereka yang dikesan sebagai pembawa (carrier) penyakit-penyakit ini telah pun diberi rawatan dan diarah berhenti bekerja sementara waktu. Mereka telah juga diberi pelajaran kesihatan dengan secukupnya supaya mereka tahu cara-cara yang selamat memasak, menyimpan dan menyediakan makanan.

Selain daripada langkah-langkah yang saya sebutkan tadi, Kementerian Kesihatan juga membantu pihak Negeri mengawal wabak taifod dengan menghantar seorang Pakar Epidemiologi, seorang Pakar Kaji Kuman, seorang Pakar Kaji Penyakit, seorang Pakar Perubatan dan 5 orang Inspektor Kesihatan. Di samping itu, Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Pulau Pinang serta juga Majlis Perbandaran, Pulau Pinang telah mempergiatkan lagi aktiviti anti taifod. Kakitangan yang perlu untuk aktiviti ini seperti

pegawai kesihatan dan Inspektor Kesihatan telah diperbanyakkan.

- (c) Tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Kesihatan ialah tindakan jangka panjang setelah wabak berlaku dan bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya lagi wabak yang sama. Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah diminta untuk memperbaiki sistem pembuangan najis yang ada sekarang. Majlis ini juga diminta untuk menentukan semua penjaja dan pengendali makanan adalah sihat dan tidak mengidap apa-apa penyakit berjangkit. Majlis juga hendaklah menentukan semua penjaja-penjaja dan pengendali makanan diberi pelajaran kesihatan dengan secukupnya supaya mereka tahu cara-cara memasak, menyimpan dan menyediakan makanan dengan bersih dan selamat.

SENJATAPI—PERMOHONAN PINDAH MILIK

13. Tuan Muhamad bin Abdullah minta Menteri Dalam Negeri mencari jalan supaya proses permohonan pindah milik senjatapi terutamanya permohonan daripada penduduk-penduduk luar bandar dapat dilaksanakan dengan segera kerana didapati ada di antaranya hingga 2 atau 3 tahun permohonan tersebut masih belum diselesaikan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa proses permohonan memiliki senjatapi memerlukan siasatan, kajian dan semakan yang teliti dari pihak Polis dan jabatan-jabatan lain yang berkenaan di peringkat daerah dan

negeri. Di samping itu pemohon juga dikehendaki menghadapi temuduga-temuduga yang berasingan serta mengemukakan dokumen-dokumen yang lengkap bagi menyokong permohonan tersebut.

Proses permohonan tukarmilik senjatapi biasanya dapat diselesaikan dalam tempoh 5 bulan hingga setahun. Walau bagaimanapun terdapat beberapa kes yang mengambil masa 2 atau 3 tahun dan ianya adalah jarang-jarang berlaku. Kelewatan ini pada lazimnya berpunca dari kegagalan atau kelewatan pemohon memberikan maklumat-maklumat yang lengkap seperti surat pentadbir harta pusaka, salinan geran tanah, pertukaran alamat dan seumpamanya. Saya percaya jika pemohon-pemohon dapat memberikan maklumat-maklumat yang lengkap dan kemaskini, insya Allah kelewatan seperti itu dapat dihindarkan.

KAMPUS CAWANGAN UNIYERSITI LUAR NEGERI

14. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pendidikan supaya menjemput universiti-universiti luar negeri yang terkenal untuk mendirikan kampus-kampus mereka dalam negeri ini untuk memberi lebih peluang kepada pelajar-pelajar yang layak yang secara lain terpaksa pergi ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran mereka dan membelanjakan sebanyak lebih kurang \$1 billion dalam pertukaran asing tiap-tiap tahun.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tidak membenarkan mana-mana universiti di luar negeri menubuhkan kampus cawangannya di negara ini. Peluang-peluang pengajian tinggi boleh dipertingkatkan melalui pembesaran kampus induk, penubuhan kampus-kampus cawangan dan perluasan

program-program pengajian. Bagi tahun 1986 Kementerian Pendidikan telah membelanjakan lebih kurang \$16 juta untuk membiayai program pelajarannya di luar negeri.

PEMBAYARAN LESEN KENDERAAN MOTOR DI PEJABAT POS

15. **Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Pengangkutan menyatakan kenapa pengumuman beliau bahawa pembayaran cukai jalan dan lesen pemandu boleh dibuat di pejabat-pejabat pos mulai Januari tahun ini tidak dilaksanakan.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Skim pembayaran lesen kenderaan motor (cukai jalan) bagi motosikal di pejabat-pejabat Pos tidak dapat dilaksanakan mulai pada bulan Januari tahun ini oleh kerana peruntukan undang-undang sekarang di bawah Ordinan Lalulintas Jalan 1958 tidak membenarkan agensi-agensi lain, selain daripada Jabatan Pengangkutan Jalan untuk mengutip pembayaran tersebut. Walau bagaimanapun peruntukan bagi melaksanakan skim pembayaran lesen kenderaan motor dan juga lesen memandu di agensi-agensi lain telah pun dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang Akta Pengangkutan Jalan 1987, sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Rang Undang-undang tersebut akan dibentangkan di Dewan Yang Mulia pada sesi ini.

PINJAMAN TEMPATAN/LUAR NEGERI

16. **Tuan Ting Check Ming** minta Menteri Kewangan menyatakan bilakah dan bagaimanakah Kerajaan menjelaskan hutangnya; berapa tahunkah akan diambil oleh Kerajaan untuk menjelaskan hutangnya.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan membiayai projek-projek pembangunan melalui pinjaman tempatan dan luar negeri. Pada umumnya pinjaman yang diambil untuk sesuatu projek itu adalah tertakluk kepada tempoh bayaran balik yang panjang. Oleh kerana pinjaman dilakukan berterusan satu demi satu dan setiap pinjaman itu mempunyai syarat-syarat dan tempoh matang yang berlainan, adalah sukar untuk dipastikan tempoh kesemuanya hutang negara dapat dijelaskan, melainkan jika diputuskan oleh Kerajaan yang negara ini tidak akan lagi meminjam dari satu tarikh yang ditentukan. Berdasarkan hutang dalam dan luar negeri yang ada sekarang, tarikh akhir pembayaran balik ialah tahun 2015.

Kementerian Kewangan adalah sentiasa mengawasi pinjaman-pinjaman yang diambil supaya segala pembayaran boleh dibuat pada tarikh dan tempoh yang telah ditetapkan.

PROJEK PERSAWAHAN KEMASIN—SEMERAK

17. **Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapakah jumlah wang yang telah dan akan dibayar kepada pakar perunding untuk membuat kajian bagi membangunkan projek persawahan Kemasin-Semerak di jajahan Bachok, Kelantan; dan
- (b) berapakah jumlah yang telah dibelanjakan untuk pakar itu membuat kajian dan membual cadangan dalam fasa pertama projek itu.

Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid): Soalan (a) dan (b)

akan dijawab serentak memandangkan kawasan kajian yang dimaksudkan di (a) adalah sama dengan kawasan pelaksanaan fasa pertama yang dimaksudkan di (b). Kajian kemungkinan Projek Pembangunan Kemasin-Semerak telah diadakan pada tahun 1979 bertujuan untuk membangunkan kawasan luar bandar yang mundur meliputi jajahan-jajahan Bachok dan Pasir Puteh. Kajian tersebut telah dijalankan dalam tempoh 12 bulan dan tamat pada tahun 1980 dan jumlah perbelanjaan ialah \$1.820 juta meliputi kos-kos perunding asing dan perunding tempatan.

PENYAKIT BUAH PINGGANG—RAWATAN

18. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Kesihatan menyatakan tiadanya dan kurangnya alat-alat perubatan khasnya untuk penyakit Buah Pinggang di Hospital Besar Tawau, Sabah memandangkan ramainya penduduk dan pesakit di kawasan bahagian Tawau termasuk daerah Semporna, Lahad Datu dan Kunak, maka adalah wajar agar alat-alat perubatan tersebut diadakan dan ditambahkan begitu juga dengan kos pembayarannya agar dapat dikurangkan memandangkan ramainya penduduk di bahagian tersebut terdiri dari rakyat berpendapatan rendah. Malahan ada di antara mereka yang terpaksa berubat ke Kota Kinabalu yang mana akan membebankan kos tinggi.

Dato' K. Pathmanaban: Kementerian Kesihatan berpendapat bahawa berdasarkan kepada keperluan semasa, alat-alat untuk merawat penyakit buah pinggang di Hospital Besar Tawau adalah mencukupi. Bagaimanapun peralatan khas untuk rawatan Haemodialysis memanglah tidak ada di Hospital

Besar Tawau pada masa ini. Pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan ini akan dirujuk ke Hospital Besar Queen Elizabeth Kota Kinabalu.

Kos pembayaran ke atas sebarang rawatan di mana-mana hospital Kerajaan adalah tertakluk kepada Perintah Fee (Perubatan) 1982. Bagi pesakit-pesakit yang tidak mampu, mereka boleh memohon kepada Ketua Hospital yang berkenaan untuk mendapatkan pengecualian dari membayar kesemua atau sebahagian dari caj yang dikenakan.

LULUSAN EKONOMI DI KEMENTERIAN LUAR NEGERI

19. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah pihak Kementerian sekarang ini mengutamakan calon-calon yang berkelulusan atau berpengalaman dalam bidang ekonomi dalam pengambilan pegawai-pegawai baru untuk perkhidmatan diplomatik memandangkan keutamaan perhubungan ekonomi di antara Malaysia dengan negara-negara asing.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian memang memberi keutamaan kepada pegawai yang berkelulusan dan berpengalaman dalam pelbagai bidang termasuk bidang ekonomi. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan di sini bahawa pengambilan serta pengagihan pegawai-pegawai untuk Kementerian ini dibuat oleh agensi Kerajaan yang lain iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam. Rundingan akan diadakan dengan agensi berkenaan supaya lebih banyak pegawai-pegawai yang berkelulusan dalam bidang ekonomi ditempatkan di Kementerian Luar Negeri.

SABAH BANK—MENGAMBILALIH

20. Tuan Hsing Yun Shean minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Bank Negara akan mengambilalih pengurusan Sabah Bank setelah mengalami kerugian sebanyak 100 juta ringgit dalam tahun 1985 dan 1986. Apakah hasil perundingan yang diperolehi di antara pemilik Sabah Bank dan Bank Negara. Bagaimanakah Bank Negara boleh membantu menyelamatkan Sabah Bank.

Tuan Loke Yuen Yow: Mengikut kedudukan sekarang, adalah wajar bagi Bank Negara untuk mengambilalih Sabah Bank Berhad. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, rancangan menyusun semula modal Sabah Bank Berhad sedang dirangka dan akan diumumkan tidak lama lagi. Langkah-langkah sedang diambil untuk mengukuhkan modal dan pengurusan bank tersebut.

PAS KERJA

21. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa Jabatan Imigresen mengeluarkan pas kerja kepada pekerja-pekerja asing manakala ini harusnya tanggungjawab tunggal Kementerian Buruh, sila nyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki keadaan ini dan nyatakan sama ada keutamaan akan diberi kepada orang-orang tempatan di Malaysia sebelum pas kerja dikeluarkan kepada orang-orang asing.

Dalo¹ Megat Junid bin Megat Ayob: Menurut peruntukan undang-undang sekarang, warganegara asing yang bukan penduduk tetap Malaysia hendaklah mendapatkan pas kerja daripada Jabatan Imigresen jika mereka hendak bekerja di negara ini. Sebelum pas kerja dikeluarkan kepada

seseorang warganegara asing, Jabatan Imigresen sentiasa memberi keutamaan kepada rakyat Malaysia untuk mendapatkan pekerjaan. Ini dilaksanakan dengan cara mendapat pengesahan daripada majikan tempatan bahawa mereka telah benar-benar berusaha untuk mendapatkan rakyat Malaysia bagi pekerjaan yang dipohon itu tetapi gagal.

BANK ISLAM—KEMAJUAN

22. Tuan Muhamad Yusof bin Haji Abdul Latif minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh Bank Islam setelah sekian lama menjalankan operasinya. Tidakkah Kerajaan bercita-cita hendak menerapkan sistem Bank Islam itu ke dalam Bank-bank lain di Malaysia. Jika ada bilakah masanya.

Tuan Loke Yuen Yow: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, matlamat utama penubuhan Bank Islam ialah untuk mengujudkan sebuah bank perdagangan yang menyediakan perkhidmatan serta kemudahan bank berlandaskan hukum-hukum Islam. Perkhidmatan dan kemudahan ini disediakan kepada dua pihak, iaitu pihak yang ingin menyimpan wang dan pihak yang ingin mendapat pembiayaan dari Bank.

Sehingga 31hb Mei 1987 Bank Islam telah berjaya menerima simpanan sebanyak \$804.5 juta dari 148,647 penyimpan. Bank Islam juga berjaya membayar kadar keuntungan kepada penyimpan-penyimpan ini dan kadar yang dibayar berubah dari bulan ke bulan mengikut kadar keuntungan sebenar yang dicapai oleh Bank. Sebagai contohnya, kadar keuntungan yang telah dibayar atas simpanan yang cukup tempohnya pada 16hb April hingga 15hb Mei 1987 ialah di antara 4.42% hingga 8.04% bergantung kepada jenis dan tempoh simpanan yang dibuat. Mengenai pembiayaan

pula, sehingga 31hb Mei 1987 Bank Islam telah mengeluarkan pembiayaan sebanyak \$426.7 juta kepada 2,283 pelanggan. Pembiayaan ini meliputi semua sektor ekonomi.

Untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang dinyatakan di atas, Bank Islam telah berusaha sejak dari tarikh penubuhannya untuk meluaskan rangkaian cawangannya seberapa cepat yang boleh. Hasilnya sehingga masa ini, Bank Islam telah berjaya membuka 18 cawangan iaitu satu cawangan dalam tiap-tiap negeri kecuali Perak (2 cawangan) dan 4 buah cawangan di Wilayah Persekutuan.

Dari segi prestasi kewangan, Bank Islam telah berjaya memperolehi keuntungan sebelum cukai dan zakat sebanyak \$2.36 juta pada tahun kewangan berakhir 30hb Jun 1986 berbanding dengan kerugian sebanyak \$1.29 juta pada tahun kewangan berakhir 30hb Jun 1984, iaitu tahun pertama operasinya.

RUMAH KELUARGA PASUKAN TENTERA

23. **Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Pertahanan menyatakan pada tahun ini berapa unit rumah anggota pasukan tentera yang akan dibina. Dan nyatakan berapa peratuskah nisbah daripada keperluan rumah bagi anggota pasukan tentera di seluruh negara. Nyatakan juga pembinaan yang dicadangkan itu secara berasingan bagi tiap-tiap negeri.

Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen AI-Haj): Dalam tahun 1987 sejumlah 712 unit rumah keluarga telah dirancang untuk dibina bagi anggota pasukan tentera. Daripada jumlah ini sebanyak 262 unit

telah pun siap dibina. Manakala sebanyak 450 unit sedang dalam urusan pembinaan.

Secara keseluruhannya projek yang dikenalpasti mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Dibina</i>	<i>Unit</i>
Sarawak ..	190
Kuala Lumpur ..	40
Pahang	20
Negeri Sembilan	12
JUMLAH	202

<i>Dalam Proses Pembinaan</i>	<i>Unit</i>
Perak	450
JUMLAH	450

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, di samping pembinaan rumah-rumah ini sejumlah 303 buah rumah lagi telah dibeli secara kelompok dari pemaju-pemaju swasta dalam tahun 1987,

Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Dibeli</i>	<i>Unit</i>
Pahang	110
Perak	97
Kedah	96
JUMLAH	303

Nisbah peratus rumah-rumah yang dibina dan dibeli adalah 3.08% daripada keperluan semasa dengan nilai sebanyak \$51.52 juta.

Melalui rancangan pembinaan dan pembelian ini masalah kekurangan tempat tinggal untuk anggota tentera akan dapat diatasi secara beransur-ansur.

**KEPUJIAN DALAM BAHASA
MALAYSIA DITINGKATAN
ENAM**

24. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa syarat kepujian dalam Bahasa Malaysia wajib untuk memasuki aliran Sains Tingkatan Enam dikenakan;
- (b) sama ada keperluan yang baru membayangkan bahawa pelajar-pelajar yang tidak memperolehi kepujian dalam Bahasa Malaysia tidak mampu atau layak mengambil peperiksaan dalam Kertas Am; dan adakah andaian ini disokong oleh statistik;
- (c) adakah suatu kajian yang terperinci dibuat mengenai kewajipan yang baru ini dan umumkan butir-butir kajian ini yang menyokong syarat baru ini dikenakan; dan
- (d) adakah ini bermakna bahawa ia merupakan suatu dasar baru Kerajaan bahawa pengajian Sains adalah tidak sebegitu penting dan bukannya ini bercanggah dengan tujuan negara kita sebagai sebuah negara membangun memerlukan teknokrat-teknokrat dalam bidang sains.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai tahun 1986 mata pelajaran Pengajian Am telah dinaikkan tarafnya sebagai mata pelajaran prinsipal dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Mata pelajaran ini adalah wajib bagi semua pelajar Tingkatan Enam termasuk dari aliran Sains. Dengan itu adalah sangat perlu semua pelajar memperolehi kepujian dalam Bahasa Malaysia dalam Peperiksaan

SPM sebagai asas bahasa yang kukuh untuk mengikuti mata pelajaran tersebut.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahasa pengantar di sekolah-sekolah menengah kita termasuk dalam kelas-kelas Tingkatan Enam aliran Sains, adalah Bahasa Malaysia.

Dengan penguasaan bahasa yang lebih kukuh, pelajar-pelajar akan dapat menguasai mata pelajaran Sains dengan lebih baik lagi. Oleh itu tidak timbul soal kita mengurangkan pentingnya pengajian sains dengan adanya syarat baru ini.

KLJOTA IMPORT KERETA

25. Tuan Mohd Sam Sailan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menerangkan:

- (a) daripada jumlah syarikat-syarikat yang mendapat kuota mengimport kereta terpakai berapakah syarikat yang masih bergerak aktif lagi berniaga;
- (b) apakah bantuan yang dapat Kementerian berikan untuk menolong dan memulihkan perniagaan-perniagaan Syarikat Bumiputera ini yang menghadapi masalah baik dari segi perniagaannya mahupun dari segi tekanan hutang mereka dari bank-bank dan Institusi Kewangan.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datin Paduka Rafidah Aziz):

- (a) Sebilangan besar daripada syarikat-syarikat pemegang kuota import kereta terpakai masih bergiat aktif dalam pengimportan dan perniagaan kereta-kereta terpakai. Walau bagaimanapun, disebabkan pasaran kenderaan yang telah merosot, maka jumlah

permohonan yang diterima serta pengimportan sebenar yang dibuat oleh syarikat-syarikat berkenaan di dapati agak berkurangan.

- (b) Kerajaan telah berusaha untuk memberi apa jua bantuan kepada syarikat-syarikat berkenaan setakat mana yang boleh dan didapati praktikal. Sebagai contoh, Kerajaan telah pun melonggarkan beberapa syarat yang dikenakan bagi penjualan kereta-kereta yang diimport. Tarikh tamat lesen import selepas 6 bulan dibenar dilanjutkan 3 bulan lagi sekiranya diperlukan oleh pemegang AP. Begitu juga dengan penjualan kereta-kereta yang diimport tidak lagi dihadkan kepada negeri-negeri pemegang AP berkenaan sahaja tetapi dilonggarkan, iaitu bagi Semenanjung kepada semua negeri di Semenanjung dan bagi Sabah dan Sarawak semua kawasan di Sabah dan Sarawak.

Selain daripada itu Kerajaan membenarkan penukaran kuota import daripada jenis-jenis kereta yang kurang laris kepada kereta yang lebih laris, tertakluk kepada garis panduan tertentu. Saya difahamkan juga bahawa syarikat-syarikat pemegang AP yang menjadi Ahli Persatuan Pengimport dan Pengedar Kenderaan Melayu Malaysia (PEKEMA) juga diberikan kemudahan "bonded area" oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja untuk menyenangkan mereka dari membayar cukai import sehinggalah kenderaan yang mereka import itu dapat dijual.

Mengenai masalah "tekanan hutang" dari bank-bank dan institusi-institusi kewangan, Kerajaan menganggap perkara

ini sebagai masalah "dalam" syarikat-syarikat berkenaan yang seharusnya diselesaikan oleh pihak pengurusan syarikat-syarikat itu sendiri.

PENYUCUK SATE DI PENERBANGAN MAS

26. Tuan Ghazali bin Ahmad minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah Kementerian sedar MAS tidak berminat menggunakan barang keluaran dan usaha tempatan dalam keperluannya terutama antaranya bilah penyucuk sate pun dibeli di luar negeri begitu pun lain-lain barang keperluan yang boleh didapati di negara ini. Apakah tindakan Kementerian dalam hal ini.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Adalah tidak benar bahawa bilah penyucuk sate yang digunakan oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dibeli di luar negeri. Bilah penyucuk sate yang digunakan oleh MAS diperolehi daripada sebuah syarikat tempatan.

Sukalah saya memaklumkan bahawa adalah memang menjadi dasar MAS untuk memberi keutamaan menggunakan barang-barang keluaran tempatan bagi keperluan-keperluannya. Pembelian atau penggunaan barang-barang daripada sumber-sumber asing bagi memenuhi keperluan MAS akan hanya dibual sekiranya barang-barang itu tidak terdapat di negara ini ataupun jika harga barang-barang tempatan di dapati terlalu mahal jika dtbandingkan dengan harganya di luar negeri.

PASARAN HASIL PERINDUSTRIAN

27. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah positif yang telah diambil bagi

menjamin terpeliharanya pasaran hasil perindustrian dan pengilangan dalam negeri. Dan bagaimanakah reaksi dari pihak-pihak yang terlibat terhadap usaha-usaha itu.

Datin Paduka Ratidah Aziz: Berbagai langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk menjamin terpeliharanya pasaran hasil perindustrian dan pengilangan dalam negeri.

Dalam usahanya untuk menggalakkan penggunaan barang buatan tempatan, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mendorong pengilang-pengilang tempatan mengeluarkan keluaran-keluaran yang berkualiti dan menarik pengguna-pengguna membeli barangan buatan Malaysia. Kerajaan telah melancarkan kempen "Belilah Barangan Buatan Malaysia" mulai pada 4 April 1985 dan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pemandu Khas untuk mengawal dan menyetaras aktiviti-aktiviti yang telah dikenal pasti seperti berikut:

- (i) Anugerah-anugerah untuk barangan cemerlang dan eksport cemerlang.
- (ii) Pertunjukan Expo tahunan anjuran FMM yang mempamerkan dan menjual barang-barang tempatan.
- (iii) Program Pembelajaran dan kesedaran kepada murid-murid sekolah mengenai mutu barangan tempatan yang setanding dengan yang diimport dan boleh diperolehi dengan harga yang murah melalui aktiviti seperti pidato dan lawatan kilang.
- (iv) Sebaran am seperti radio dan televisyen melalui iklan-iklan turut memainkan peranan untuk menyedarkan para pengguna supaya membeli

barangan buatan Malaysia yang bermutu tinggi dan harga yang murah.

Kerajaan juga telah mengarahkan semua agensi-agensi Kerajaan untuk mengutamakan kegunaan barangan tempatan. Ini ternyata dari syarat-syarat yang dikenakan mengenai kontrak-kontrak kerja Kerajaan, tender-tender Kerajaan dan pekililing-pekililing kepada agensi-agensi Kerajaan.

Reaksi dari pihak-pihak yang ter-
Hbat terhadap usaha-usaha ini adalah sangat menggalakkan. "Supermarket-supermarket" dan kedai-kedai besar telah bersetuju untuk memberi keutamaan dan perhatian besar kepada barang-barang buatan tempatan dan pengguna-pengguna telah mula sedar tentang hakikat bahawa barangan buatan Malaysia bukan sahaja bermutu tinggi tetapi boleh dibeli dengan harga yang murah berbanding dengan yang diimport.

Apabila industri-industri tempatan menghadapi saingan yang tidak sihat seumpama kegiatan-kegiatan perlambakan (dumping) oleh pengeluar-pengeluar dari negara-negara asing, Kerajaan bersedia memberi perlindungan berbentuk tarif dan "bukan tarif" kepada industri tempatan tersebut.

Kerajaan telah pun mengurangkan kadar bayaran ataupun kos beberapa input pengeluaran seperti elektrik dan bahan-bahan petroleum. Dengan itu kilang-kilang tempatan bolehlah menjadi lebih "cost effective" dan dapat bersaing dengan keluaran negara-negara asing.

Kerajaan telah juga mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan mutu barang-barang keluaran tempatan dengan mengadakan undang-undang yang mewajibkan pengeluar mematuhi mutu yang ditetapkan oleh Piawaian

Malaysia ataupun dengan menggalakkan pengeluar-pengeluar tempatan mendapatkan pengiktirafan piawaian SIRIM.

KAKITANGAN BERSARA DILANTIK SEMULA

28. **Dato' Zainal Abidin bin Johari** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada dasar Kementerian beliau masih memanjangkan khidmat kakitangan Kementerian beliau yang berusia lebih dari 55 tahun. Kalau sedar berapa ramai kakitangan beliau yang berusia lebih 55 tahun yang masih berkhidmat.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Kementerian Penerangan dan Jabatan-jabatan di bawahnya pada dasarnya tidak mahu memanjangkan khidmat pegawai-pegawai yang berusia lebih 55 tahun. Tetapi ada kalanya ini perlu kerana pengalaman mereka didapati sangat berguna. Ada dua jenis pegawai yang digunakan selepas mereka berusia lebih 55 tahun. Mereka terdiri dari;

- (a) Mereka yang telah bersara dari perkhidmatan Kerajaan dan dilantik semula secara kontrak atas syarat-syarat perkhidmatan sementara di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7/1978. Jumlah mereka yang sedang berkhidmat ialah seperti berikut:

Kumpulan A — 4 orang

Kumpulan B — 2 orang

Kumpulan C — 1 orang

Kumpulan D — 2 orang

- (b) Mereka yang dilantik secara kontrak bagi mengisi kekosongan yang tertentu di Jabatan Penerangan di bawah kuasa yang diberikan kepada

Yang Berhormat Menteri Penerangan. Jumlah mereka yang telah dilantik dan masih berkhidmat adalah seramai 14 orang seperti berikut:

Kumpulan B — 3 orang

Kumpulan C — 11 orang

WARGANEGARA ASING DISABAH

29. **Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Dalam Negeri:

- (a) mengemukakan jumlah pelarian-pelarian yang ada di Sabah pada masa ini;
- (b) mengemukakan jumlah pendatang-pendatang haram yang ada di Sabah pada masa kini;
- (c) berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri kepada pelarian; dan
- (d) adakah pihak Kementerianya mempertimbangkan tentang membataskan pelarian dan ditempatkan ke pulau-pulau di Sabah sepertimana yang telah dilakukan ke atas pelarian Yietnam di Malaysia dan Hong Kong.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Setakat ini jumlah warganegara asing di Sabah yang diiktirafkan sebagai pelarian ialah 12,070 orang.

Kerajaan tidak mengetahui jumlah pendatang haram yang ada di Sabah kerana mereka memasuki negeri itu adalah secara haram.

Kerajaan tidak memperuntukkan sebarang perbelanjaan berhubung dengan pelarian di negeri Sabah, walau bagaimanapun, pihak Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu Bagi Orang-orang Pelarian (UNHCR)

telah membelanjakan sejumlah lebih kurang \$14 juta untuk pelarian di negeri tersebut.

Kerajaan tidak perlu menempatkan pelarian-pelarian di pulau-pulau di Sabah sepertimana yang dilakukan ke atas pendatang haram Vietnam kerana mereka tidak bertujuan untuk menetap di negara ini dan tidak juga bercadang untuk pindah ke negara-negara lain. Jika ditempatkan mereka di mana-mana tempat tertentu, Kerajaan terpaksa membiayai perbelanjaan untuk mengendalikan mereka. Pelarian-pelarian di Sabah dibenarkan tinggal sementara di negeri itu. Jika keadaan di negara asal mereka membolehkan mereka balik semula ke kampung halaman mereka, maka peraturan akan dibuat untuk menghantarkan pelarian-pelarian itu ke negara asal mereka dengan bantuan pihak Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu Bagi Orang-orang Pelarian.

SYARIKAT PENERBANGAN ASING—PERKHIDMATAN

30. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Pengangkutan menyatakan tidakkah ada usaha-usaha agar syarikat-syarikat penerbangan-penerbangan luar negeri singgah di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang sebagaimana yang berlaku di Lapangan Terbang Antarabangsa Singapura untuk membawa lebih banyak pelancong masuk ke negara ini.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Kerajaan sememangnya memberi perhatian terhadap langkah-langkah untuk menarik lebih banyak syarikat-syarikat penerbangan asing supaya mengadakan perkhidmatan mereka ke Malaysia. Tindakan ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan pembangunan industri pelancongan negara.

Sejajar dengan hasrat ini, Kerajaan telah pun mengikat perjanjian dengan 44 buah negara asing yang membolehkan syarikat-syarikat penerbangan mereka mengadakan perkhidmatan ke Malaysia. Sungguhpun syarikat-syarikat penerbangan asing telah diberi hak-hak mendarat, tetapi pada masa ini tidak semuanya daripada mereka mengadakan perkhidmatan ke Malaysia. Buat masa ini hanya terdapat sebanyak 24 syarikat-syarikat penerbangan asing yang menjalankan perkhidmatan ke Malaysia.

Ini ialah kerana keputusan untuk mengadakan penerbangan ke negara ini adalah terpulang kepada syarikat-syarikat penerbangan itu sendiri kerana pada amalannya syarikat-syarikat penerbangan akan membuat pertimbangan berasaskan kepada faktor-faktor "Comercial" dan juga kepada kedudukan aliran trafik pada jalan-jalan tertentu itu.

Selain daripada hak-hak trafik yang diberikan kepada syarikat-syarikat penerbangan asing melalui perjanjian udara, Kerajaan juga mengamalkan dasar yang terbuka (open skies) bagi menggalakkan kedatangan penerbangan-penerbangan sewa khas (inclusive tour charters),

Dengan adanya langkah-langkah yang disebutkan di atas tadi, syarikat-syarikat penerbangan asing sama ada berjadual ataupun sewa khas boleh mengadakan perkhidmatan ke negara ini pada bila-bila masa mereka ingin berbuat demikian.

Selain daripada itu Kerajaan juga menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan asing untuk mengadakan operasi bersama dengan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) sebagai satu lagi usaha untuk menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan asing mengadakan perkhidmatan ke negara ini.

DASAR PERUMAHAN NEGARA

31. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada pembentukan Dasar Perumahan Negara telah disiapkan dan jika tidak, apakah yang menyebabkan kelewatan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Ng Cheng Kiat): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah menyediakan deraf Dasar Perumahan Negara untuk mengambilkira pendapat-pendapat dan cadangan-cadangan daripada semua pihak baik daripada sektor swasta atau sektor awam yang berkaitan dengan bidang perumahan. Deraf ini hampir siap, tetapi memandangkan perkembangan baru dalam industri perumahan akibat kemelesetan ekonomi deraf ini haruslah diubahsuaikan dan ini tentu memerlukan masa untuk diuruskan.

JALAN RAYA DI BAWAH KERAJAAN NEGERI

32. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Kerjaraya menyatakan berapakah jumlah jalan raya yang terletak di bawah penjagaan Kerajaan Negeri. Apakah tidak mungkin Kementerian Kerjaraya mengambil alih jalan-jalan ini untuk menjamin penjagaan yang sempurna oleh Kerajaan Persekutuan.

Dato' S. Samy Vellu: Jumlah panjangnya jalan raya yang terletak di bawah jagaan Kerajaan Negeri adalah lebih kurang 26,905 km. Untuk makluman Yang Berhormat, tidak semuanya jalan raya negeri boleh diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan. Pengambilan alih jalan-jalan itu pada lazimnya dilakukan mengikut kriteria-kriteria yang tertentu yang mana antaranya ialah jalan-jalan raya itu menyambungi antara satu negeri ke satu negeri yang lain, jalan-jalan menuju ke lapangan

terbang dan pelabuhan, jalan-jalan yang menghubungkan bandar-bandar besar dan juga jalan-jalan ke institusi-institusi seperti stesyen telekom dan stesyen pemancar TV dan Radio.

PAPAN TANDA DI JALAN RAYA

33. Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah Kementerian tersebut bercadang untuk menambahkan lagi tanda-tanda di jalan raya seperti di Eropah kerana dengan kurangnya tanda-tanda di jalan raya ianya memberi kesusahan kepada pelancong-pelancong dan kepada semua yang tidak pernah pergi.

Dato' S. Samy Vellu: Kerajaan memang ada cadangan menambahkan papan-papan tanda di jalan raya bagi memudahkan para pelancong pergi ke pusat-pusat pelancongan di negara ini. Setakat ini Kementerian juga sedang berusaha bersama TDC untuk mendirikan papan-papan tanda khusus sebagai petunjuk tempat-tempat pelancongan dan bagi memberi panduan kepada mereka dengan lebih teratur dan lebih difahami. Usaha-usaha ini sedang dijalankan dan saya percaya masalah yang dialami oleh pelancong-pelancong sekarang akan diatasi dalam sedikit masa lagi.

SEKOLAH AGAMA ISLAM

34. Puan Ling Chooi Sieng minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah sekolah-sekolah Islam di negara ini, dan
- (b) jumlah peruntukan yang diberi kepada sekolah-sekolah Islam ini sehingga 31hb Disember, 1986.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Hampir semua Sekolah Agama Islam adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri.
- (b) oleh kerana hampir semua Sekolah Agama Islam adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri, maka Kementehnan Pendidikan tidak ada mengumpulkan jumlah peruntukkan yang diberi kepada sekolah-sekolah tersebut.

PINJAMAN SOFT LOAN KEPADA PELOMBONG

35. **Tuan Ngoi Thiam Woh** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan setakat ini jumlah pinjaman "soft loan" yang telah diberi kepada pelombong-pelombong sejak pengumuman skim 70 juta "soft loan" untuk membantu para pelombong-pelombong yang telah dapat faedah daripada skim ini.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr Lim Keng Yaik): Jumlah pinjaman mudah yang diberikan kepada pelombong-pelombong setakat ini ialah sebanyak \$2,503,874.00. Lima buah syarikat lombong yang masing-masingnya menerima di antara \$200,000 hingga lebih \$700,000.00 telah mendapat faedah dari skim ini sejak ianya dilancarkan. Skim pinjaman ini adalah dilaksanakan oleh 2 buah bank perdagangan berasaskan permohonan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Kementerian ini. Jawatankuasa ini mengandungi wakil-wakil daripada Kementerian Perusahaan Utama, Kementerian Kewangan, Bank Negara, Jabatan Galian dan 2 buah bank perdagangan tempatan.

LESEN MEMBELI/MENJUAL LETUPAN API

36. **Dr Nicholas Munong Ibau** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan kepada situasi politik yang tidak stabil di Sarawak adakah Kerajaan mencadangkan menghentikan lesen membeli dan menjual letupan api mainan "fire crackers" di Sarawak oleh kerana bahan-bahan yang diletupkan api itu dapat digunakan untuk membuat peluru dan bom api yang merbahaya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran lesen membeli, menjual dan kelulusan pembakaran mercun di Sarawak hanyalah dibenarkan pada hari-hari perayaan tertentu sahaja. Kebenaran ini diberikan adalah atas pertnintaan dan rayuan-rayuan Ketua-ketua suku Kaum di Sarawak yang mana pembakaran mercun dikaitkan dengan kebudayaan dan upacara agama suku-suku kaum di negeri tersebut. Bagaimanapun Kerajaan akan mengkaji dari masa ke semasa mengenai perkara ini dan cadangan kelulusan atau pengharamannya adalah bergantung besar kepada keadaan keselamatan semasa.

RANCANGAN KHAS AGAMA DI HARI PERAYAAN

37. **Dr Ting Chew Peh** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada RTM bercadang memperkenalkan program-program mengenai agama dan adat resam kaum bukan Melayu demi memupuk persefahaman kaum.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Kementerian Penerangan menerusi perkhidmat Radio dan TV menyiarkan rancangan-rancangan khas mengenai agama dan adat resam kaum bukan Melayu pada tiap-tiap Hari Perayaan tertentu yang ada

hubung kait dengan agama dan adat resam kaum-kaum itu. Rancangan-rancangan itu disiarkan pada hari-hari tertentu seperti Hari-hari Perayaan Tahun Baru Cina, Hari Wesak, Deepavali, Thaipusam, Krismas, Hari Gawai dan lain-lain. Tujuan-tujuan utama ialah untuk memupuk persefahaman antara kaum, menghormati bersama hari-hari istimewa itu dan menunjukkan betapa kayanya kebudayaan-kebudayaan rakyat berbilang bangsa di tanah air ini.

Rancangan-rancangan itu memang akan dikekalkan. Ini adalah sesuai dengan dasar negara untuk mengujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa tetapi sepadu dan boleh hidup dalam keadaan rukun dan damai. Ini akan mengujudkan negara yang stabil, maju dan kuat.

PENGAJARAN AGAMA KRISTIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH

38. Tuan Mohamad Subky Haji Abdul Raof minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) tindakan yang akan diambil ke atas terhadap guru-guru yang teriibat dengan penyibaran agama Kristian kepada pelajar-pelajar Islam di sekolah-sekolah menengah, dan
- (b) berapa ramai pelajar-pelajar Islam yang telah dipengaruhi oleh penyibaran risalah tersebut.

Tuan Anwar bin Ibrahim:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pengarah-pengarah Pendidikan Negeri telah diberi arahan supaya memandang perkara ini sebagai satu perkara yang serius dan diberi perhatian-perhatian peribadi. Ada terdapat aduan yang

menyatakan guru-guru terlibat dalam kes penyebaran pengajaran Agama Kristian. Tindakan sewajarnya telah diambil dengan memberi amaran kepada guru-guru yang terlibat dan menukarkan mereka ke sekolah-sekolah lain.

- (b) Maklumat yang kemaskini mengenai perkara ini belum didapati.

PEMOHON KEWARGANEGARAAN

39. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah pemohon yang memohon kewarganegaraan Malaysia di bawah peruntukan-peruntukan Perlembagaan yang ada dan berapakah yang telah diluluskan setakat masa ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Pada 31 Mei, 1987, hanya 7,290 pemohon kewarganegaraan yang masih dalam tindakan Kementerian Dalam Negeri. Dari 1 September 1957 hingga 31 Mei 1987, 2,268,054 permohonan kewarganegaraan telah diluluskan dan hanya 114,301 permohonan ditolak.

PENDAFTARAN PENGUNDI

40. Tuan Michael Asang minta Perdana Menteri menyatakan untuk mengadakan gerakan pendaftaran pengundi sepanjang tahun untuk memastikan setiap warganegara Malaysia yang sudah cukup umur 21 tahun dapat didaftar.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor): Soalan ini tidak jelas. Walau bagaimanapun perlu ditegaskan bahawa buat masa ini belum ada cadangan untuk mengadakan sebarang peraturan bagi membolehkan gerakan pendaftaran pengundi sepanjang tahun dijalankan. Walau bagaimanapun

perkara ini akan disampaikan kepada Suruhanjaya Pilihanraya supaya menyediakan suatu kajian kemungkinan secara terperinci mengenai hal ini.

BAHASA MALAYSIA DI MAHKAMAH-MAHKAMAH

41. **Tuan Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Kehakiman menyatakan bilakah Bahasa Malaysia akan digunakan sepenuhnya di mahkamah-mahkamah Malaysia. Apakah langkah Kementerian bagi mengatasi masalah kekurangan jurubahasa dan judicial officials di mahkamah-mahkamah negara.

Dato' Oo Gin Sun: Oleh kerana beberapa fakta berhubung dengan pencapaian keadilan sejati Kerajaan belum lagi dapat membuat ketetapan bilakah Bahasa Malaysia sahaja boleh digunakan sepenuhnya di mahkamah-mahkamah di Malaysia. Dalam hubungan ini Sek. 8, Akta Bahasa Kebangsaan, 1963/67 (Akta 32) memberi kelonggaran kepada mahkamah berhubung dengan penggunaan Bahasa Malaysia.

Walaupun terdapat kelonggaran ini, namun begitu tindakan-tindakan positif sedang dan akan terus diambil untuk mempercepatkan dan melicinkan lagi penggunaan Bahasa Malaysia dengan sepenuhnya di semua peringkat Mahkamah. Di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:

- (i) Semenjak bulan September, 1967, semua undang-undang yang digubal adalah diterbitkan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di mana teks Bahasa Malaysia adalah teks yang sah. Di samping itu Jabatan Peguam Negara sedang

menterjemahkan semua undang-undang yang digubal sebelum September, 1967 dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia.

- (ii) Kerajaan telah mengwujudkan satu Biro Terjemahan yang ditempatkan di bawah Jabatan Kehakiman mulai tahun 1984 di mana tugas-tugas Biro tersebut di antara lain adalah membuat terjemahan semua kes-kes Mahkamah Agung dan Mahkamah Tinggi ke dalam Bahasa Malaysia. Biro tersebut diketuai oleh seorang Pegawai Kanan Kehakiman.
- (iii) Surat Pekeliling telah dikeluarkan kepada semua Mahkamah-mahkamah Rendah di negara ini supaya menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia di dalam kes-kes yang dibicarakan oleh Mahkamah-mahkamah tersebut.
- (iv) Di dalam pentadbiran harian Jabatan Kehakiman semua surat-menyurat dan Pekeliling-pekeliling adalah dibuat di dalam Bahasa Kebangsaan.
- (v) Surat juga telah dikeluarkan kepada Majlis Peguam mengarahkan badan tersebut menasihatkan semua Peguam-peguam menggunakan Bahasa Malaysia dalam urusan surat-menyurat mengenai Mahkamah-mahkamah.

Berhubung dengan kekurangan jurubahasa dan pegawai-pegawai Kehakiman yang lain, Kerajaan adalah sentiasa memberi perhatian berat terhadap masalah ini dan mana-mana jawatan yang masih kosong akan dipenuhi dari masa ke semasa menurut kemampuan kewangan negara.

PERKHIDMATAN DOKTOR DENGAN KERAJAAN

42. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapakah usul memperlanjatkan Seksyen 39 (3) Bahagian 7 Akta Perubatan 1971 yang menyerahkan perkhidmatan doktor-doktor dengan Kerajaan diadakan sekiranya doktor-doktor yang baru menamatkan latihan "housemanship" mereka menghadapi masaJah kekurangan jawatan. Apakah sebenarnya faktor-faktor penghalang kepada penugasan doktor-doktor ini di kawasan-kawasan luar bandar dan bandar-bandar kecil. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah doktor-doktor yang menganggur.

Dato' K. Pathmanaban: Tujuan bagi Kerajaan melanjutkan kuatkuasanya di bawah Seksyen 39 (3) Bahagian 7 Akta Perubatan 1971 ialah bagi memastikan bahawa pada setiap masa kita mempunyai bilangan doktor yang cukup untuk berkhidmat dengan Kerajaan.

Di antara faktor-faktor penting tidak mendorongkan doktor-doktor berkhidmat di kawasan-kawasan luar bandar dan bandar kecil ialah kekurangan kemudahan latihan yang beriaedah kepada mereka seperti peluang-peluang bekerja dengan pakar-pakar yang terdapat di hospital-hospital besar yang memudah dan membantu mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat "post graduate". Selain daripada itu, terdapat juga masalah peribadi, masalah keluarga dan sebagainya di kalangan doktor-doktor yang enggan berkhidmat di kawasan-kawasan luar bandar.

Mengenai kedudukan jawatan-jawatan pegawai perubatan dalam perkhidmatan Kerajaan sehingga sekarang, lebih kurang 90% daripada jawatan-jawatan pegawai perubatan di

bawah Kementerian Kesihatan telah diisi. Untuk beberapa tahun yang akan datang, memandangkan hasrat Kerajaan yang gigih untuk meningkatkan lagi mutu dan tingkat perkhidmatan kesihatan dan perubahan di negara ini, saya yakin peluang-peluang bekerja bagi doktor-doktor yang terdiri daripada warganegara Malaysia untuk berkhidmat dengan Kerajaan adalah masih cerah.

SINDIKET MENGELUARKAN PASPORT MALAYSIA

43. **Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah penyiasatan terhadap sindiket mengeluarkan pasport Malaysia kepada bukan warganegara Malaysia selesai dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap mereka yang terlibat dalam sindiket ini dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencegah berulangnya peristiwa ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Siasatan masih dijalankan terhadap sindiket yang mengeluarkan pasport Malaysia kepada orang-orang bukan warganegara Malaysia. Ini adalah kerana beberapa orang yang dipercayai terlibat dalam kegiatan ini belum lagi dikenalpasti. Setakat ini dua kumpulan telah dikesan terlibat dalam kegiatan ini dan ahli-ahli kumpulan itu kini di tahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Langkah-langkah telah pun diambil untuk mencegah kegiatan tersebut termasuklah mengambil tindakan tegas mengikut undang-undang terhadap sesiapa yang terlibat.

EKONOMI NEGARA YANG DIRAMALKAN

44. **Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) apakah ramalan kedudukan ekonomi negara' kita sama ada

akan terus meningkat atau sebaliknya dalam jangkamasa Rancangan Malaysia Kelima (RML);

- (b) berapakah jumlah defisit di dalam Imbangan Pembayaran dan Imbangan Perdagangan negara kita dalam keluaran negara kasar (KNK) bagi tempoh 1986 dan tahun 1987; dan
- (c) kenapakah kedudukan ekonomi negara kita keadaan inflasinya lebih tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN yang lain.

Tuan Loke Yuen Yow;

- (a) Pada masa ini, ekonomi negara kita adalah diramalkan akan terus mencatatkan pertumbuhan yang positif sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Untuk tahun 1987 ini, ramalan sekarang menunjukkan ekonomi negara dijangka akan berkembang sebanyak 1.5% dan kadar pertumbuhan ini diramalkan akan meningkatkan lagi dengan sederhana dalam tahun 1988-1990.
- (b) Dalam Ucapan Belanjawan tahun 1987 akaun semasa imbangan pembayaran negara bagi tahun 1986 dianggarkan akan mencatat defisit sebanyak \$3,237 juta atau 4.9% dari KNK. Walau bagaimanapun, semenjak itu harga barangan utama telah pun pulih dan permintaan eksport perkilangan bertambah. Di samping itu, import telah pun turun. Di dalam keadaan ini imbangan pembayaran telah pun bertambah baik dan dijangka defisit akaun semasa imbangan pembayaran tahun 1986 telah menjadi lebih rendah iaitu \$1,195 juta atau 1.8% dari

KNK. Berasaskan perkembangan bagi sektor eksport akaun semasa imbangan pembayaran negara untuk tahun 1987 dijangka akan bertambah baik dari paras tahun 1986 dan berkemungkinan besar akan dapat mencatatkan lebihan. Perkembangan yang sihat ini menunjukkan usaha-usaha Kerajaan untuk mengatasi defisit imbangan pembayaran telah membawa kesan positif.

- (c) Keadaan intfasi negara kita adalah rendah jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN yang lain. Pada tahun 1985 kadar inflasi di Malaysia adalah hanya 0.3%, iaitu kadar inflasi yang paling rendah di kalangan negara-negara ASEAN. Walaupun kadar inflasi dijangka meningkat sedikit kepada 1.5% pada tahun 1987 berbanding dengan 0.7% pada tahun 1986, negara kita masih dapat mencatatkan kadar inflasi yang masih rendah berbanding dengan kadar purata inflasi ASEAN sebanyak 4% dan 5.1% bagi tahun 1986 dan 1987. Kadar inflasi yang rendah ini akan dapat dikekalkan memandangkan industri-industri kita mempunyai lebihan kapasiti pengeluaran, permintaan dalam negeri yang stabil disebabkan kawalan perbelanjaan sektor awam dan adanya usaha-usaha di semua sektor untuk mengurangkan kos pengeluaran.

**TUNTUTAN PILIPINA
ATAS SABAH**

45. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Luar Negeri menyatakan tentang tuntutan Pilipina terhadap Sabah, adakah tuntutan itu masih kekal ataupun telah digugurkan.

Dan jika masih belum digugurkan sejauh manakah rundingan bagi menyelesaikannya,

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Pemerintah Filipina, di bawah Pentadbiran Presiden Aquino telah menyatakan azamnya untuk menyelesaikan isu tuntutan Filipina ke atas Sabah, dan hasrat ini telah dialu-alukan oleh Malaysia. Malaysia yakin bahawa Pentadbiran Presiden Aquino akan berusaha untuk menggugurkan tuntutan Filipina ke atas Sabah.

PROJEK PARIT DAN TALIAIR

46. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerian ini akan membuat kajian, bahawa terdapat di antara projek taliair yang begitu besar menelan belanja yang banyak, malangnya sawah-sawah padi di sekitar projek itu tidak dapat digunakan kerana apabila taliair itu luas dan dalam airnya menyerap masuk ke dalam taliair, sawah-sawah padi kawasan itu terbiar begitu sahaja tanpa faedah.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Di projek-projek Parit dan Taliair yang besar sememangnya kadang-kadang terdapat masalah-masalah yang hanya timbul setelah projek-projek itu siap dan mula berjalan disebabkan keadaan yang tidak dapat dielakkan atau faktor-faktor yang di luar jangka. Sekiranya masalah seumpama ini timbul maka Kementerian saya melalui Jabatan Parit dan Taliair akan menjalankan penyiasatan dan kajian dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasinya.

Sebaliknya, jika kawasan yang dimaksudkan itu terletak di luar sempadan projek, maka kawasan seperti ini adalah dikira terkeluar dari kawalan projek itu. Bagi kes-kes seumpama ini, projek-projek baru hendaklah diujud khususnya untuk mengatasi masaiah yang berkaitan.

PASUKAN PETUGAS VII KE SABAH

47. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau masih hendak mengirim pasukan khas 7 dari Semenanjung ke Sabah untuk menolong Kerajaan Sabah dalam hal pelarian dan pendatang haram walaupun adanya larangan dari pihak Kerajaan Sabah.

Dato' Oo Gin Sun: Soalan Ahli Yang Berhormat ini telah pun saya jawab ketika saya menjawab soalan Yang Berhormat daripada Kimanis pada 1 Julai 1987. Oleh itu, saya tiada bercadang untuk menambah kepada jawapan yang telah saya berikan itu.

SEMPADAN ANTARABANGSA MALAYSIA/THAILAND

48. Tuan P. Patto minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada benar bahawa Kerajaan Thai masih belum mengesahkan persempadan kita dengan negeri Thai oleh kerana kita masih pegang kepada sempadan yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Siam dan Kerajaan Malaysia dahulu selepas kita mendapati salah satu daripada batu tanda sempadan telah diubah masuk ke dalam Wilayah kita lalu memisahkan sebahagian daripada Wilayah kita supaya dijadikan Wilayah Thai, jika ya, apa langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk mendapat Kerajaan Thai mengesahkan persempadan itu.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud): Sehingga kini kedua-dua belum lagi mengesahkan keseluruhan sempadan antarabangsa Malaysia/Thailand hasil dari pengukuran bersama kerana terdapat perselisihan pendapat di antara kedua-dua belah pihak untuk menetapkan tanda sempadan darat yang terakhir. Penetapan tanda sempadan ini akan

menentukan jajaran (alignment) sempadan antarabangsa di kawasan persekitarannya.

Dalam pada itu, sehingga kini, 11 Memorandum Persefahaman beserta 11 peta telah ditandatangani di antara Malaysia dengan Thailand. Penandatanganan ini membuktikan persetujuan telah dicapai mengenai garisan sempadan bagi kawasan-kawasan yang telah ditanda dan diukur. Memorandum Persefahaman terakhir yang meliputi kawasan yang dipertikaikan akan dapat ditandatangani sebaik sahaja masalah di kawasan tersebut dapat diselesaikan.

Perundingan untuk menyelesaikan masalah ini telah dibuat di peringkat Jawatankuasa Kebangsaan Sempadan (LBC) dan Jawatankuasa Am Sempadan (GBC), tetapi setakat ini penyelesaiannya belum diperolehi. Justeru itu, perundingan selanjutnya akan disalurkan kepada Suruhanjaya Bersama Malaysia-Thailand untuk mencari jalan penyelesaian.

Satu perjanjian Muktamad akan digubal dan diperakukan oleh kedua-dua buah negara setelah keseluruhan sempadan darat antarabangsa siap ditanda dan diukur. Perjanjian Muktamad ini akan merangkumi Memorandum-memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak.

Dalam usaha untuk menyelesaikan masalah ini, pihak Malaysia akan mengambil segala langkah yang perlu demi menjaga kepentingan dan kedaulatan negara.

KWSP—PELABURAN DALAM SAHAM

49. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan saham, kos purata setiap yunit dan jumlah amaun pelaburan wang KWSP yang dilaburkan dalam saham-saham berikut serta keuntungan atau kerugian yang diatami bagi setiap pelaburan setakat ini:

- (i) Supreme;
- (ii) Grand United;
- (iii) Stok pinjaman Pan Electric (Pan Elektrik Loan Stock).
- (iv) Raleigh;
- (v) Hong Kong Tin; dan
- (vi) United Plantation.

Tuan Loke Yuen Yow: Untuk Ahli Yang Berhormat, jumlah saham kos purata seunit, jumlah amaun yang dilaburkan dan keuntungan atau kerugian nilai kertas yang dialami oleh pelaburan KWSP bagi saham-saham tertentu setakat 7-7-1987 adalah seperti berikut:

<i>Syarikat</i>	<i>Jumlah (Unit)</i>	<i>Kos Purata (\$/Unit)</i>	<i>Jumlah Pelaburan (\$)</i>	<i>Keunungant (Kerugian) Aias Kertas (berdasarkan Harga Pasaran Pada 7-7-87) <\$)</i>
Supreme	5,000,000	2.10	10,505,199.00	(3,555,199.00)
Grand United	307,150	1.93	593,248.34	(227,739.84)
Pan Electric (Loan Stock)	184,000	2.67	490,932.72	—
Raleigh	4,708,371	3.63	14,810,917.55	(1,486,227.62)
HongKongTin	501,000	2.53	1,265,591.08	(313,691.08)
United Plantation	9,999,999	5.00	50,025,029.00	(7,825,033.22)
Jumlah ..			77,690,877.69	(13,407,890.76)

Jumlah pelaburan di enam (6) kaunter ini ialah berjumlah \$77.7 juta iaitu 12.3% jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan pelaburan saham-saham KWSP sebanyak \$629.9 juta. Berdasarkan kepada harga pasaran pada 30-6-1987 keuntungan nilai kertas paper (paper gain) pelaburan KWSP dalam saham-saham ialah sebanyak \$140.7 juta.

POLARISASI AGAMA

50. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa polarisasi agama telah menjadi satu masalah yang serius dalam negara kita dan telah mengancam perpaduan negara ekoran kemunculan golongan ekstremisme agama. Apakah langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengesan potarisasi agama dan mengapakah Kerajaan tidak bersedia untuk menubuhkan Majlis Perhubungan Antara Agama Kebangsaan bagi menggalakkan persefahaman dan kerjasama yang erat antara pelbagai agama dalam negara ini.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, polarisasi agama tidak berlaku di Malaysia. Penganut-penganut setiap agama mengamalkan agama masing-masing dalam suasana yang tenteram dan tidak ada pula berlakunya pergolakan di antara kumpulan agama yang berlainan. Dengan demikian, Kerajaan tidak perlu mengambil apa-apa langkah untuk mengesan polarisasi agama oleh kerana tidak terdapat gejala sedemikian. Namun begitu, Kerajaan sentiasa memerhati aspek hubungan antara agama di negara ini dan mengawasi supaya tidak berlaku konflik antara agama seperti yang terdapat di beberapa buah negara lain.

Mengenai pertanyaan sama ada Kerajaan patut menubuhkan Majlis Perhubungan Antara Agama Kebangsaan, ini adalah dianggap tidak perlu. Ini ialah kerana Kerajaan adalah liberal yang mana Perlembagaan menjamin kebebasan beragama.

DASAR EKONOMI BARU— KAJIAN

51. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan kenapa satu perkara penting yang menarik minat umum seperti kajian Dasar Ekonomi Baru (DEB) hanya diserahkan saja kepada UMNO untuk mengkajinya kenapa semua parti politik yang lain termasuk DAP serta lain-lain kumpulan kepentingan umum tidak diajak berunding bagi membuat penilaian DEB secara adil dan ohjektif, seperti yang dijanjikan oleh Timbalan Perdana Menteri bahawa pandangan umum akan diambil kira sebelum sesuatu keputusan dibuat bagi melanjutkan DEB.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Soalan-soalan daripada Ahli Yang Berhormat telah pun dijawab pada 29-6-1987 dan saya tidak berhajat untuk menjawabnya lagi.

LESEN KERETA SEWA

52. Dato' Dr Afifuddin bin Haji Omar minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan, mengapakah pemberian lesen-lesen teksi pengangkutan barang di kawasan luar bandar mengambil masa bertahun-tahun pelaksanaannya, adakah ini tidak bercanggah dengan program industrialisasi negara yang memerlukan mobiliti sumber manusia dan barangan yang maksima, adakah Kementerian sedar bahawa quota lesen-lesen ini perlu dilebihkan untuk

kawasan-kawasan di persekitaran Industrial Development Corridor yang ditentukan oleh Industrial Master Plan.

Puan Napsiah binti Omar: Bagi kawasan-kawasan luar bandar, Lembaga-lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan mengeluarkan lesen-lesen kereta sewa untuk digunakan bagi mengangkut penumpang-penumpang dari kawasan-kawasan luar bandar ke bandar-bandar atau destinasi-destinasi tertentu dan sebaliknya.

Bagi tujuan mengangkut barang-barang, Lembaga-lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan juga mengeluarkan lesen-lesen pembawa ataupun lesen pengangkutan barang-barang jenis A dan C. Tidak terdapat "lesen-lesen teksi pengangkutan barang di luar bandar" seperti yang tersebut dalam soalan ini.

Usaha-usaha memang dibuat untuk mempercepatkan keluaran semua jenis lesen dan jika ada permohonan-permohonan yang bertahun-tahun lamanya harap dapat Yang Berhormat memberi maklumat lanjut kepada saya.

MEMILIKI KAD PENGENALAN

53. Dr V. David minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab di atas perkara 14,000 orang di Kota Kinabalu yang tidak memperolehi kad-kad pengenalan. Bolehkah beliau menerangkan bagaimana perkara ini telah berlaku, dan apakah tindakan yang beliau ingin mengambil berkenaan penduduk-penduduk asing yang memasuki negara kita tanpa dokumen-dokumen yang sah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Saya tidak mempunyai apa-apa maklumat mengenai 14,000 orang di Kota Kinabalu yang tidak memiliki kad-kad pengenalan dan saya mohon Yang Berhormat Ahli dari Puchung

memberikan maklumat lengkap mengenainya untuk membolehkan Kementerian Dalam Negeri menyiasat ke atasnya.

Warganegara asing yang memasuki negara ini tanpa menggunakan dokumen perjalanan yang sah adalah melakukan satu kesalahan di bawah undang-undang Imigresen. Mereka akan dikesan, ditangkap, di dakwa dan diusir dari Malaysia.

PULAU PINANG SEBAGAI WILAYAH PERSEKUTUAN

54. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri memberitahu Dewan sama ada Kerajaan bercadang menjadikan Pulau Pinang sebuah Wilayah Persekutuan.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kerajaan tidak ada cadangan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai Wilayah Persekutuan.

KEMATIAN KOO YOU CHING/ AHMAD ABDUL DI PENJARA

55. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah hasil siasatan polis dalam perkara kematian/pembunuhan orang tahanan Koo You Ching, 38 tahun, di Penjara Johor Bahru pada 28-5-1987 dan juga Ahmad Abdul 55 tahun, di Penjara Pudu pada 30-5-1987. Sebutkan juga berapakah orang-orang tahanan yang mati atau dibunuh mati dalam penjara di seluruh Malaysia pada tahun 1985 dan 1986 dan berikanlah sebab-sebabnya kematian atau pembunuhan mereka.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Hasil siasatan polis menunjukkan kedua-dua orang tahanan tersebut meninggal dunia disebabkan oleh sakit biasa dan tiada sebarang bukti menunjukkan kegiatan pembunuhan berlaku.

Bagi tempoh tahun 1985 sejumlah 40 orang tahanan telah meninggal dunia di dalam penjara seluruh Malaysia dan kesemuanya adalah disebabkan oleh sakit biasa. Manakala bagi tahun 1986 seramai 46 orang telah mehinggal dunia kerana sakit biasa dan 3 orang meninggal dunia kerana pergaduhan. Siasatan terhadap ketiga-tiga kes ini mendapati bahawa pergaduhan itu disebabkan oleh perselisihan faham di antara mereka.

PEMBAYARAN CUKAI JALAN DI PEJABAT POS

56. **Tuan Chien Heng Kai** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kementeriannya telah menerima dan bersetuju dengan cadangan Menteri Pengangkutan bahawa pembayaran cukai jalan dan lesen pemandu boleh dibuat di pejabat-pejabat pos, jika ya, bila boleh membuat bayaran sedemikian dan jika tidak, mengapa.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Kementerian Tenaga, Telekom & Pos sekarang belum lagi menerima cadangan daripada Kementerian Pengangkutan bagi pembayaran cukai jalan di Pejabat-pejabat Pos. Setahu saya setakat ini, Jabatan Perkhidmatan Pos sedang dalam perbincangan dengan JPJ dan itu pun untuk kenderaan motosikal sahaja. Perkhidmatan membayar cukai jalan bagi motosikal ini akan diimplementasikan di pejabat-pejabat pos sebaik sahaja peraturan lengkap mengenai sistem ini dipersetujui dengan semua pihak yang berkenaan kelak.

KES KEKEJAMAN/ SERANGAN

57. **Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan

sebab-sebab mengapa kes-kes kekejaman dan serangan sedang meningkat di kalangan anggota polis.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar kes-kes kekejaman dan serangan sedang meningkat di kalangan anggota polis. Kejadian-kejadian seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya jarang sekali berlaku. Sukalah saya memaklumkan di sini bahawa siasatan yang rapi akan dijalankan terhadap aduan-aduan mengenai kekejaman oleh polis dan sekiranya cukup bukti maka tindakan tegas mengikut lunas undang-undang akan diambil terhadap anggota polis yang terlibat. Tindakan yang akan diambil ialah mendakwa mereka di mahkamah ataupun mengambil tindakan tatatertib.

UNDANG-UNDANG SEBAT

58. **Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad** minia Perdana Menteri menyatakan adakah undang-undang sebat yang dikuatkuasakan di Kelantan terhadap kesalahan zina dan meminum arak sebagai hukum Islam dan adakah Menteri berkenaan bercadang untuk menyelaraskannya ke seluruh negara. Adakah Islam sahaja yang menjalankan hukum sebat. Kiranya ada perundangan lain yang menjalankan hukum sebat, sila nyatakan undang-undang apa dan terhadap kesalahan apa.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Undang-undang yang memperuntukkan hukuman sebat bagi kesalahan zina dan minum arak di Negeri Kelantan itu ialah Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan 1985.

Mengenai pelaksanaan hukuman seperti ini ke seluruh negara, hal ini terserahlah kepada pihak berkuasa Kerajaan Negeri. Ini ialah kerana

mengikut Perlembagaan Persekutuan, hal ehwal agama Islam adalah termasuk di dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Hukuman sebat di Malaysia bukanlah suatu perkara baru. Ia telah pun dikuatkuasakan di dalam beberapa undang-undang sebelum hukuman sebat bagi kesalahan zina dan minum arak yang berkuatkuasa di Kelantan itu. Di antara undang-undang yang mengenakan hukuman sebat ialah Kanun Jenayah, Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Cuhk 1961, Akta Senjata (Penalti Lebih Berat) 1971 dan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Pada kebiasaannya hukuman sebat dikenakan kerana kesalahan-kesalahan yang melibatkan senjata, harta benda dan menggunakan kekerasan.

GURU BERBAHASA CINA/TAMIL

59. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah guru-guru berbahasa Cina dan Tamil yang masih berkurangan di sekolah-sekolah Cina dan Tamil dan apakah langkah-langkah atau tindakan yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah ini; dan
- (b) mengapakah setakat ini universiti-universiti dari Taiwan masih belum diiktirafkan oleh Kerajaan sungguhpun pengiktirafan telah diberikan oleh negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Kanada serta berikan sebab-sebabnya.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahh Yang Berhormat,

- (a) Kementerian Pendidikan tidak jelas dengan maksud istilah "guru berbahasa Cina dan Tamil. Pada hemat

Kementerian, seseorang guru berbahasa Cina dan Tamil boleh bertutur dan menulis dalam bahasa-bahasa tersebut, tetapi ia tidak semestinya layak untuk mengajarnya. Kementerian Pendidikan tidak ada mengumpulkan maklumat mengenai guru-guru seperti ini.

- (b) Pengiktirafan sesuatu ijazah dari universiti-universiti tempatan atau luar negeri dibuat oleh Kerajaan untuk tujuan lantikan ke dalam Perkhidmatan Awam, bukanlah untuk pengiktirafan mutu semata-mata. Oleh itu keputusan untuk mengiktirafkan atau tidak sesuatu ijazah itu bergantung kepada kesesuaian dan keperluan dalam Perkhidmatan Awam. Ijazah-ijazah dari Taiwan belum didapati sesuai untuk keperluan dan perkhidmatan awam setakat ini.

KERETA PROTON SAGA

60. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) prestasi projek Kereta Nasional dari segi pengeluarannya, pasaran dalam dan luar negeri dan dari segi keuntungannya bagi tahun 1985 dan 1986;
- (b) apakah rancangan untuk meningkatkan prestasi projek Kereta Nasional terutama dari segi penglibatannya di dalam pasaran kereta di luar negeri bagi masa hadapan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan KasiUk bin Gaddam);

- (a) Untuk makluman Yane Berhormat, pada masa ini keupayaan pengeluaran PROTON adalah tinggi dan oleh itu PROTON tidak

menghadapi sebarang masalah dalam pengeluaran kereta-keretanya. PROTON mampu memenuhi permintaan pelanggan-pelanggan yang berupaya mengeluarkan sebanyak 80,000 unit kereta setahun. Walau bagaimanapun kedudukan pengeluaran kereta Proton Saga sehingga 31hb Mei, 1987 adalah seperti berikut:

Julai	Disember, 1985
	8,640 Unit
Jan	Disember, 1986
	24,870 Unit
Jan	Mei, 1987
	7,285 Unit

Dari segi peratusan jualan Proton Saga di dalam negara bagi kereta-kereta yang sekelas dengannya adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Jualan</i>	<i>Peratus Pasaran</i>
1985	7,494 Unit	32.5%
1986	24,041 Unit	47%
1987 (Sehingga Mei)	6,853 Unit	56%

Proton Saga telah dieksport ke Bangladesh, Brunei Darussalam, New Zealand dan Malta. Perancangan juga sedang dibuat untuk memasuki pasaran-pasaran Amerika Syarikat, United Kingdom dan negara-negara lain. Walau bagaimanapun usaha-usaha PROTON untuk mengeksport kereta-keretanya masih lagi di peringkat awal dan berdasarkan kepada jualan Proton Saga di negara-negara yang telah mengimportnya, sambutan adalah menggalakkan.

Mengenai keuntungan/kerugian projek ini Yang Berhormat bolehlah mendapatkannya daripada laporan akaun berkanun

syarikat yang dikemukakan kepada Pejabat Pendaftaran Syarikat setiap tahun.

- (b) PROTON telah mengambil langkah-langkah berikut bagi meningkatkan pasaran kereta nasional di luar negeri.
- (i) menyebarkan maklumat serta memperkenalkan Proton Saga melalui Pejabat Kedutaan Malaysia dan Pejabat Pesuruhjaya Perdagangan.
 - (ii) mengenalpasti pengedar-pengedar yang berminat untuk menjadi wakil Penjual Proton Saga.
 - (iii) mendapatkan maklumat mengenai pasaran kereta motor di negara-negara tertentu seperti tender dan jualan kepada Kerajaan, peraturan/undang-undang di negara berkenaan bersabit dengan kereta motor.
 - (iv) menyertai rombongan perdagangan ke luar negeri seperti yang pernah dibuat di Vancouver dan Dallas.
 - (v) membuat susulan untuk mendapatkan pengecualian tarif bagi kemasukan dan penjualan kereta Proton Saga ke negara-negara tertentu.
 - (vi) lain-lain langkah perdagangan yang lazim diambil.

KEMUDAHAN ASAS KEPADA LUAR BANDAR

61. Dr Ting Chew Peh minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) rancangan Kerajaan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas kepada kampung-kampung tradisional, kampung-kampung baru dan ladang getah di kawasan pedalaman, yang masih serba kekurangan;
- (b) rancangan Kerajaan untuk memperbaiki mutu kemudahan asas di kampung-kampung tradisional, kampung-kampung baru dan ladang getah.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:

- (a) Kerajaan memang mempunyai pelbagai rancangan untuk menyediakan kemudahan asas kepada penduduk-penduduk luar bandar di bawah berbagai-bagai agensi dan Kementerian. Di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, terdapat beberapa program memajukan infrastruktur iaitu menaikkan taraf jalan kampung, jalan-jalan luar bandar, bekalan air luar bandar serta bekalan elektkn luar bandar.
- (b) Kerajaan juga sentiasa mencari jalan untuk memperbaiki kemudahan asas di kampung-kampung tradisional, kampung baru dan ladang getah. Di bawah Rancangan Malaysia Kelima (RML) melalui Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, dijangkakan sebanyak 5 ribu kilometer jalan kampung dan jalan luar bandar akan dapat dinaikkan taraf/dibina, dianggarkan seramai 250,000

penduduk akan mendapat faedah projek Bekalan Air Luar Bandar manakala 120,000 orang akan menikmati kemudahan bekalan elektrik 24 jam. Bagi kampung baru pula, program untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas dan memperbaiki mutu kemudahan-kemudahan asas di kampung-kampung berkenaan sememangnya menjadi sebahagian daripada program pembangunan di bawah Rancangan Pembangunan Malaysia. Peruntukan yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelima untuk tujuan ini ialah sebanyak \$25 juta. Bagi ladang-ladang getah pula, kemudahan-kemudahan asas adalah diperuntukkan dan disediakan oleh pihak majikan masing-masing.

BASE LENDING RATE— MENURUNKAN

62. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah kenaikan "money supply" dalam sistem kewangan di negara kita sejak kementerianya mengambil tindakan untuk menurunkan "Base Lending Rate" pada awal, tahun 1987 dan apakah kesan tindakan ini bagi menggalakkan ekonomi negara kita dan selain daripada aktiviti di "Stock Exchange, Kuala Lumpur" apakah lain-lain aktiviti yang telah digalakkan oleh tindakan keturunan BLR tersebut.

Tuan Loke Yuen Yow: Kedudukan Bekalan Wang (iaitu matawang dan simpanan semasa sektor swasta) telah bertambah sebanyak \$927.5 juta atau 7.0% dalam suku pertama tahun 1987 berbanding dengan kejatuhan sebanyak 1.2% dalam suku tahun yang

sama tahun 1986. Sekiranya dibandingkan dengan kedudukan pada akhir tahun 1986, jumlah ini telah bertambah sedikit, iaitu sebanyak \$144.2 juta atau 0.4%. Sebahagian besar daripada pertambahan ini adalah disebabkan oleh kenaikan dalam jumlah matawang yang telah bertambah sebanyak \$201.7 juta dari \$6,782.2 juta pada akhir suku pertama tahun 1987.

Penambahan jumlah bekalan wang adalah disebabkan terutamanya oleh pengurangan Keperluan Cadangan Berkanun dan Keperluan Mudah Tunai bagi bank-bank perdagangan masing-masing sebanyak 0.5% dan 1.5% menjadi 3.5% dan 17%, berkuatkuasa dari 15hb Oktober 1986. Penurunan ini telah mengakibatkan pertambahan sebanyak \$1,727 juta kumpulan wang ke dalam sistem bank. Di samping itu penubuhan Tabung Pelaburan Baru sebanyak \$1,700 juta juga membantu meningkatkan jumlah bekalan wang di dalam pasaran.

Penurunan Kadar Pinjaman Asas adalah bertujuan untuk mengurangkan kadar pinjaman dan juga kos modal dan seterusnya menggalakkan aktiviti-aktiviti ekonomi. Oleh itu adalah dijangka jumlah pelaburan keseluruhannya akan bertambah dan penurunan ini juga akan memberi faedah kepada usahawan-usahawan kecil. Di samping itu kos perniagaan dan kos pengeluaran mereka akan menurun. Ini bukan sahaja membawa faedah kepada pengguna-pengguna dalam negeri kerana barang-barang dapat dijual dengan lebih murah tetapi juga dapat membantu meningkatkan eksport dan daya bersaing di pasaran luar negeri. Di samping itu lebih banyak peluang-peluang pekerjaan juga dapat diwujudkan dan masalah pengangguran yang sekarang ini begitu membimbangkan, boleh dikurangkan.

ANGKATAN TENTERA MALAYSIA—STRATEGI KETENTERAAN

63. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah langkah dan strategi Kementerian bagi meningkatkan lagi kecekapan anggota tentera udara, laut dan darat dan memantapkan keupayaan pertahanan negara. Sejauh manakah kemampuan Tentera Udara dan Laut Negara mempertahankan Negara jika Malaysia diserang secara serentak iaitu di Semenanjung (Malaysia Barat) dan di Sabah dan Sarawak (Malaysia Timur).

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Angkatan Tentera Malaysia memang mempunyai strategi ketenteraan tertentu untuk mempertahankan kepentingan strategik Negara. Keupayaan Angkatan Tentera Malaysia telah dirancang supaya kekuatannya memenuhi kehendak mempertahankan kepentingan strategik Negara ini.

Peringkat keupayaan ini sentiasa dijalankan melalui latihan di antara ketiga-tiga perkhidmatan iaitu Perkhidmatan Tentera Darat, Laut dan Udara. Latihan juga diadakan dengan angkatan tentera negara jiran dan negara-negara asing melalui peraturan Pertahanan Lima Negara. Dengan tahap kecekapan yang ada sekarang ini Angkatan Tentera kita mampu menghadapi sebarang kemungkinan mengikut tahap ancaman yang diramal.

PERJANJIAN MENANGKAP IKAN MALAYSIA/THAI

64. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pertanian menyatakan status perjanjian bersama tangkapan ikan dengan Thailand serta syarat-syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua

belah pihak pada dasarnya. Adakah nelayan-nelayan di Malaysia mampu meningkatkan teknologi penangkapan tanpa perjanjian dengan Thailand. Apakah kandungan perbezaan-perbezaan pendapat yang wujud di dalam bidang operasi, insuran dan pembiayaan di antara Malaysia dan Thailand.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Mesyuarat ketiga mengenai perjanjian dua hala Malaysia/Thai mengenai penangkapan ikan oleh nelayan Thai di dalam perairan Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia telah diadakan di Kuala Lumpur pada 29hb dan 30hb Jun, 1987 yang lalu. Oleh kerana perbincangan akan diteruskan lagi maka kandungan perbezaan pendapat yang disoalkan itu tidak wajar dihebahkan.

Mengenai perkembangan teknologi, nelayan-nelayan tempatan memang mempunyai keupayaan untuk menerokai laut dalam perjanjian dengan Negeri Thai. Cara-cara baru sentiasa diperkenalkan kepada nelayan dan jabatan juga mempunyai kemudahan-kemudahan yang cukup bagi melatih para nelayan di dalam bidang ini.

KEPUTUSAN MAHKAMAH DALAM KES POH SWEE SIANG

65. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa undang-undang yang ada sekarang dan dengan tauladan yang ditunjukkan oleh Mahkamah Tertinggi semasa keputusannya baru-baru ini di dalam Rayuan Sivil Mahkamah Tertinggi No. 117 tahun 1986.

Di antara

1. Trustees of Leong San Tong.
Khoo Kongsii (Penang Registered).

2. Perumahan Parlim (Penang Registered).

3. Sriwata Sdn Bhd..... Appellants.
Dan

Poh Swee Siang Respondent

yang telah mencetuskan satu bahaya potensi akan kegugatan keamanan yang berlaku di seluruh pelusuk negara dalam perkara ini bahawa tuan-tuan punya tanah dan/atau pemaju-pemaju akan mengambil kesempatan ke atas keputusan Mahkamah Tertinggi dalam kes Poh Swee Siang untuk menghalau penyewa-penyewa dan penyewa-penyewa tanah dengan menggunakan kekerasan dengan tidak terlebih dahulu mendapat satu perintah mahkamah dan sama ada beliau akan memberi perhatian bahawa Kementerian Dalam Negeri akan memastikan supaya pihak polis akan bertindak untuk menyekat tuan-tuan tanah dan/atau pemaju-pemaju dari menggunakan kekerasan bagi menghaiau orang ramai dari rumah-rumah mereka tanpa perintah dari Mahkamah apabila laporan polis dibuat berkenaan perkara yang dimaksudkan oleh tuan-tuan tanah dan pemaju-pemaju.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayoh:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak polis akan diarahkan untuk mengawal keselamatan di sesuatu tempat sekiranya berlaku rusuhan dan kekacauan. Dalam hal ini, sukalah saya menegaskan bahawa sekiranya terdapat aduan kepada pihak polis mengenai sebarang bentuk kekerasan yang dilakukan oleh mana-mana pihak maka pihak polis akan menyiasat dan tindakan sewajarnya akan diambil ke atas mereka yang bertanggungjawab melakukan kekerasan tersebut mengikut lunas undang-undang.

PENJUALAN SAHAM-SAHAM MENTERI/TIMBALAN MENTERI

66. Tuan Teoh Teik Huat minta Perdana Menteri menyatakan sama ada semua Menteri telah mematuhi arahan yang dikeluarkan tahun lalu supaya mereka menjual saham-saham yang dimiliki oleh mereka dan keluarga mereka dalam tempoh tiga bulan, jika tidak, nyatakan nama Menteri-menteri atau Timbalan-timbalan Menteri yang gagal berbuat demikian; dan sama ada semua Menteri dan Timbalan Menteri telah mengisytiharkan aset-aset mereka (termasuk tanggungan-tanggungan mereka) kepada beliau.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Yang Berhormat Perdana Menteri berpuas hati dengan tindakan-tindakan yang diambil oleh Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri mengenai urusan penjualan saham-saham yang dimiliki oleh mereka dan keluarga mereka dan mengenai pengisytiharan aset-aset mereka kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

PEMBENTUKAN PASUKAN POLIS

67. Dr V. David minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan mengkaji semula pembentukan pasukan polis untuk menentukan bahawa semula laporan-laporan dari rakyat dicatatkan dengan cekap di balai-balai polis, bahawa orang ramai yang mempunyai butir-butir penting mengenai isu-isu di atas kes-kes jenayah hendaklah dihormati oleh pegawai-pegawai polis dan bukan ditakutkan oleh mereka. Adakah beliau sedar bahawa "keadilan yang telah ditangguhkan ialah keadilan yang dinafikan."

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum bercadang untuk mengkaji semula

pembentukan pasukan polis seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Prosedur dan sistem menerima aduan seperti yang diamalkan sekarang ini kini adalah memuaskan.

PERKAMPUNGAN NELAYAN

68. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada benar bahawa Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia sedang menjalankan satu program dengan Pemuda UMNO untuk menjadikan beberapa perkampungan nelayan sebagai anak angkat Lembaga tersebut. Jika benar:

- (a) berapa jumlah perkampungan yang telah dan akan dijadikan anak angkat oleh Lembaga ini di bawah program tersebut;
- (b) maksud program ini; dan
- (c) mengapa UMNO sahaja dan tidak parti-parti politik lain yang dijemput untuk mengambil bahagian dalam program ini.

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Adalah benar bahawa LKIM sedang melaksanakan projek memajukan masyarakat nelayan di kampung-kampung yang dipilih sebagai kampung angkat. Projek ini dijalankan dengan kerjasama Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Kegiatan yang dijalankan di dalam kampung angkat ini adalah sama dengan kegiatan yang dijalankan oleh LKIM di lain-lain perkampungan nelayan yang tidak termasuk di bawah program kampung angkat ini, selaras dengan tanggungjawab LKIM untuk memajukan masyarakat nelayan. Perbezaan di antara kampung nelayan biasa dengan kampung angkat nelayan ialah kampung nelayan biasa tiada penglibatan Pergerakan Pemuda UMNO, manakala di kampung angkat

ini, Pergerakan Pemuda UMNO melibatkan diri dengan lebih dekat dan erat, di samping penglibatan jabatan/agensi Kerajaan yang berkenaan.

- (a) Setakat ini 3 buah kampung telah dilancarkan sebagai kampung angkat nelayan dan adalah dicadangkan supaya 37 buah lagi akan dijadikan kampung angkat nelayan.
- (b) Maksud program ini ialah:
- (i) membangkitkan kesedaran masyarakat nelayan dan membantu menggerakkan mereka supaya mempunyai sikap yang lebih positif seperti kuat bekerja, tidak membazir, kikis menteliti harapan bantuan dan sebagainya;
 - (ii) mengenalpasti pendekatan-pendekatan yang lebih praktikal, berkesan bagi menyelesaikan masalah kemiskinan di kalangan masyarakat nelayan;
 - (iii) mengambil langkah pragmatis yang boleh diamalkan oleh mereka dengan segera serta dinilai dan diukur kesan dan manfaatnya dari masa ke semasa;
 - (iv) mengkaji peranan dan fungsi-fungsi jabatan-jabatan dan agensi Kerajaan yang bertanggungjawab membantu menyelesaikan masalah kemiskinan serta mengemukakan saranan-saranan konkrit mengenai tindakan sepadu jabatan/agensi-agensi yang boleh meningkatkan lagi prestasi khidmat

sokongan agensi pelaksanaan pada keseluruhannya.

- (c) LKIM tidak menghadkan kepada UMNO sahaja untuk mengambil bahagian dalam projek ini malahan kerjasama semua pihak yang berkenaan perlu dan digalakkan untuk menjayakannya.

KEBEBASAN KEHAKIMAN

69. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Kehakiman menyatakan sama ada beliau bersedia memberi jaminan yang beliau akan menjunjung kebebasan kehakimannya.

Dato' Oo Gin Sun: Soalan seperti ini tidak seharus timbul kerana kebebasan kehakiman adalah sentiasa terpelihara berdasarkan kepada peruntukan yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG RACUN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Racun 1952; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kesihatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (7hb Julai, 1987).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Tanjong, sila teruskan.

3.34ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pindaan) dan Rang Undang-undang kemudiannya iaitu Rang Undang-undang Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) (Pindaan) merupakan urusan Parlimen yang paling penting sekali dalam mesyuarat ini kerana seperti yang diberitahu pada hari Rabu lalu oleh Yang Berhormat Menteri sendiri bahawa kedua-dua Rang Undang-undang tersebut adalah bertujuan untuk membolehkan Kerajaan men-swastakan Lebuhraya Utara/Selatan. Projek Lebuhraya Utara/Selatan yang menelan belanja \$3.4 billion yang akan ditawarkan kepada United Engineers Malaysia (UEM) bukan sahaja merupakan projek lebuhraya yang paling mahal sekali di Malaysia tetapi juga mungkin menjadi skanda! yang terbesar sekali, lebih besar daripada skandal BMF (*Tepuk*) sebanyak \$2.5 billion itu.

Saya amat hairan bahawa atas projek \$3.4 billion Lebuhraya Utara/Selatan ini, Yang Berhormat Menteri Kerjaraya yang dikenali sebagai seorang yang berterus terang telah bersikap mengelap malah secara terang-terang mengelirukan Dewan dan negara. Saya akan memberi satu contoh. Semasa soal jawab Rabu lalu, iaitu pada 1hb Julai, apabila Yang Berhormat Menteri Kerjaraya menjawab satu pertanyaan mengenai

Lebuhraya Utara/Selatan dan kadar TOL yang bakal dikenakan, saya telah bertanya Yang Berhormat Menteri berkenaan sama ada benar seorang lagi syarikat penender iaitu Hashbuddin Sdn Bhd telah sebut harga kadar-kadar TOL yang lebih rendah berbanding dengan penender yang berjaya iaitu United Engineers. Inilah jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri dan saya memelik:

"Tuan Yang di-Pertua, Hashbuddin yang lebih murah. Hashbuddin kata dengan \$3 billion dia boleh buat kerja. Tidak a'da butir, tidak ada jaminan, tidak ada guarantee daripada bank, tidak menyebut nama-nama bank, kita tidak tahu siapa yang akan memberi pinjaman kepada beliau. Dia hantar kepada saya satu surat dengan dua muka sahaja, macam mana kita boleh menyelesaikan satu projek berharga \$3.5 billion dengan dua muka surat? Sebab itu sahajalah kita telah membatalkan atau kita tolakkan tawaran daripada beliau."

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati kenyataan Yang Berhormat Menteri itu yang diberikan di Parlimen amat tidak boleh dipercayai. Pada 20hb Disember, 1986, akhbar STAR telah memetik Yang Berhormat Menteri sebagai berkata:

"Bahawa 4 buah consortium telah bersaing untuk projek Lebuhraya Utara/Selatan itu iaitu Pilecon Engineering, United Engineers Malaysia, Shahpadu Holdings dan Hashbuddin Sdn Bhd dan bahawa keempat-empat consortium ini telah mencadangkan agar kos asal projek tersebut sebanyak \$4.5 billion itu dikurangkan sebanyak \$1 billion dan bahawa akibat ini Kementerian Kerjaraya telah menghabiskan masa tiga bulan setengah untuk mencari alternatif-alternatif kepada pelan asal tersebut."

Sekiranya inilah hakikatnya, maka bagaimanakah Yang Berhormat Menteri berkenaan boleh datang ke Dewan ini dan berkata bahawa Hashbuddin tidak ada jaminan, tidak ada guarantee daripada bank, tidak ada menyebut nama-nama bank, dua mukasurat sahaja. Saya mencabar Yang Berhormat Menteri untuk mengulangi apa yang dia katakan di luar Dewan. Oleh kerana sebenarnya apa yang beliau cakap sangat defamatory. Saya percaya kalau apa dia cakap benar, kita mahu tahu kenapa Hashbuddin begitu tidak bertanggungjawab. Kalau apa yang dia cakap tidak benar, mungkin membolehkan Hashbuddin untuk mengambil tindakan undang-undang untuk sue Yang Berhormat Menteri (*Tepuk*). Cabar, pergi luar dan repeat outside. Oleh kerana apa beliau kata sangat tidak tanggungjawab, jangan menggunakan perlindungan Dewan mi untuk ucap apa yang tidak bertanggungjawab, sangat defamatory dan irresponsible, dengan izin.

Dato' S. Samy Vellu: Saya minta penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Dato' S. Samy Vellu: Jikalau Encik Hashbuddin berani cabar dengan saya. memberi butir-butir yang mana beliau kata beliau menghantar satu tawaran dengan semua butir-butir, saya menerima cabarannya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya datang sini bukan cakap bagi pihak Hashbuddin atau sesiapa, tetapi untuk jaga maruah Parlimen ini. Jangan datang ke sini dan cakap perkara-perkara yang liar, yang tidak benar, palsu dan fitnah (*Tepuk*). Saya cabar, keluar repeat outside, kalau berani.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Jikalau Ahli Yang Berhormat tidak percaya dengan apa daripada kandungan ucapan saya atau jawapan daripada

saya, Ahli Yang Berhormat mesti mencabar di luar, bukan saya pergi cabar di luar. Bukan cabaran itu datang daripada saya. Cabaran itu daripada Hashbuddin atau wakil Hashbuddin, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong jadi wakil Hashbuddin, minta kedua-dua cabar di luar, saya boleh terima cabaran. (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Saya Wakil Rakyat Malaysia, bukan wakil Hashbuddin. (*Tepuk*) Yang Berhormat bukan wakil MIC tetapi wakil UMNO (*Tepuk*), berucap bukan wakil MIC pun. Kalau berani cakap dalam Dewan, kenapa tida'k berani repeat outside?

Dato' S. Samy Vellu: Minta penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Dato' S. Samy Vellu: Apabila sampai masa untuk mengumumkan, mengapa Kerajaan tidak terima Hashbuddin atau tender dari Hashbuddin, saya mesti beri cabaran padanya. Semua butir-butir, kalau Hashbuddin berani ambil, saya pergi ke mahkamah, saya terima dia bila-bila. Saya duduk di sini sebagai Menteri Kerjaraya mewakili Kerajaan Negeri, bukan mewakili UMNO atau mewakili sesiapa. Saya ada tanggungjawab mengikut dengan tanggungjawab, sebagai soalan daripada AhLi Yang Berhormat pada hari itu, Yang Berhormat minta keterangan-keterangan berkenaan dengan tender, saya beri satu jawapan yang ringkas. Jikalau Ahli Yang Berhormat suka juga mendapat satu keterangan yang luas, boleh tiga jam pun saya boleh beri jawapan berkenaan dengan Hashbuddin dan apakah tindakan-tindakan beliau, macam manakah dia akan berhubung dengan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Boleh buat tiga jam, tiga hari pun, tetapi menerima cabaran saya pergi luar dan repeat outside. Kita boleh panggil satu mesyuarat. Saya boleh sewa satu tempat dan beranikah repeat outside?

Dato' S. Samy Vellu: Yang Berhormat, saya ingat kita berdua, saya boleh jelas, awak pun boleh jelas. Saya sudah beri tadi apabila saya mengumumkan penerimaan tender daripada United Engineer, saya boleh beri butir-butir mengapakah Hashbuddin dan syarikat itu tidak berjaya jikalau mereka suka juga mencabar dengan saya, saya boleh menerima cabaran beliau. Saya bukan main politik, saya main undang-undang yang telah diberi kuasa kepada saya. Jikalau siapa-siapa, Hashbuddinkah atau rakan-rakan dia tidak suka, dia cabar, saya boleh terima cabaran. Saya bukan kata saya pada hari ini pergi luar cabar sama dia. Cabaran-cabaran saya tidak takut. Saya sudah cabar beberapa kali, beberapa orang saya sudah jumpa. Saya punya jiwa pun jadi cabaran sahaja. Saya tidak takut cabaran.

Tuan Lim Kit Siang: Soalnya ialah Yang Berhormat Menteri ada cakap dalam Dewan ini. Itu dalam *Hansard*. Itu benarkah atau tidak benar. Saya kata nampaknya defamatory.

Dato' S. Samy Vellu: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Nanti saya habis dahulu. . . . dan kalau bertanggungjawab apa yang cakap dalam Dewan ini jujur, ikhlas, betul, benar, pergi luar dan repeat, bukan apa, tetapi untuk menunjukkan bahawa Yang Berhormat tidak selindung di sebalik hak dan kebebasan Dewan untuk memfitnah sesiapa pun, Shahbuddin, Hashbuddin atau sesiapa, saya pun tidak peduli. Tetapi itulah satu prinsip. Adakah berani, jangan kata ini berani, itu berani, tetapi tepat. Adakah berani repeat apa yang saya ada sebut itu di

luar Dewan. Ada berani atau tidak berani? Kalau tidak berani, kata tidak berani. (*Tepuk*)

Dato' S. Samy Vellu: Minta penjelasan, Yang Berhormat. Tadi saya sudah beritahu Yang Berhormat. Bila saya umumkan tender, saya mesti beri semua butir-butir yang mana jikalau Hashbuddin itu tidak fikir pengumuman daripada saya betul, saya boleh pada hari itu saya kata kita tidak terima tender dari Hashbuddin, kerana Hashbuddin tidak layak untuk mendapat. Saya boleh beritahu itu.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah akan repeat apa yang cakap dalam Dewan ini?

Dato' S. Samy Vellu: Nanti saya repeat. . . .

Tuan Lim Kit Siang: Word for word.

Dato' S. Samy Vellu: Repeat (*Disampuk*). I take the challenge, I repeat. . . .

Tuan Lim Kit Siang: You invite me, I will be there. You repeat word for word.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh repeat tiap-tiap perkataan apa saya buat dalam Dewan ini. . . .

Tuan Lim Kit Siang: Baik.

Dato' S. Samy Vellu: di hadapan Yang Berhormat, jikalau Yang Berhormat berani, mari ke Kementerian saya.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, besok saya datang (*Ketawa*). Besok saya datang. You repeat word for word.

Dato' S. Samy Vellu: Besok bukan pengumuman saya beritahu pada Yang Berhormat tadi. Pengumuman itu (*Disampuk*) apabila kita selesaikan tender, saya boleh beri semua

Hashbuddin dan rakan-rakan beliau, beliau tidak layak untuk mendapat kerja, kerana itu apa yang saya sebut dalam Dewan ini, saya sebut di luar.

Tuan Lim Kit Siang: Besok beranikah?

Dato' S. Samy Vellu: Besok bukanlah satu hari untuk menyiapkan tender.

Tuan Lim Kit Siang: Mahu repeat—tidak ada tarik. Kalau berani besok saya datang. Cakap bila-bila, itu MIC keberanian. Mana keberanian!

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan kira MiCkah, ini bukan kira UMNOkah, atau DAP. Kita mesti mengikut dengan satu aturcara yang kita ikut. Besok bukan hari untuk memberi keputusan atas tender. Saya mengikut undang-undang, undang-undang itu jikalau seorang Menteri boleh mengemukakan berkenaan dengan tender selepas keputusan sudah sampai daripada Jawatankuasa. Jawatankuasa ada timbang sekarang. Sebab Yang Berhormat dari Tanjong cabar saya, saya bukan bodoh mahu cabar dia esok. Saya cabar dia satu masa bila saya dapat keputusan daripada Jawatankuasa. Pada masa itu terus terang saya beritahu sama Yang Berhormat marilah ke Kementerian saya pada hari ini di mana saya katakan semua perkataan yang berada dalam *Hansard* itu. Boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, saya tunggu, tengok Yang Berhormat Menteri berani atau tidak berani. Kalau tidak berani, dia patut letak jawatan.

Dato' S. Samy Vellu: Boleh, saya tidak masuk Dewan ini. (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Letak jawatan, baik.

Dato' S. Samy Vellu: Okay. Boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya tadi ada sebut bahawa perbuatan itu sangatlah tidak berpatutan, mungkin untuk justify pemberian tender yang unjustifiable, dengan izin, untuk membina Lebuhraya Utara-Selatan kepada sebuah syarikat yang tidak mampu membayar balik hutang-hutangnya—United Engineers—satu syarikat insolvent—satu syarikat insolvent yang tidak pernah membina walaupun seinci pun jalanraya atau sekaki jambatan. Di sini ingin sekali lagi saya merujuk kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Dalam Parlimen, Rabu lalu di mana beliau berkata Anggaran Belanjawan di atas projek ini telah ditetapkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia. Pada mula-mulanya ialah \$4.5 billion. Tetapi apabila kita menawarkan projek ini kepada empat syarikat, tiap-tiap syarikat diikuti dengan reka-bentuk setelah diberikan kepada mereka melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia yang telah menetapkan harga sekurang-kurangnya \$4.5 bilion. Tetapi mereka telah menghantar kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia alternative proposal. Mengenai alternative proposal dua syarikat yang kita terima iaitu satu, United Engineers, satu lagi Pilecon. United Engineers telah menyebutkan harga iaitu \$3.5 bilion dan Pilecon telah memberi harga \$3.76 bilion, dalam *Hansard*.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Menteri adalah salah kerana mengelirukan Dewan ini kerana Pilecon telah kemukakan 4 alternative proposal. (a), (b), (c) dan (d). Dan sebutarga yang paling rendah sekali oleh Pilecon lebih rendah daripada United Engineers. Kenapa Yang Berhormat Menteri tidak sebut ini dalam Dewan, Mengelirukan, mislead Dewan ini.

Dato' S. Samy Vellu: Boleh saya beri penjelasan Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Saya habis paragraph ini, lepas itu boleh jelas.

Dato' S. Samy Vellu: Okaylah.

Tuan Lim Kit Siang: Dan sebutharga yang paling rendah yang dikemukakan oleh Pilecon ialah \$3.37 bilion. Mengapa ini disembunyikan dalam Parlimen? Saya tahu alternatif untuk 8 tahun, ada 5 tahun, 6 tahun tetapi alternative proposal. Dan tawaran Hashbuddin ialah \$3 bilion. Pilecon adalah satu proposal lebih rendah daripada United Engineers, kenapa? Kenapa ada pemilihan United Engineers tidak pernah buat seinci jalan atau jambatan? Mahu jelas?

Dato' S. Samy Vellu: Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya boleh juga memberi satu jawapan yang luas kepada Ahli Yang Berhormat. Tetapi saya tidak mahu Ahli Yang Berhormat salah faham. Saya buat salah di Dewan ini. Pada hari itu saya kata dia punya harga seperti apa dikatakan oleh Yang Berhormat tadi ada 4 cadangan. Tetapi di tiap-tiap cadangan jalan itu diambil oleh Pilecon telah mengadakan cadangan untuk membina 495 kilometer sahaja. Dan UEM ada memberi cadangan untuk membina 513 kilometer.

Jadi, ada perbezaan dengan luas kilometer itu, pertama, 495. Jika kita compare, berbanding dengan harga ditawarkan oleh Pilecon, dia berharga lebih dan dia punya cadangan (*b*) kita ambil cadangan (*a*), (*b*), (*c*) dan (*d*); ada empat cadangan. Dia punya cadangan (*b*) k'ta compare dengan cadangan yang dihantar oleh UEM. Cadangan Pilecon dia kata dia murah sebab dia kata dia ada cadangan jalan iaitu satu lorong dua hala sahaja. Di tempat-tempat yang mana mereka fikir tidak mencukupi traffic projection tetapi UEM tidak seperti itu. UEM ikut cadangan diberi oleh

Kerajaan, tidak menukarkan cadangan itu, sebab itulah kita menerima cadangan daripada UEM.

Tetapi ini satu butir yang lebih lanjut. Saya boleh beri kepada Ahli Yang Berhormat tetapi saya minta Ahli Yang Berhormat jangantah beritahu, saya buat fitnah, saya buat ini, saya buat itu. Apa-apa perkataan saya buat dalam Dewan ini saya bertanggungjawab, saya boleh beri penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat. Saya bukan mahu lari ini. Ini saya tidak lari punya. Saya mesti duduk di sini. Saya jawab. (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Dan cadangan UEM yang diterima pun bukan mengikut tawaran yang ditetapkan oleh LLM itu pun satu alternative proposal. Bukan? Ya! Tuan Yang di-Pertua, dan kita harap boleh lagi kenapa tawaran Hashbuddin \$3 bilion ditolak, nanti dalam jawapan boleh beri keterangan.

Tuan Yang di-Pertua, pemberian projek Lebuhraya Utara/Selatan sepanjang 504 kilometer kepada United Engineers telah disifatkan sebagai penswastan yang paling terbesar sekali untuk jalanraya setakat ini. Kerajaan mempunyai 5 objektif utama berkait dengan dasar penswastan iaitu:

- (i) Bertujuan mengurangkan beban kewangan dan menyelenggarakan rangkaian perkhidmatan-perkhidmatan dan pelaburan-pelaburan dalam infrastruktur yang luas dan kian berkembang.
- (ii) Penswastan dijangka menggalakkan persaingan meningkatkan kecekapan dan menambah produktiviti perkhidmatan.
- (iii) Penswastan dengan menggalakkan entrepreneurs dan pelaburan persendirian dijalankan menggerakkan kadar pertumbuhan ekonomi.

- (iv) Penswastaan dijalankan dijangka akan membantu mengurangkan saiz dan kehadiran sektor swasta serta kecenderungan-kecenderungan yang bersifat monopoli dengan sokongan birokrasi dan ekonomi.
- (v) Penswastaan dijangka menyumbangkan ke arah memenuhi matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi apakah pemberian tawaran Lebuhraya Utara/Selatan kepada UEM adalah penswastaan dalam erti kata sebenarnya, saya cabar Yang Berhormat Menteri lagi untuk menafikan bahawa Jawatankuasa kepakaran yang ditubuhkan oleh Lembaga Lebuhraya telah menimbulkan bahawa cadangan UEM itu langsung tidak merupakan penswastaan. Bolehkah nafikan? Committee LLM ada buat satu kajian, sampai satu kesimpulan bahawa offer UEM sebenarnya bukan penswastaan. Yang Berhormat tidak tahu?

Dato' S. Samy Vellu: Saya tahu. Setiap inci pun saya tahu, saya akan jawab selepas ini.

Tuan Lim Kit Siang: Mengakui, baik. Menurut Jawatankuasa Highway Authority ini, UEM hampir-hampir meminta segala-galanya daripada Kerajaan untuk melindungi segala risiko yang mungkin dihadapi dalam projek Lebuhraya Utara/Selatan dan Jawatankuasa tersebut telah menegaskan bahawa sebuah projek yang tidak mempunyai risiko untuk UEM bukanlah merupakan satu cadangan perniagaan atau pelaburan dan seorang yang tidak rela memikul risiko bukanlah sebenarnya seorang entrepreneur. Betul? Baik.

Namun demikian, Kerajaan telah meneruskan dengan pemberian projek Lebuhraya Utara/Selatan kepada UEM. UEM tidak perlu melaporkan

apa-apa pun dan projek \$3.5 bilion Lebuhraya Utara/Selatan itu tidak payah melabur satu sen. Pemberian kontrak tersebut kepada UEM adalah bergantung kepada Kerajaan yang mengandungi pertama, pinjaman sebanyak \$750 juta sebelum penyiapan projek tersebut yang mana pinjaman tersebut boleh digunakan semasa pembinaan Lebuhraya tersebut.

Dan kedua, pinjaman sebanyak \$900 juta selepas penyiapan projek tersebut yang mana wang tersebut boleh digunakan semasa pengendaiian Lebuhraya tersebut apabila ia dibuka. Di sini ingin saya bertanya bahawa sekiranya pinjaman sebelum penyiapan projek tersebut diberi semasa tempoh pembinaan lebuhraya tersebut dengan kadar \$150 juta setahun untuk selama lima tahun, maka apakah jaminan yang sedia ada untuk menjamin bahawa UEM akan menyiapkan pembinaan Lebuhraya Utara/Selatan itu. Dan tidak akan terbungkalai projek selepas ia menerima pinjaman tersebut.

Selanjutnya kedua-dua pinjaman yang diberi oleh Kerajaan sebelum dan selepas penyiapan projek tersebut kepada UEM yang berjumlah \$1,650 bilion akan menjadi subordinate kepada semua pemegang-pemegang saham UEM. UEM juga mahukan kadar faedah ke atas kedua-dua pinjaman Kerajaan ini disifatkan sebagai "floating rate" di mana kadar faedah ditetapkan mengikut kadar inflasi. Ini akan menyebabkan kerugian kepada Kerajaan kerana UEM hanya akan membayar penurunan atau pengurangan dalam nilai wang yang dipinjamkan yang disebabkan inflasi dan bukan membayar faedah ke atas pinjaman yang diperolehi. Maka sekiranya kadar inflasi adalah kosong, maka UEM tidak membayar apa-apa faedah pun dan akan mendapat \$1.65 billion pinjaman tanpa faedah.

Tuan Yang di-Pertua, UEM pun ada minta Kerajaan memberi jaminan, berbagai-bagai jaminan semacam, dengan izin, "external risk undertaking" di mana Kerajaan akan bertanggungjawab untuk menampung semua risiko-risiko dan kos yang boleh berbangkit oleh kerana pengaliran pertukaran wang asing atau foreign exchange movement dan pun, dengan izin, foreign exchange rate movement, interest rate movement dan apa-apa perubahan yang berlaku dalam cukai-cukai atau kelewatan luar daripada kawalan UEM dan lagi "cost overruns" yang pun dipikul oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, jamman external risk ini akan dibuat dengan satu pinjaman revolving loan di mana UEM boleh dapat wang untuk semua risiko-risiko yang berlaku. Saya rasa inilah sangat tidak adil oleh kerana Kerajaan sendiri sekarang sudah menghadapi risiko-risiko dalam dunia foreign exchange interest rate movement, siapa yang boleh bertanggungjawab dan risiko-risiko luar negeri ini sekarang pun berlaku. Hutang negara kita meningkat naik oleh kerana Yen sudah naik atau appreciate, Dolar Amerika pun appreciate dan kenapa Kerajaan mahu memikul tanggungjawab ini kepada UEM? Dan tentulah akan timbul lagi masalah jikalau foreign exchange movement dan interest rate movement ada berubah, Kerajaan mahu memikul tanggungjawabnya. Apa yang akan berlaku kalau movement foreign exchange dan interest rate berbeza—satu naik, satu turun? Tentulah perkara ini akan merumitkan kedudukan kewangan negara. UEM pun ada minta satu guarantee—traffic volume guarantee—dan Yang Berhormat Menteri ada kata itulah sebab perjanjian tidak ditandatangani dalam bulan April oleh kerana tidak ada persetujuan mengenai traffic flow projection.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memikul jaminan bahawa kalau ada shortfall dalam traffic flow projection, Kerajaan akan sebenarnya subsidise perbezaan dan lagi pun ini secara satu revolving loan, dengan izin, untuk jaminan ini dan lagi "subordinate" kepada semua perbelanjaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya fahami bahawa apabila kontrak dengan UEM ditandatangani, semua bahagian-bahagian Lebuhraya Utara-Selatan yang sudah siap atau dalam pembinaan akan diserahkan kepada UEM dengan kebenaran juga untuk mengutip tol-tol yang ada sekarang ini bagi bahagian-bahagian Kuala Lumpur-Seremban—60 kilometer, Jitra-Bukit Kayu Hitam—24 kilometer, Jitra-Gurun—56 kilometer, Ipoh-Changkat Jering—54 kilometer, Slim River-Tanjung Malim pun masuk—21 kilometer, Seremban-Air Keroh—60 kilometer, Air Keroh-Pagoh—56 kilometer.

Di sini saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri dari segi legal atau undang-undang dan kewangan bahawa apabila bahagian-bahagian ini yang sudah siap diserahkan kepada UEM, apakah akan timbul daripada segi undang-undang? Oleh kerana tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut bahawa Highway Authority ada meminjam \$1,600 juta untuk membina bahagian-bahagian tersebut dan kalau saya tidak silap dalam perjanjian pinjaman dengan bank-bank antarabangsa atau dalam negara itu adalah satu syarat bahawa tidak boleh pemindahan atau transfer baik pun fungsi, operasi atau aset Highway Authority ini dan adakah ini bererti kalau sekarang mahu serahkan ini kepada UEM, Kerajaan perlu ambil balik atau take-over pinjaman-pinjaman tersebut, iaitu menjadikan Kerajaan memikul tanggungjawab

untuk \$1,600 juta sebagai pinjaman kepada Kerajaan. Inilah lagi satu kos yang bertambah yang kita perlu memikul oleh kerana Kerajaan perlu repay semua loan-loan ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang kita mahu tahu ialah kenapa kita perlu serahkan tol-tol bahagian-bahagian yang sudah siap kepada UEM? Di sini pun saya hairan kenapa Yang Berhormat Menteri yang beberapa kali ada peluang menjawab mengenai Lebuhraya Utara-Selatan tidak melaporkan kepada Dewan apa hasil kajian traffic flow projection yang dibuat oleh consultant British, Randel Palmer and Tritton. Kita dapati bahawa ianya sudah siap dan sudah dilaporkan kepada Yang Berhormat Menteri, dan kita mahu tahu oleh kerana ini mustahak.

Saya difahamkan bahawa antara perbezaan dalam tol collection projection ialah pada tahun 1997 satu projection ialah bahawa collection adalah \$800 juta tetapi UEM mahu Kerajaan menjamin bahawa mereka akan mendapat \$2 billion dan kalau tidak dapat, shortfall ini akan dipikul oleh Kerajaan. Kalau bagi satu tahun Kerajaan akan bayar kepada UEM shortfall dalam tol itu daripada tahun 1997 \$1.2 billion sahaja! Dan kalau saya tidak silap UEM sekarang yang akan mendapat tempoh concession 25 tahun untuk mengutip tol mahu minta memanjangkannya kepada 30 tahun iaitu daripada 1997 kepada 2017—lagi 20 tahun. Kalau satu tahun Kerajaan mahu subsidise atau meet shortfall \$1.2 billion, jumlah angka itu ialah \$24 billion.

Tuan Yang di-Pertua, inilah kos kepada Kerajaan, kepada rakyat dalam award kontrak kepada UEM, bukan sahaja kepada \$3.4 billion untuk lebuhraya tetapi saya di sini ada 8 kos sekurang-kurangnya.

Yang pertama, pinjaman bahagian yang pertama sebelum siap—penyiapan projek itu \$750 juta.

Kedua, pinjaman selepas penyiapan projek \$900 juta. Ketiga, kos kepada Kerajaan oleh kerana berbagai jaminan semacam external risk standby credit yang sekurang-kurangnya ada empat perkara, dengan izin, (i) Adverse foreign exchange movement on external debt kalau 10%—\$300 juta. (ii) Adverse interest rate movement on floating rate at 5%—\$150 juta. (iii) Kalau ada kelewatan dalam penyiapan projek yang dianggarkan 10% dari total project, \$350 juta. (iv) Cost over-run dianggarkan 10%, lagi \$350 juta, semuanya \$1,150 juta. Perkara yang keempat, kalau mahu serahkan semua bahagian-bahagian Lebuhraya Utara Selatan kepada UEM Kerajaan mahu ambillah semua pinjaman-pinjaman dan repay pinjaman kepada bank-bank, institusi-institusi kewangan \$1,600 juta—tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut. Kelima, tax holiday untuk 5 tahun \$1,500 juta. Keenam, dengan izin, exemption on withholding tax of interest of offshore loans 20% untuk 10 tahun, kalau at 10%, \$500 juta. Ketujuh exemption daripada income tax daripada keuntungan.

Dato' S. Samy Vellu: Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, saya habiskan dahulu. Income Tax sehingga pembayaran pinjaman-pinjaman dianggarkan \$2,000 juta. Tadi saya ada sebutkan traffic volume guarantee kalau \$2 billion satu tahun selepas 1997 untuk 20 tahun, \$24 billion. Kos semua ini adalah \$30,950,000. Ini, Tuan Yang di-Pertua, kita menggadaikan. Yang Berhormat Menteri akan menggadaikan generasi-generasi akan datang dengan \$31 billion kalau beliau menandatangani kontrak Lebuhraya Utara/Selatan. Ini bukan privatisation, ini bukan penswastan, ini piratisation.

Tuan Yang di-Pertua, sangat nyata bahawa UEM tidak ada cash—tunai, modal cash untuk menjalankan projek ini. UEM dapat cash dari mana? Kerajaan—\$1,650 juta, daripada syarikat-syarikat pembinaan yang masuk consortium mungkin \$500 juta, sendiri satu sen pun tidak payah keluar. Kita tahu bahawa UEM adalah sebuah syarikat insolvent lagi suspended daripada Bursa Saham Kuala Lumpur Stock Exchange. Kerugian lebih daripada \$100 juta. Kerugian UEM sekarang lebih daripada \$100 juta. Apa syarat-syarat yang membolehkan UEM dapat kontrak Lebuhraya Utara/Selatan. Itulah saya harap kita dapat satu penjelasan. Kita tahu apa syarikat yang control UEM sekarang—Hatibudi. Siapa Hatibudi? Itulah satu jawapan yang mustahak. Adakah Hatibudi syarikat Yang Berhormat Menteri Kewangan? Adakah Hatibudi syarikat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, atau adakah ini syarikat UMNO? Siapa—kita mahu tahu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sebab apa Yang Berhormat bangun?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: 36 (6)—Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain. Saya rasa Yang Berhormat Ketua Pembangkang sudah terlanjur dengan membuat sangkaan jahat.

Tuan Yang di-Pertua: Dia akan bertanggungjawab apa yang dikatakan.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Inilah mustahak. Kita mahu tahu siapa sebenarnya pemegang saham-saham di Hatibudi. Kenapa tidak berani dikeluarkan. Saya kata kalau kita tidak tahu siapa Hatibudi kontrak ini kepada UEM tidak patut diteruskan—batalkan kontrak ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahulah oleh kerana hubungan unik Hatibudi dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri barulah ada kontrak UEM ini. Yang Berhormat Menteri dan MIC pun ada dapat gula-gula sedikit. Dalam soal-jawab dalam bulan Mac, Yang Berhormat Menteri tidak menafikan bahawa Hatibudi ada membeli berjuta-juta ringgit tiket lottery yang ada bersangkutan paut dengan MIC yang masa itu.

Dato' S. Samy Vellu: Saya minta peluang untuk menjawab. Yang Berhormat boleh tengoklah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jika hendak minta penjelasan, minta jalan dahulu.

Dato' S. Samy Vellu: Minta jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Okay.

Dato' S. Samy Vellu: Saya tidak memberi apa-apa kesan berkenaan dengan Hatibudi ada membeli tiket ataupun tidak apabila saya menjawab kepada Yang Berhormat Chian Heng Kai dari Bukit Mertajam.

Tuan Yang di-Pertua: Daripada kawasan.

Dato' S. Samy Vellu: Apabila saya menjawab kepada soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Daripada kawasan.

Dato' S. Samy Vellu: Kawasan Bukit Mertajam. Dalam jawapan itu saya tidak ada menyebutkan Hatibudi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, UEM tidak ada track record, dengan izin, dalam pembinaan jalanraya apabila dibandingkan dengan Pilecon atau Hashbuddin yang ada track record. UEM ada apa track record? Jatuh rumah ada—Northern Court di Pulau Pinang, itu adalah track record. Dan dalam tender-tender Pilecon dan Hashbuddin

harganya lebih murah daripada UEM, dan Pilecon sahaja dalam satu tawaran meminta standby credit daripada Kerajaan kurang daripada \$500 juta. Tetapi UEM mahu \$1,650 juta, sebenarnya bukan pinjaman—grant kalau kita baca syarat itu, sebenarnya grant. Hashbuddin tidak meminta Kerajaan satu sen pun—bukan, dia cari.

Kenapa dengan syarat harga lebih murah dengan financing di mana beban Kerajaan lebih kurang dan lagi toll rate, kadar tol yang ditenderkan oleh Pilecon oleh Hashbuddin lebih rendah daripada UEM untuk kepentingan pengguna-pengguna. Dalam tiga-tiga perkara tawaran lebih baik- daripada UEM—kenapa? Adakah oleh kerana Hatibudi? Hatibudi sahaja, UMNO sahaja, dan saya harap satu penjelasan yang baik boleh diberi kenapa Kerajaan menerima kontrak UEM itu di mana \$400 juta lebih mahal daripada tender Hashbuddin. Patutlah diadakah satu siasatan yang terbuka, sebenarnya satu Jawatankuasa Parlimen patut ditubuh untuk menyiasat oleh kerana ini stinks, dengan izin, stinks to the skies, Tuan Yang di-Pertua, dan akan menjadi skandal yang lebih besar daripada skandal BMF. Saya harap bahawa ini tidak akan menjadi international scandal, lagi nama Malaysia dalam dunia bukan apa yang masyhur, tetapi oleh kerana kotor.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kontrak tentulah saya percaya akan menentukan penggunaan dengan maksimum barangan-barangan, tenaga-tenaga tempatan, tetapi selalunya syarat-syarat seperti itu tidak diikuti.

Yang Berhormat Menteri sendiri pada 24hb Mac, 1986 menandatangani satu kontrak Antah Biwater, \$1.4 billion untuk rancangan-rancangan bekalan air luar bandar dan pun ada syarat dalam 36(4)(a) bahawa menggunakan tenaga tempatan. Apa

yang berlaku sekarang? Dalam KL Office Antah Biwater 24% British expatriates. Ada jurutera-jurutera tempatan yang boleh diguna—tidak, British.

Ada seorang yang mendapat ACMA dengan dua tahun pengalaman digajikan dengan \$5,000. Apabila orang tempatan begitu banyak akauntan kenapa tidak beri jawatan kepada mereka. Dan kalau saya tak silap lagi, saya faham bahawa sudah 19 permohonan untuk work permit untuk British expatriates ada dibuat lagi 12 permohonan akan dibuat. Sekarang sudah ada 12 orang di dalam dan tak lama lagi, 20 permohonan akan dibuat.

Tadi Yang Berhormat Menteri kata tak benar orang-orang tempatan diketepikan. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh siasat, beribu-ribu orang dalam jurusan akauntan, jurutera-jurutera yang mencari kerja. Patutlah Yang Berhormat Menteri yang tandatangani kontrak itu menentukan bahawa Antah Biwater tidak dibenarkan untuk membawa masuk British expatriate, tetapi mahu menggunakan rakyat Malaysia—jurutera, akauntan dan semua lapisan. Dalam kontrak itu kata apabila tidak seseorang Malaysia yang ada layak, baru boleh masuk orang daripada Britain. Kenapa tidak diikuti? (*Tepuk*). Dan. . . .

Dato' S. Samy Vellu: Boleh saya beri penjelasan?

Tuan Yang di-Pertua: Minta jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Antah Biwater dan juga seperti apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tadi, jumlah jurutera-jurutera akan digunakan ialah lebih daripada 350. Untuk menjalankan siasatan permulaan iaitu seperti kita

janji dengan Kerajaan British lebih kurang 30 atau 40 orang jurutera datang ke negara kita untuk merancang permulaan kerja. Selepas permulaan kerja kita memilih semua jurutera-jurutera daripada tanahair kita. Ini kita belum masak nasi lagi, Yang Berhormat tanya mana nasi—susah! Saya mesti jawab kepada Yang Berhormat. Soalan-soalan yang ditimbul oleh Yang Berhormat ini munasabah sebab belum dapat keterangan daripada Kementerian. Kalau ada juga Yang Berhormat membangkit soalan-soalan seperti itu, saya boleh beri jawapan kepada tiap-tiap secara detail, mengapa, bila, siapa. Sebahagian daripada pegawai-pegawai itu sementara sahaja, tiga minggu, empat minggu lagi dia balik. Itulah permit-permit yang mereka dapat sekarang. Tetapi sudah sampai masa untuk menjalankan kontrak, pada masa itu saya dengan tegas, saya menentukan kontrak janji itu diikuti. Saya berjanji kepada Yang Berhormat pada masa akan datang jikalau kita tidak ikut janjian itu, soallah, saya boleh jawab.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Tetapi saya haraplah boleh menelitikan keadaan ini mengenai syarat-syarat penggunaan orang-orang tempatan.

Akhirnya, inilah satu masalah yang besar, Lebuhraya Utara/Selatan dan kalau saya tak silap Yang Berhormat Menteri menunggu mahu tandatangani kontrak itu lagi tak berapa hari. Saya harap semua itu dibekukan sehingga rakyat dan Parlimen tahu sebenarnya semua soalan yang timbul, khasnya siapa Hatibudi dan kenapa lain-lain tawaran lebih murah dan lain-lain ada ditolak, oleh kerana kalau tidak, kita akan bertanggungjawab untuk meng-gadaikan generasi-generasi akan datang. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

4.25 ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan pindaan kepada Akta Jalan-jalan Persekutuan yang dicadangkan oleh Menteri Kerja Raya.

Ketika membenteng pindaan ini, Menteri Kerja Raya telah menghuraikan sebab-sebab Akta perlu dipindahkan. Saya terima dan sokong penjelasannya. Dasar menswastakan jalan, termasuk jambatan dan feri, akan mendorong kemajuan ekonomi kita sekiranya Kerajaan berjaga dan menahan pihak swasta daripada salahgunakan kuasa tolnya.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dengan hormatnya mengingatkan Menteri Kerja Raya bahawa skop Akta ini terhadapnya, terhad kepada jalan, termasuk jambatan dan feri, yang dikuasai oleh Kerajaan Persekutuan sahaja. Jalan negeri, iaitu jalan-jalan, termasuk jambatan dan feri, yang dikuasai oleh Kerajaan-kerajaan Negeri tidak layak diswastakan di bawah Akta Jalan-jalan Persekutuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kerja Raya yang diadakan hari ini merupakan seorang yang dinamik dan berinisiatif. Saya ingin mencadang bahawa beliau ambil inisiatif berunding dengan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri dan kemudian mengesyorkan kepada Jemaah Menteri bahawa Kerajaan Persekutuan ambillah semua jalan yang berada di negara kita, baik pun jalan negeri mahupun jalan daerah. Dengan perkataan lain, federalise all Government roads, dengan izin, federasikan semua jalan-jalan Kerajaan.

Kenapa semua jalan di tanahair kita, dari Perlis ke Sabah, patut diambilalih oleh Kerajaan Persekutuan dan ditadbirkan secara langsung oleh Kementerian Kerjaya?

Pertama, semua cukai jalan dan cukai petrol dibayar oleh pemilik dan pengguna motosikal, kereta, teksi, bas, lori dan kenderaan jalan lain kepada Kerajaan Persekutuan. Mereka membayar cukai-cukai ini atas kegunaan jalan Kerajaan oleh kenderaan mereka. Oleh yang demikian, Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab kepada semua jalan Kerajaan di seluruh negara kita.

Kedua, road grant atau geran jalan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri tiap-tiap tahun hanya cukup untuk penyenggaraan jalan, tidak termasuk pembiayaan pembinaan jalan baru, pembinaan semula jalan lama atau peringkatan jalan yang berada sekarang. Oleh yang demikian, kecuali di negeri yang kaya dengan royalti minyak, susah sekali mendapat peruntukan untuk membesarkan jalan negeri yang berada atau membina jalan negeri yang baru.

Ketiga, kalau penswastan jalan tidak dikordinasikan dan dikawal oleh satu agensi berpusat di negara kita, satu situasi kalam-kabut mungkin wujud. Kerajaan-kerajaan Negeri pun boleh membuat undang-undang baru dan menswastakan jalan, termasuk jambatan dan feri, yang berada di bawah kuasanya. Mungkin suatu hari nanti kalau keadaan tidak dikawal, plaza-plaza tol Lim Chong Eu, Ramli Ngah, Mohammad bin Mohammad Taib, Khalil Yaakub, Isa Mohammad, Muhyiddin Yassin, Taib Mahmud, Joseph Pairin dan lain-lain akan lawan dengan Plaza-plaza Tol Samy Yellu.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyeru kepada Menteri Kerjaya supaya mengkaji dengan teliti cadangan memfederasikan semula jalan Persekutuan.

Kami Wakil-wakil Rakyat, terutama sekali Wakil-wakil Rakyat daripada kawasan-kawasan luar bandar, akan banyak terhutang budi kepada Kerajaan Persekutuan sekiranya semua jalan Kerajaan diambilalih.

Setakat ini, kepala kami pening. Tak tahu macam mana boleh mengatasi masalah jalan Negeri. Pengguna-pengguna jalan di kawasan-kawasan kami mengadu. Mereka mengatakan mereka bayar cukai jalan dan cukai petrol kepada Kerajaan dan mereka berhak meminta Kerajaan menggunakan cukai-cukai ini untuk membina satu sistem jalan yang mencukupi. Kami bangkitkan perkara ini di mesyuarat tindakan daerah. Jawapan pihak berkuasa Negeri, "Kami bersimpati, tetapi duti tak ada. Kerajaan Persekutuan memberi geran jalan hanya untuk menyenggarakan jalan, tidak termasuk pembinaan jalan baru atau kenaikan taraf jalan yang ada".

Kalau semua jalan Kerajaan difederasikan, semua peruntukan yang dipohon oleh pihak manapun boleh ditimbangan dan diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan. Sekitarnya cukai-cukai jalan dan petrol dikutip oleh Kerajaan Persekutuan tidak mencukupi, Kerajaan Persekutuan boleh pada saat itu menswastakan jalan-jalan yang tertentu di bawah Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian), 1984 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

4.33 *ptg.*

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pindaan), 1987 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan.

Sepertimana yang telah diterangkan di dalam tujuan Rang Undang-undang ini ialah seperti berikut:

"Akta itu memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri untuk memberi kuasa kepada mana-mana orang yang telah bersetuju membina, membina semula, meningkat, membaiki atau menyenggara mana-mana jalan, jambatan atau feri yang telah atau akan diisytiharkan sebagai jalan, jambatan atau feri Persekutuan di bawah Ordinan Jalan-jalan Persekutuan 1959 untuk meminta, mengutip dan menyimpan tol bagi penggunaan jalan, jambatan atau feri itu.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa Rang Undang-undang ini apabila diluluskan oleh Dewan yang mulia ini mempunyai implikasi yang sangat luas dan juga implikasi yang sangat serius dan saya sebagai wakil Pembangkang dan juga sebagai salah seorang Wakil Rakyat, ingin juga mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan beberapa pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini.

Apabila saya membahaskan Rang Undang-undang ini, saya suka mengingatkan Kerajaan, terutamanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengenai kebimbangan para pengguna bahawa mereka akan menerima kesan daripada kutipan bayaran tol yang tidak adil yang mana sekarang Dewan Parlimen ini diminta

supaya memberikan kelulusan kepada Rang Undang-undang ini dengan tujuan:

"Akta itu memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri untuk memberi kuasa kepada suatu syarikat swasta yang telah bersetuju membina, membina semula, meningkat, membaiki atau menyenggara mana-mana jalan, jambatan atau feri untuk meminta, mengutip dan menyimpan tol bagi penggunaan jalan, jambatan atau feri itu.

Tuan Yang di-Pertua, kebimbangan-kebimbangan para pengguna bukanlah tidak berasas, memandangkan motif keuntungan oleh mana-mana syarikat yang menjalankan pembinaan jalan-jalan Persekutuan atau jambatan dan selepas itu meminta memungut dan menyimpan tol bagi penggunaan jalan-jalan dan jambatan-jambatan tersebut.

Kementerian yang berkenaan mestilah mengambil segala langkah untuk memastikan bahawa kadar tol yang dikenakan oleh syarikat swasta berkenaan tidak sahaja adil kepada para pengguna tetapi mereka perlulah juga diajak berunding dan pandangan-pandangan mereka diambil pertimbangan sebelum Kementerian meluluskan mana-mana permintaan untuk mengenakan kadar tol oleh syarikat-syarikat persendirian yang berkenaan.

Dalam hubungan ini saya suka mencadangkan bahawa Kementerian yang berkenaan hendaklah menubuhkan sebuah Majlis Perunding dalam Kementeriannya yang mana persatuan-persatuan pengguna akan diwakili supaya pandangan-pandangan pengguna jalan raya, jambatan dan feri akan disalurkan kepada pihak yang berkuasa yang berkenaan untuk pertimbangan mereka. Menteri berkenaan mestilah mendengar Majlis

Perunding itu sebelum membuat apa-apa keputusan ke atas apa-apa perkara yang berkaitan dengan, jalan dan jambatan, termasuklah persoalan kadar tol.

Di sini saya suka merujuk kepada perlantikan United Engineers untuk pembinaan 500 km. Lebuhraya Utara-Selatan serta kutipan tol selepas itu.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Yang Berhormat Menteri berkenaan, syarikat berkenaan telah meminta kadar tol ditetapkan sebanyak 7.5 sen sekilometer di samping kenaikan 10% setahun untuk tempoh selama 13 tahun.

Kadar ini memang tidak adil kepada para pengguna dan permintaan seumpama ini tidak seharusnya diberikan oleh Kementerian berkenaan dan tadi Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah pun bercakap panjang lebar mengenai beberapa aspek yang ada kepentingan orang ramai yang pada angapan saya haruslah diberikan perhatian yang serius oleh Menteri berkenaan supaya orang ramai diberikan satu gambaran yang jelas dan teliti mengenai bagaimana syarikat United Engineers itu telah diberi kontrak untuk membina baki lebih kurang 500 km. Lebuhraya Utara-Selatan.

Atas perkara United Engineers itu, saya juga suka mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan sedikit pandangan saya dan saya berharap supaya Yang Berhormat Menteri berkenaan boleh memberikan penjelasan.

Syarikat United Engineers yang ditawarkan kontrak menerima beberapa faedah yang saya boleh sifatkan di sini akan membebaskan pula kepada pihak Kerajaan. Syarikat tersebut menerima faedah bahawa jika terdapat kerugian ataupun timbul sesuatu risiko, maka ianya akan ditanggung oleh pihak Kerajaan, sedangkan syarikat-syarikat sebelum

mi tidak pun menerima faedah sedemikian. Ini disebabkan dasar penswastaan Kerajaan ialah bermaksud untuk memindahkan sebahagian beban dan tanggungan Kerajaan kepada syarikat-syarikat swasta yang menerima kontrak.

Mengenai perkara pemberian kontrak kepada Syarikat United Engineers ini, saya merasa musykil mengapa Unit Perancang Ekonomi yang diberikan tugas untuk menyelaraskan semua projek penswastaan Kerajaan tidak dilibatkan dalam proses penswastaan yang diberikan kepada United Engineers. Saya harap bahawa nanti Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan perkara ini. Tindakan ini seolah-olah mengeneipkan Unit Perancang Ekonomi yang ditubuhkan oleh Kerajaan sendiri. Tambahan pula tidak ada jaminan atau "bond" yang dikenakan ke atas United Engineers dan juga tidak ada "equity" Kerajaan dalam perjanjian penswastaan ini, walhal Kerajaan telah menyerahkan harga yang bernilai lebih kurang \$2 billion.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara menetapkan kadar tol untuk penggunaan Lebuhraya Utara-Selatan, para pengguna sepertimana yang saya tadi telah menyatakan mestilah dirunding dan satu kadar yang adil, mestilah ditentukan. Syarikat swasta berkenaan tidak seharusnya dibenarkan menaikkan kadar untuk sekurang-kurangnya tempoh selama 5 tahun dan apa-apa permintaan untuk kenaikan selepas itu mestilah dibawa ke majlis perundingan untuk perbincangan yang penuh bagi memastikan adakah ianya peratus kenaikan yang adil atau tidak. Persoalan kutipan tol sehingga hari ini masih menjadi satu perkara yang boleh dikatakan amat kontroversi, apatah lagi sekarang diberikan kepada sebuah syarikat swasta untuk memikul tanggungjawabnya.

Parti DAP selama ini berpandangan bahawa kutipan tol untuk penggunaan jalan-jalan hanya sering menjadi satu beban kepada para pengguna dan orang ramai yang sekarang sudah dibebankan dengan berbagai jenis cukai. Adalah menjadi pandangan pihak kami bahawa adalah tidak adil bagi para pengguna memikul bayaran tol, kerana mereka pada masa sekarang telah pun terikat dengan cukai jalan untuk menggunakan kenderaan mereka. Sebenarnya cukai jalan yang pengguna-pengguna membayarnya hendaklah digunakan bagi membaiki jalan-jalan termasuk lebuhraya kita dan jalan-jalan Persekutuan dan tidaklah begitu perlu bayaran tol ini dikutip.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Rang Undang-undang yang sedang dibincangkan, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri berkenaan tentang kekurangan kemudahan di sepanjang lebuhraya kita.

Saya suka mencadangkan bahawa jika mana-mana syarikat swasta diberikan hak mengutip tol, maka mestilah dipastikan bahawa lebih banyak kemudahan untuk para pengguna-pengguna disediakan di sepanjang lebuhraya kita—restoran mini, stesen minyak petrol, kedai atau gerai membeli-belah yang kecil, pusat rehat di samping kemudahan bilik air mestilah disediakan secukupnya. Ini adalah kemudahan yang perlu, yang mana kita boleh menyaksikan di lebu-lebuhraya seluruh dunia.

Untuk mengelakkan kesesakan di plaza tol, maka saya juga berpendapat bahawa syarikat yang berkenaan mestilah juga memastikan bahawa terdapat pemungutan tol yang mencukupi dengan tujuan untuk mengatasi kesesakan di semua plaza tol. Tujuan untuk memperbaiki lebuhraya ialah bagi mengatasi

kesesakan dan kita tidak hendak melihat kesesakan lalulintas lagi di plaza tol.

Yang akhirnya, izinkan saya menyentuh sedikit mengenai masalah Lebuhraya Karak yang mana saya ingin membangkitkan perkara kerja membaiki jalan raya yang dilakukan di Lebuhraya Karak yang dilangsungkan pada masa sekarang. Menggunakan Lebuhraya Karak pada masa sekarang adalah satu hal yang menyiksakan atau satu perkara yang menyulitkan orang ramai, kerana kerja-kerja membaiki jalan yang dijalankan di situ sudah berbulan-bulan lamanya dan plaza tol masih mengutip dari para pengguna. Cara-cara yang mana kerja-kerja membaiki jalan dikendalikan di Lebuhraya Karak sangat membahaya para pengguna kerana terdapat isyarat lalulintas yang mengelirukan dan garisan-garisan di jalan raya yang kabur, yang menunjukkan perancangan yang lemah dan akibatnya orang ramai merasa tidak selesa dan membahayakan nyawa orang ramai yang menggunakan Lebuhraya Karak itu.

Saya menggesa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya melawat sendiri Lebuhraya Karak yang sekarang sedang diperbaiki jika beliau masih belum melawatnya untuk melihat sendiri bahaya-bahaya yang ada disebabkan kerja-kerja membaiki jalan dan seterusnya mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk memperbaiki keadaan di situ.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bagan.

4.48 *ptg.*

Tuan Teoh Teik Huat (Bagan); Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Perseendirian) 1984.

Tuan Yang di-Pertua, pengenaan kadar tol di sepanjang lebuh-lebuhraya dan jambatan-jambatan secara berleluasa adalah tidak berpatutan oleh kerana ini lebih bermakna mengenakan cukai yang berganda-ganda dengan izin, multiple taxation on vehicle owners, ke atas orang ramai yang menggunakan lebuh-lebuhraya dan jambatan ini. Orang ramai sekarang ini telah dikenakan membayar cukai jalan bagi kenderaan-kenderaan mereka dan Kerajaan Tempatan pula menggaris petak-petak tempat meletak kereta di segenap jalan dan mengenakan bayaran letak kereta yang tinggi, dan sekarang pula Lembaga Lebuhraya mengenakan tol di sepanjang lebuhraya dan jambatan. Ini bermakna orang ramai dikenakan cukai sebanyak tiga kali ganda ke atas kenderaan-kenderaan mereka dan ini adalah sungguh tidak adil.

Tuan Yang di-Pertua, mengapakah orang ramai dipaksa membayar cukai yang begitu berganda bagi pentadbiran Kerajaan yang tidak jujur, yang membazir wang berbillion-billion ringgit dalam Skandal BMF, MAMINCO, MAKUWASA dan lain-lain skandal, Dengan wang-wang yang dilelepkan ini Kerajaan berupaya untuk membina beratus-ratus kilometer jalan-jalan dan membina "beberapa jambatan setanding dengan Jambatan Pulau Pinang tanpa mengenakan sebarang tol kepada orang ramai yang menggunakannya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyoal mengapa rakyat jelata terpaksa menanggung beban akibat dari ketidakbersih, ketidakcekap dan tidak amanah pihak Kerajaan. Ini tidak patut dan tidak adil dibebankan atau dipikul oleh rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, semalam rakan saya Ahli dari Bukit Mertajam membangkitkan perkara to! Jambatan Pulau Pinang semasa membahaskan Rang Undang-undang ini dan saya

ingin menambah sedikit berkenaan perkara ini. Untuk maklumat Dewan ini saya telah mengemukakan satu soalan di Dewan yang mulia ini pada 30hb Jun bertanya mengapa tol Jambatan Pulau Pinang tidak dikurangkan seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya pada bulan Mac tahun ini di akhbar-akhbar tempatan? Jawapan yang diterima oleh saya dari Menteri Kerja Raya ialah bahawa tol Jambatan Pulau Pinang tidak akan dikurangkan oleh kerana selepas satu kajian dijalankan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia adalah didapati bahawa ini akan mengurangkan hasil pendapatan Lembaga ini. Jika Yang Berhormat Menteri Kerjaya tidak boleh menunaikan janji yang dibuat secara umum ini, saya ingin memberitahu Yang Berhormat Menteri Kerja Raya janganlah bercakap besar. Beliau sepatut.

Dato' S. Samy Vellu: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Pengumuman-pengumuman daripada Menteri Kerja Raya bukan untuk cakap besar. seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Saya sudah menerangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga di dalam akhbar iaitu kita akan menurunkan kadar tol di Jambatan Pulau Pinang ini selepas saya akan mengadakan perbincangan di antara Menteri Pengangkutan, sebab-sebabnya kita mesti mendapat tahu adakah satu kadar yang purata di antara feri dengan jambatan, sebab itu sahaja sedikit lewat, tetapi bukan berertinya kita tidak boleh mengurangkan. Saya mesti mengumumkan satu tarikh, tetapi tarikh itu boleh ditetapkan. Ini untuk makluman Ahli Yang Berhormat.

Tuan Teoh Teik Huat: Beliau, Menteri Kerja Raya sepatut tutup mulut besarnya dan membuat pengumuman selepas kajian dibuat dan bukan sebelumnya, selepas kajian dibuat oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Dato' S. Samy Vellu: Penjelasan. Jawapan saya ialah terus-terang daripada hati saya kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat ada tulis ucapan. Yang Berhormat mahu ikut dengan ucapannya, iaitu selepas saya sudah beri penjelasan, itu tidak munasabah, saya percaya.

Tuan Teoh Teik Huat: Pengumuman mesti dibuat selepas kajian oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia dan bukan sebelumnya. Itu yang saya sebut.

Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan yang diterima, Menteri Kerja Raya dan Kerajaan Persekutuan lebih mementingkan kutipan tol untuk memperolehi pendapatan bagi pembayaran kos pembinaan dan penyelenggaraan Jambatan Pulau Pinang dari tujuan memberi perkhidmatan kepada orang ramai yang sepatutnya dilakukan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, objektif utama tidak boleh dan seharusnya bukanlah bagi mengutip kadar tol yang tinggi bagi membayar pinjaman wang bagi membina Jambatan Pulau Pinang ini. Kerajaan janganlah lupa bahawa objektif utamanya dalam pembinaan Jambatan Pulau Pinang adalah dalam tiga segi:

- (1) untuk kemajuan ekonomi kedua bahagian negeri Pulau Pinang, iaitu Pulau dan Tanah Besar dan Wilayah Utara Malaysia;
- (2) untuk menyambung bahagian Pulau negeri Pulau Pinang dan bahagian Tanah Besar untuk menjalin hubungan rapat di antara rakyat kedua-dua bahagian ini; dan
- (3) untuk menarik pelawat-pelawat dan pelancong-pelancong ke Pulau Pinang.

Tol tinggi yang dikenakan telah mengakibatkan meningkatnya kos pengangkutan dan menyekat akan penurunan kos pengeluaran barang-barang. Ini adalah satu sebab mengapa pengeluaran-pengeluaran kita tidak setanding dan akibatnya melumpuhkan pemulihan pendapatan negara ini. Dengan mengenakan tol yang tinggi untuk mendapat balik kos secepat mungkin, ianya telah menggagalkan objektif yang lebih besar seperti yang saya sebut tadi. Objektif yang lebih besar ini hendaklah diambilkira dengan seriusnya dan oleh yang demikian, kadar tol hendaklah dikurangkan ke paras yang lebih berpatutan supaya keadaan ekonomi dapat dipulihkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum Jambatan disiapkan, rakyat di Malaysia, khususnya rakyat negeri Pulau Pinang mempunyai harapan yang tinggi untuk mendapat manfaat dari segi ekonomi, tetapi dengan mengenakan tol yang tinggi, harapan mereka telah hancur disebabkan tol yang tinggi ini dan kemudian pula pada bulan Mac tahun ini apabila Yang Berhormat Menteri Kerja Raya mengumumkan bahawa kadar tol akan dikurangkan, harapan rakyat telah memuncak kembali, tetapi malangnya ini sekali lagi dikecewakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat Menteri Kerja Raya jangan cakap besar lagi seperti menyatakan bahawa beliau akan terbang dengan helikopter ke Pulau Pinang untuk membuat pengumuman untuk menurunkan kadar tol Jambatan Pulau Pinang jika beliau tidak boleh mengagungkan pengumuman beliau. Fikirlah baik-baik dahulu sebelum mengeluarkan kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya ingin memberi satu nasihat kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, iaitu lain kali.

Dato' S. Samy Vellu: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan.

Tuan Teoh Teik Huat: Saya habiskan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Dia beri nasihat dahulu. Sila dengar nasihat dia dahulu. (*Ketawa*)

Tuan Teoh Teik Huat: Dengan ini saya ingin memberi satu nasihat kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, iaitu lain kali, dengan izin, Tuan Speaker, "don't put your mouth in the motion before your brain is in gear". (*Ketawa*)

Dato' S. Samy Vellu: Boleh saya jelaskan kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya percaya dia tidak erti apa saya kata tadi. Keputusan untuk menurunkan kadar tol di Jambatan Pulau Pinang itu bukanlah daripada Menteri Kerja Raya. Jemaah Menteri telah mengambil keputusan untuk menurunkan tol, selepas itu saya mengumumkan Jemaah Menteri telah mengambil keputusan, selepas itu Menteri Pengangkutan minta jikalau boleh kita tunggu sedikit masa lagi sebab mereka suka mengadakan satu lagi siasatan atas macam manakah "economic viability" atas feri, baru kita boleh umum. Itu sahaja. Sebab itu, ini bukan berertinya mulut di sanakah, mulut di sinikah, ini tidak. Saya tidak biasa macam mulut di sana (*Ketawa*). Apa saya kata, mesti jadi.

Tuan Teoh Teik Huat: Apa saya kata, mesti jadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah duduk, sudahlah.

Tuan Mohamad bin Abdullah (Maran): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sila. Yang Berhormat bangun tadi?

Tuan Mohamad bin Abdullah: Hendak bercakap, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

4.48 ptg.

Tuan Mohamad bin Abdullah (Maran): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk membahaskan bersama-sama Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984.

Sebagaimana kita ketahui sebenarnya Akta ini bukan sahaja akan memberikan penswastaaan kepada tol-tol, bahkan juga untuk membina, meningkat, membaiki atau menyelenggara mana-mana jalan. Dalam hal ini, apabila kita melakukan penswastaaan, sudah barang tentu pihak penswastaaan akan mengambil pekerja-pekerja mereka sendiri. Sebenarnya Jabatan Kerjaraya ataupun Kerajaan sendiri telah ramai kakitangan-kakitangan tertentu dalam bahagian-bahagian, perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Walaupun pada permulaannya mungkin pihak syarikat akan menyerap pekerja-pekerja ini kepada syarikat mereka, tetapi apabila mereka ini telah meningkat umur ataupun pencen, sudah tentu syarikat-syarikat ini akan mengambil pekerja-pekerja mereka secara mereka sendiri.

Apa yang ingin saya menyentuh di sini ialah supaya syarikat-syarikat ini mestilah mengambil pekerja-pekerja mereka, janganlah sewenang-wenangnyanya, mereka mestilah mengikut kehendak-kehendak dasar ekonomi supaya polarisasi kaum tidak berlaku. Kalau sekiranya Kerajaan tidak mengambil perhatian sudah barang tentu perkara ini akan berlaku. Inilah perkara-perkara yang perlu pihak Kerajaan mengambil tindakan bersama.

Perkara kedua ialah, apabila kita menswastakan pembinaan jalan, kadangkala kita terlalu ghairah untuk memberi syarikat-syarikat itu

membuat kerja ataupun syarikat itu adalah daripada syarikat negeri kita, tanpa mengkaji cara mendalam dari segi kebolehan mereka itu membuat jalan-jalan itu dengan sempurna. Contohnya telah berlaku di antara jalan Mentakab ke Temerloh yang mana pekerja yang membuat itu ialah pekerja-pekerja dari negeri kita sendiri. Apa yang telah berlaku ialah tidak lama sahaja jalan itu digunakan, kita terpaksa membaiki semula jalan itu. Bukan sahaja membaiki sebahagian, bahkan keseluruhan jalan tersebut sehinggakan jalan itu ditutup langsung. tidak boleh digunakan sekarang. Pengguna-pengguna terpaksa menggunakan jalan lama, terpaksa berjalan semula melalui bandar Temerloh dan Mentakab sekiranya hendak pergi ke Kuala Lumpur. Ini bukanlah dikatakan membaiki, boleh dikatakan membina semula jalan tersebut.

Kita tidak tahu mengapa sebabnya perkara ini berlaku sedangkan kita telah menggunakan kewangan yang begitu banyak. Memang sepatutnya benarlah pihak Kerajaan memastikan betul-betul supaya mana-mana syarikat, yang membina jalan itu hendaklah membina dengan cara yang betul-betul supaya jalan itu boleh digunakan mengikut jangka masa yang ditentukan.

Seperkara lagi ialah, apabila kita menyebut lebuhraya yang mana sekarang ini kita telah mengadakan lebuhraya di antara Utara/Selatan iaitu dari Utara hinggalah ke Johor Bahru, saya ingin mendapat tahu di sini, adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu lagi lebuhraya iaitu di antara Kota Bharu ke Johor Bahru iaitu lebuhraya di sebelah timur Malaysia Barat. Ini juga perlu dipertimbangkan bersama kerana jalan-jalan sebelah sana juga cmanglah mutunya tidak begitu memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Kerajaan memberikan peruntukan untuk membaiki jalan-jalan, kadangkala Kerajaan tidak memerhatikan dengan sebenar-benarnya keadaan kerosakan jalan yang terlibat, kerana di Malaysia ini sahaja walaupun kita mempunyai satu negara tetapi keadaan ilmu alamnya agak berbeza. Kalau sekiranya negeri di sebelah timur Malaysia Barat, hujan dan juga banjir memang selalu berlaku lebih kerap daripada sebelah barat. Kalau kita lihat sendiri sukatan hujan tahunan, pada keseluruhannya bagi negeri-negeri di sebelah timur, misalnya Pahang, Kelantan dan Terengganu pada tahun 1985-1986 di antara 125 inci hingga 130 inci setahun. Negeri-negeri di sebelah barat hanyalah di antara 100 inci hingga 105 inci setahun. Ini dengan jelas menunjukkan bahawa negeri-negeri di sebelah timur menerima hujan yang begitu banyak daripada negara-negara lain. Sudah barang tentulah keadaan ini akan lebih merosakkan kepada jalan-jalan berkenaan. Maka Kerajaan perlulah mengambil perhatian kalau sekiranya memberi peruntukan bagi memperbaiki jalan-jalan tersebut, perkara-perkara ini perlulah diambil pertimbangan yang sewajarnya.

Saya rasa itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

5.05ptg.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib (Sabak Bernam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pindaan) 1987 seperti juga rakan-rakan yang lain.

Akta ini adalah memberi peluang yang baik kepada mereka yang berminat dalam melaksanakan dasar Kerajaan bagi menjalan atau melaksanakan dasar penswastaaan lebih berkesan lagi. Di bawah peraturan ini, Menteri yang berkenaan adalah diberi mandat atau diberi kuasa bagi melantik ataupun memberi peluang-peluang kerja serta memberikan tender-tender dan sebagainya kepada syarikat-syarikat yang tertentu, terpuang kepada budibicara Menteri yang berkenaan. Jelaslah ini merupakan satu kepercayaan Dewan ini atau Parlimen kepada Menteri Kerjaraya. Oleh itu adalah diharapkan, seperti dengan pindaan-pindaan Akta-akta yang lain yang telah dibentangkan di Dewan sebelum ini ataupun selepas ini Kementerian yang berkenaan seharusnya mengambil perhatian perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli yang telah bercakap sebelum ini.

Satu perkara yang saya ingin jelaskan di sini bahawa soal pemberian Tender tersebut hendaklah tidak tertumpu kepada syarikat-syarikat yang telah diberikan peluang-peluang pekerjaan ataupun diberi tender-tender yang besar tetapi diberikan pula kepada syarikat-syarikat yang lain dan juga faktor pemberian hendaklah diambil kira dari segi tender-tender yang munasabah, yang murah, yang efficient, dengan izin, dan juga kepada mereka yang boleh dipercayai.

Dasar penswastaaan dengan tujuan memberikan perkhidmatan yang baik kepada masyarakat, kepada pengguna-pengguna jalan raya adalah sangat-sangat diharapkan. Oleh itu walaupun Akta ini baru dibentangkan pada petang ini dan semalam, tetapi sebelum ini telah ada jalan-jalan yang telah diswastakan, mungkin juga ianya termasuk di dalam Akta Penswastaaan. Sebagai contohnya ialah jalan Shahpadu di Kelang Utara.

Mengenai jalan ini, saya suka menyebut di Dewan ini, walaupun ianya didirikan dengan tujuan memberi kemudahan lalulintas bagi mengatasi kesesakan yang berlaku di antara Port Kelang ke Kuala Lumpur, khususnya bagi kenderaan-kenderaan berat seperti lori dan sebagainya nyatalah bahawa syarikat yang mengendalatkan jalan ini walaupun pada peringkat mulanya telah mengadakan kemudahan laluan yang baik dengan mengadakan dua lorong masuk dan dua lorong keluar bagi semua kenderaan. Tetapi ternyata pada hari ini lorong itu hanya telah digunakan satu sahaja dan yang satu lagi telah ditutup, kadang kala sahaja diberi laluan. Apakah ini telah menepati matlamat di mana dasar penswastaaan ini, di mana Menteri yang berkenaan diberi tanggungjawab memberikan kepada syarikat-syarikat tersebut bagi tujuan memudahkan laluan kepada pengguna-pengguna jalan raya telah tidak mencapai matlamat? Sepatutnya perkara ini tidak timbul, dan saya berharap kiranya jalan-jalan yang akan diserahkan kepada mana-mana pihak nanti, Menteri yang berkenaan hendaklah memberi perhatian dalam masalah yang saya bangkitkan ini.

Menurut peraturan dan pindaan ini juga mengenai pembinaan jalan, penyelenggaraan mana-mana jalan dan jambatan, saya berharap bahawa Kementerian yang berkenaan dapat mengadakan lebih banyak lagi jalan-jalan Persekutuan khususnya di luar-luar bandar walaupun sebelum ini ada cadangan bagi menaikkan semua jalan kepada jalan Persekutuan yang telah disuarakan oleh Wakil dari Nibong Tebal tadi, sungguhpun saya fikir ini mungkinlah satu perkara yang berat bagi Kementerian untuk menaikkan semua taraf jalan-jalan tersebut. Tetapi kalau boleh dilaksanakan, saya sangat-sangat mengalu-alukannya. Oleh itu saya suka menyentuh satu dua jalan yang perlu dinaikkan taraf

ke jalan Persekutuan yang mana pada masa ini boleh dianggap jalan yang penting dan selalu menghadapi kesesakan dan kesibukan iaitu khususnya bagi jalan Kepong ke Kuala Selangor, jalan Kuala Selangor ke Sabak Bernam dan jalan Sabak Bernam ke Teluk Intan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana setelah terbukanya Jambatan Kuala Selangor bagi menyambung Daerah Sabak Bernam dengan Kuala Selangor seterusnya ke Klang dan juga jambatan baru di Sabak Bernam yang telah siap dibina beberapa tahun yang lalu—walaupun perasmianya belum dan nama jambatan pun tidak ada, entah bila nama ini akan diberi oleh Menteri yang berkenaan, tetapi oleh kerana jalan itu penting dan pada masa ini jalan ini agak sempit, sedangkan ia merupakan jalan laluan bagi Utara Selatan bagi mereka yang datang dari Perlis, Kedah dan Perak yang akan terus ke Kuala Lumpur dengan memilih jalan itu selain daripada jalan Tanjong Malim, eloklah dan sampailah masanya bagi jalan ini dinaikkan kepada jalan Persekutuan walaupun saya tahu jalan itu mungkin sudah dinaikkan kepada jalan Persekutuan. Tetapi jalan itu adalah sungguh malang sekali dan kalau Menteri yang berkenaan biasa datang ke Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Teluk Intan menerusi jalan ini, beliau akan melihat jalan ini seperti jalan yang tinggi-rendah, lekok-Iekik dan sebagainya. Oleh itu saya berharap Kementerian Kerjaraya ini akan dapat memberikan perhatian kepada jalan-jalan yang saya sebutkan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, menurut pindaan kepada Seksyen 2 Akta ini, ia juga membolehkan Wilayah Persekutuan diambil kira. Oleh itu saya mengharap bahawa janganlah dengan adanya Akta ini, tumpukan perhatian kepada Wilayah Persekutuan sahaja kerana Wilayah Persekutuan seperti kita sedia maklum

mempunyai jalan-jalan yang begitu baik, jalan-jalan yang diakui terbaik di Asia. Walaupun di luar Kuala Lumpur ini, tol-tol telah diwujudkan sama ada di jalan Kuala Lumpur-Seremban ataupun Jalan Kuching, saya mengharapkan bahawa janganlah lagi hendaknya wujud tol-tol ini kerana masih ada jalan yang perlu. Ada tempat dan ruang yang kosong, kalau sekiranya ada pihak-pihak yang ingin memajukan supaya tol-tol diadakan seperti di Jalan Ipoh seumpamanya ataupun di Jalan Klang-Kuala Lumpur dan lain-lain laluan seperti jalan Kuala Lumpur—Kajang menerusi jalan lama. Kalau ini hendak diambil dan hendak diberi peluang kepada mereka yang membuat urusniaga dan sebagainya, kemungkinan boleh diwujudkan. khususnya bila rundingan diadakan. Oleh itu saya ingin memberi perhatian dan peringatan kepada Kementerian yang berkenaan untuk mengindahkan Ibu Kota kita dan bagi mengelakkan kesesakan yang berlaku untuk masuk ke Ibu Kota seharusnya tol-tol ini juga tidak diadakan lagi. Kalau hendak diadakan, biarlah di luar daripada bandar.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada jalan-jalan Persekutuan di bawah peraturan ini, saya suka juga memasukkan sedikit Lebuh raya Pantai Barat di mana pada masa ini satu jambatan sedang didihkan di Sungai Perak bagi menyambung Daerah Teluk Intan ke Lumut di mana jalan ini sedang dalam pembinaan. Bila jambatan ini siap tentunya mereka akan mudah datang atau sampai ke kawasan ini. Oleh itu kawasan Lumut adalah kawasan yang penting kerana terdapatnya Pengkalan Tentera Laut di sana dan menjadi satu tempat persinggahan, tempat pelancong-pelancong kerana ada pantai di sana dan adalah diharap dengan terbinanya jambatan ini dan kemudahan yang diberikan, adalah satu usaha yang baik bagi menarik

lebih ramai pelancong-pelancong kita datang ke tempat-tempat atau mengunjungi tempat-tempat yang penting, tempat-tempat yang menarik yang diadakan oleh pihak-pihak yang berkenaan, pihak-pihak yang berwajib. Oleh itu sampailah masanya bahawa jalan-jalan Persekutuan dan Lebuhraya ini diperkemaskan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja pandangan saya dan dengan ini saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran) Ahli Yang Berhormat dari Seremban.

5.18 *ptg.*

Dr Chen Man Hin (Seremban); Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit pendapat saya berkenaan dengan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini ialah untuk melicinkan dasar Kerajaan mengenai penswastan jalan-jalan atau roads.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu beri amaran kepada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, sebab sungguhpun dia suka menswastakan jalan-jalan kita, tetapi ikut pengalaman negara-negara maju lain seperti, misalnya Amerika Syarikat, ia telah pun rasakan penswastan jalan-jalan beberapa tahun, deked-diked yang lalu, dan sekarang pada fikiran pakar-pakar ekonomi di sana, penswastan jalan atau pengambilan tol tidaklah satu jalan yang sihat untuk membina jalan atau memberi perkhidmatan jalan kepada rakyat. Pakar-pakar ekonomi itu sudah tukar fikiran dan berkata, kalau mahu peruntukan untuk membina jalan, adalah lebih baik mengutip tax dari petrol atau fuel, dengan izin, atau kenakan tax atas kereta-kereta atau kenderaan. Itu pengalaman atau experiencenya. Oleh sebab itu, saya rasa takut, negara kita di sini, Menteri kita mahu penswastan dengan 100%.

Ada lagi satu contoh, kalau kita pergi melawat United Kingdom di mana ada jalan-jalan yang mencukupi—motorway, expressway, jalan-jalan Kelas A, Kelas B dan Kelas C dan lain-lain, cukup dia punya jalan. Jalan cukup di mana tempat boleh sampai. Jalan dengan baik membaiki semua tempat ada dibaiki dengan baik, tetapi di sana adakah kutip tol? Langsung tidak ada kutip tol, langsung tidak ada. Kalau mahu jalan dari London ke Edinburgh atau ke mana satu sen tol pun tidak dikutip. Ini satu contoh yang baik kita boleh ikut. Rakyat di sana ingat dan rasa, dengan pengangkutan (transport) ialah satu perkhidmatan sosial.

Ini satu keperluan (necessity) untuk rakyat jelata. Dia mahu jalan daripada point A ke point B dengan apa-apa kenderaan, ini semua Kerajaan mesti mahu beri perkhidmatan sosial. Janganlah seorang mahu jalan daripada point A ke point B, mahu beli tol. Ini bukan satu langkah yang baik. Khasnya negara kita yang sedang maju yang developing, dengan izin. Kita bukan negara maju macam Amerika Syarikat atau United Kingdom. Di sana toll system di Amerika Syarikat dia mahu buang. Dia punya fikiran tol tidak baik, tidak sihat.

Di United Kingdom tidak tol, khasnya negara belum maju, kita mahu tol. Ini beri satu beban yang berat kepada kita punya rakyat. Ikut laporan-laporan kalau seorang pemandu lori transport hendak jalan dari Penang sampai ke Johor, kena beli tol \$63 one-way, kalau pergi balik \$126. Bolehkah pemandu lori transport itu atau syarikat itu boleh tahan kalau dia adalah seorang peniaga. Kita mahu ingat. Bolehkah tol express way dari Utara/Selatan, kalau ada tol yang lebih, bolehkah beri kemajuan kepada negara di lapangan perniagaan, commerce, industry? Bukanlah semua orang-orang perniagaan ada kilang-kilang atau

industri besar. 90% lebih atau 95% ialah dalam perniagaan kecil melainkan industri kecil (light industry), dengan izin.

Kita mahu ingat janganlah kita terus melancarkan satu sistem penswastaan dikutip tol di mana-mana tempat. Ini beri beban yang hebat dan teruk kepada rakyat. Satu contoh yang simple dan mudah, sekarang kalau seorang pemandu hendak jalan dari Kuala Lumpur sampai Seremban, dia mahu beli tol 150 sen. Ini kira-kira 2 ½ sen sekilometer. Kalau ikut jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, dia kata dia hendak UEM atau United Engineers Malaysia kutip tol 6 sen atau 7 sen 1 kilometer. Kalau kira 6 sen 1 kilometer ke atas 60 kilometer, macam kira ini, one-way \$3.60. Kalau seorang pemandu hendak pergi ke Seremban dari Kuala Lumpur, dia mahu bayar agreement yang baru sebanyak \$3.60 sen, sekarang satu tol \$1.50 sen. Sangat mahal! Bolehkah rakyat kita tahan ini tol?

Oleh sebab itu saya harap pada Kerajaan sungguh pun Rang Undang-undang ini mesti diluluskan tetapi pada fikiran saya lebih baik jangan dikutip tol di semua tempat. Tadi saya cakap perkhidmatan jalan ialah satu perkhidmatan sosial. Bukanlah satu perniagaan sahaja. Ini keperluan economic necessity, social necessity, sama dengan kesihatan. Kesihatan serupa juga. Banyak orang miskin. Dia hendak perubatan dengan percuma atau dengan subsidi. Serupa juga perjalanan di negara kita mesti disubsidise, tidak boleh kutip dengan sepenuh-penuhnya. Kalau UEM mahu 6 sen, kita cakap tidak boleh, lebih-lebih 2 sen, 2 ½ sen sahaja. Kalau mahu kutip lebih, Kerajaan mahu subsidise. Tidak boleh beri beban kepada rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya habis cakap, oteh kerana perjalanan Utara/Selatan ialah satu masalah yang kontroversial, yang betul-betul

kontroversi dan pihak di sini kita ingat kalau kita beri concession, dengan izin. kepada UEM barangkali negara kita rugi \$25 billion, alasan-alasan sudah diberi oleh Yang Berhormat dari Tanjong. \$25 billion ini bukan satu peruntukan yang kecil. Sebab itu saya harap Yang Berhormat Menteri sebelum dia menandatangani perjanjian itu silalah kemukakan di Dewan ini laporan independent consulting engineers daripada England. Beri peluang kepada Wakil di sini meneliti laporan itu. Kalau ikut laporan itu dan mengikut perjanjian itu, kita rasa ada ambil satu keputusan, agreement itu boleh beri satu kerugian yang lebih besar, \$25 billion kepada negara. Perjanjian itu tidak boleh ditandatangani.

Saya harap Yang Berhormat Menteri berkenaan boleh beri butir-butir lanjut mengenai agreement itu supaya laporan dapat dibentangkan di atas mejakita.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Gopeng.

5.28 ptg.

Dr Ting Chew Peh (Gopeng): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk ikut serta dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Perseendirian) 1984.

Mula-mula ingin saya menyatakan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang ini dan saya juga ingin menyatakan sokongan saya terhadap cadangan tadi yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal bahawa jalan-jalan di negara kita semuanya dijadikan jalan-jalan Persekutuan. Ini kerana ini satu cara yang baik untuk meningkatkan mutu jalan raya di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita sedia maklum, jalan merupakan satu kemudahan asas bagi manusia dan jalan rapat hubungannya dengan kehidupan manusia. Jadi apa-apa Akta yang ada kait-mengait dengan jalan raya, saya kira hendaklah ambil kira kepentingan rakyat jelata. Dalam hubungan inilah saya minta memberikan beberapa pandangan umum.

Yang pertama sekali soal keselamatan. Semalam kita telah diberitahu oleh Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa negara kita merupakan salah sebuah negara yang mempunyai kadar kemalangan jalan raya yang paling tinggi di dunia dan saya pagi ini telah diberitahu satu angka tentang kemalangan jalan raya di negara ini iaitu dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini kira-kira 25,000 nyawa terkorban akibat daripada kemalangan jalan raya dan kita sedia maklum bahawa banyak faktor yang terlibat dalam kemalangan jalan raya selain daripada faktor manusia, iaitu contohnya, pemandu yang kurang cermat, faktor berhubung dengan kecuaiian pemandu, melanggar peraturan jalan raya, melebihi had laju dan sebagainya—itu faktor manusia. Selain daripada itu saya kira faktor jalan itu sendiri. Jadi jalan yang kurang baik itu juga satu punca kemalangan dan tidak dapat kita nafikan bahawa ada kawalan-kawalan yang tertentu yang diambil untuk menjamin keselamatan pengguna jalan raya.

Namun demikian, memandangkan kemalangan jalan raya yang begitu kerap berlaku, saya kira elok bagi pihak Kerajaan memperbaiki ataupun meningkatkan langkah-langkah keselamatan demi kebaikan pengguna-pengguna jalan raya. Saya berikan beberapa contoh di sini, iaitu pihak Kerajaan boleh, misalnya menyediakan lebih banyak lagi kemudahan untuk menjaga keselamatan seperti menyediakan

lebih banyak lampu isyarat bagi amaran, menyediakan lintasan yang berjalur dan amaran untuk mengurangkan had laju dan memperluaskan jalan, juga membina jejantas dan sebagainya di tempat-tempat yang memerlukan kemudahan-kemudahan itu.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin berikan satu contoh yang lebih khusus iaitu jalan raya dari Kuala Lumpur ke Ipoh, sebelum sampai ke Gopeng ada simpang ke beberapa tempat seperti Kopisan, Lawan Kuda, Selepas Goleng itu ada satu simpang ke Simpang Pulaui. Di beberapa tempat ini banyak nahas jalan telah berlaku dan ada yang melibatkan murid-murid sekolah. Sebab itu satu masalah yang cukup serius perlu bagi pihak Kerajaan mengambil langkah-langkah keselamatan yang wajar seperti di tempat-tempat yang saya sebutkan tadi itu memperluaskan jalan dan memberikan amaran yang cukup untuk memberi amaran kepada para pemandu dan juga pengguna-pengguna jalan lain dan kalau boleh membina jejantas di tempat-tempat yang saya sebutkan tadi. Ini cuma satu contoh yang khusus.

Satu lagi contoh jalan raya ke Lumut, iaitu jalan raya dari Ipoh ke Lumut iaitu di Air Tawar. Jalan raya itu sebenarnya melintasi pekan Air Tawar dan saya diberitahu bahawa sejak lebuh raya itu dibina banyak kemalangan jalan raya telah berlaku di situ dan tentu sekali pihak Kerajaan boleh mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengurangkan kekerapan jalan raya itu. Saya juga berharap Kerajaan tidak memandang ringan kemalangan jalan raya di tempat-tempat yang saya sebutkan tadi dan Kerajaan sepatutnya memikirkan langkah-langkah kawalan yang lebih munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua iaitu tol yang dikenakan, bayaran tol itu telah banyak

dibincangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin menyatakan di sini bahawa bayaran tol yang dikenakan itu perlulah berpatutan dan prinsip yang perlu kita pegang hendaklah bayaran itu tidak membebankan golongan rakyat yang berpendapatan rendah dan ini satu prinsip yang patut kita pegang.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang penting ialah berhubung dengan mutu jalan raya itu. Kita sedia maklum bahawa jumlah jalan yang banyak itu satu perkara yang penting, tetapi perkara yang sama penting itu ialah mutu jalan itu. Kalau jalan-jalan yang kita binakan itu yang bermutu tentu sekali ia akan mengurangkan kemalangan jalan raya dan jalan yang bermutu, jalan yang luas itu tentu sekali juga boleh mengelakkan kesesakan jalan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang juga pernah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semalam ialah berhubung dengan kemudahan jalan raya itu, seperti di tepi jalan raya, di tepi lebuh raya perlulah kita menyediakan tempat-tempat untuk berehat untuk para pemandu di tempat-tempat yang sesuai, tempat minum dan tempat makan serta juga perkhidmatan-perkhidmatan lain yang sesuai. Saya kira itu satu cara untuk meningkatkan lagi mutu jalan raya kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara berhubung dengan peluang kerja, Tadi ada juga disebutkan tentang perkara ini iaitu kontrak-kontrak yang diberikan kepada syarikat-syarikat yang tertentu dan saya kira satu lagi yang berhubung dengan perkara ini ialah kerja itu yang diberikan kepada pihak yang tertentu itu, kalaulah kerja itu diberikan kepada, misalnya, pekerja tempatan, kita harus pastikan bahawa kerja itu diagih-agihkan kepada pekerja berbagai kaum dengan saksama.

Janganlah kerja itu diberikan kepada kontraktor satu kaum sahaja ataupun pekerja satu kaum sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu apabila kita menitikberatkan jalan-jalan Persekutuan, jangan pula kita mengabaikan jalan-jalan bukan Persekutuan iaitu jalan-jalan di luar bandar, di kampung-kampung baru, di kampung-kampung tradisional yang terpencil serta juga di ladang getah. Saya harap Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memperbaiki mutu jalan-jalan di kampung-kampung terutama sekali di kawasan luar bandar. Saya sekadar untuk memberikan satu contoh yang lebih konkrit ini masih di kawasan saya iaitu Kampung Baru Kopisan dan juga Lawan Kuda. Ada setengah-setengah jalan di sini yang dibina kira-kira 30 tahun dahulu iaitu dalam tahun 50an, dan jalan-jalan yang dibina pada masa itu tidak pernah diperbaiki. masih berlubang dan tidak ditarkan misalnya. Kalau sekarang kita katakan bahawa kita sedang mengalami keadaan ekonomi yang meleset, negara kita juga ada mengalami keadaan ekonomi yang makmur, tentu sekali pada ketika itulah Kerajaan boleh ataupun sudah memberikan peruntukan yang tertentu untuk memperbaiki jalan-jalan demikian tetapi tidak. Jadi, saya harap jalan-jalan macam itu diberikan pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira itulah beberapa komen umum saya dan saya harap komen-komen ini dapat menerima dan boleh diberikan perhatian yang saksama oleh pihak Kerajaan dan dengan itu saya ingin menyatakan sekali lagi sokongan saya terhadap Rang Undang-undang yang saya sebutkan sebentar tadi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

5.42ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai); Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang untuk meminda Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan kerana membuat pindaan-pindaan ini. Dengan adanya pindaan-pindaan ini dapatlah pihak Menteri yang berkenaan menjalankan tugas untuk memperbaiki jalan-jalan di antara satu kawasan dengan satu kawasan, di antara satu negeri ke satu negeri bagi memudahkan rakyat dalam negara kita ini untuk menggunakan jalan raya dengan selesa serta mendapat keselamatan.

Dalam seksyen 2 (1) Akta itu memberi kuasa kepada Menteri untuk memberi kuasa kepada mana-mana orang yang telah bersetuju membina, membina semula, meningkat, memperbaiki atau menyenggara mana-mana jalan, jambatan atau feri yang telah atau akan diisytiharkan sebagai jalan, jambatan atau feri Persekutuan di bawah Ordinan Jalan-jalan Persekutuan 1959 sebagaimana disebutkan dalam seksyen 2 (1) ini. Ini menunjukkan kuasa-kuasa yang akan diberi bagi meminda kuasa-kuasa yang telah dibuat pada Akta tahun 1984 dahulu. Dalam soal ini kita mengharapkan dengan adanya kuasa-kuasa ini pihak Kerajaan khasnya Kementerian Kerjaraya dapat lebih lagi memberikan khidmat dan memberi kuasa-kuasa yang lebih; kita tidak pedulilah apa orang capak asalkan apa yang kita buat ini untuk kepentingan rakyat dalam negara kita ini. Hanya saya mengharapkan sungguhpun ini ditujukan kepada jalan-jalan di Persekutuan, sebagaimana rakan-rakan saya terutamanya Ahli dari Gopeng

sebentar tadi mengatakan supaya jalan-jalan di kampung juga diperbaiki. Ini saya rasa amat bersetuju sangat, kerana kadangkala kita melihat jalan-jalan di kampung masih juga diperbaiki hanya ala kadar sahaja oleh pihak-pihak satu-satu kawasan ataupun daerah-daerah dan pekan-pekan yang dikuasai oleh Majlis Bandaran ataupun Majlis Daerah di kawasan-kawasan tersebut.

Begitu juga banyak lagi jambatan-jambatan kayu iaitu jambatan-jambatan papan yang masih belum diperbaiki. Dahulu saya telah menyuarakan masalah ini iaitu berhubung dengan jambatan di antara Lubuk China dengan Linggi dan alhamdulillah, jambatan itu baru-baru ini nampaknya telah pun tidak ada jambatan kayu tetapi sekarang telah pun dibuat jambatan yang sempurna.

Satu lagi jambatan yang saya pandang di situ antara sempadan Negeri Sembilan dan Melaka iaitu di kawasan antara Negeri Sembilan dan Melaka di kawasan Lubuk China, masih lagi jambatan itu jambatan papan. Saya rasa untuk memperbaiki jambatan itu lebih lipat ganda harganya kerana tiap-tiap bulan ataupun sebulan sekali papan-papan itu telah pecah dan diganti. Pecah ganti, pecah ganti. Lebih baik jambatan itu dibuat dengan jambatan yang sempurna, kerana saya rasa ini akan mengurangkan lagi belanja. Sungguhpun kita keluarkan perbelanjaan yang begitu banyak akhirnya saya rasa kita tidak perlu lagi mengeluarkan perbelanjaan-perbelanjaan yang begitu tinggi.

Fasal 2 juga bertujuan meminda seksyen itu untuk meluaskan kuasa Menteri di bawahnya kepada jalan-jalan dan jambatan-jambatan dalam mana-mana Wilayah Persekutuan. Saya rasa "Wilayah Persekutuan" ini bermakna Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur termasuk Labuan dan kemungkinan esok akan dimasukkan

pula Janda Baik ataupun Bukit Tinggi, di mana jalan-jalan ini akan dikuasai oleh Menteri yang berkenaan.

Dalam masalah ini di Kuala Lumpur memandangkan jalan-jalan yang ada dibuat pada masa ini, cuma kita terima kasih banyak di atas usaha yang telah dijalankan untuk memperbaiki jalan-jalan tetapi masih lagi jalan-jalan dan lorong-lorong yang ada sekarang ini begitu sempit di penuh oleh tempat-tempat letak kereta (car park) yang mana sudahlah jalan itu kecil dibuat pula lagi padang letak kereta.

Saya rasa ini juga sepatutnya tidak dibenarkan jalan-jalan yang sekecil itu diadakan parking kereta yang mana menyempitkan jalan-jalan. Saya mengharapkan dan juga mencadangkan alau mengesyorkan oleh kerana kewujudan Kuala Lumpur ini telah pun hampir lebih satu abad—100 tahun lebih umpamanya kedai-kedai di kawasan Lebu Ampang yang saya rasa telah lebih 100 tahun umurnya, dan jalan-jalan dan lorong-lorong yang ada di situ masih kecil lagi. Saya mengharapkan pihak Dewan Bandaraya ataupun Kementerian yang bertanggungjawab, apabila kedai-kedai ini hendak dipecahkan nanti supaya pihak yang berkenaan memberi keluasan lebih kepada jalan-jalan iaitu melebarkan jalan itu lagi dan tidak dibenarkan rumah-rumah ataupun bangunan yang hendak ditinggikan mengikut pelan-pelan yang ada sekarang ini iaitu mengikut bangunan yang ada sekarang ini juga tanpa memikirkan jalan-jalan untuk masa yang akan datang.

Kita lihat di Kuala Lumpur ini banyak bangunan-bangunan seumpama itu yang hanya mereka itu kalau tanah di situ, di situlah sampai ke tepi kawasan tanah itu dibuat bangunan sehinggakan tidak ada jalan lagi. Ini menyusahkan lalulintas khasnya di Kuala Lumpur, Bandaraya kita ini sendiri. Di samping itu, dengan adanya jalan-jalan, viaduct-viaduct

(flyover) yang telah disediakan, sungguhpun kita mengucapkan terima kasih di atas usaha yang dijalankan tetapi perancangan yang sempurna, saya rasa tidak dijalankan. Oleh kerana kita lihat banyak viaduct atau jambatan yang diadakan apabila hujan lebat, air bertakung dan ini menyebabkan kenderaan-kenderaan empat lima jam tergendala untuk menyeberang.

Umpamanya, Jambatan Sungai Besi di atas jalan, di bawah jalan, oleh kerana tidak cukup luas jalan, kemungkinan jurutera-jurutera ataupun pihak-pihak yang berkenaan tidak memikirkan apa masalahnya. Jalan di Sungai Besi itu kadangkala ada kesesakan empat lima jam yang saya sebutkan tadi, jalan itu melengkong, curam ke bawah iaitu di atasnya jambatan, dibawahnya jalan. Bila curam di bawah cluvert ataupun palung yang ada di situ kecil, air bertakung. Inilah yang menyebabkan kereta banyak di jalan-jalan dan dengan yang demikian kenderaan-kenderaan pun tergendala.

Saya mencadangkan di masa yang akan datang apabila jambatan hendak dibuat—yang telah sudah tak mengapalah, yang belum, di Kuala Lumpur khasnya ataupun di pekan-pekan besar yang akan datang kalau yang curam itu supaya diratakan, iaitu dilengkukkan ke atas supaya kereta boleh lalu di atas dengan bukit, di bawah jalan yang sama. Oleh itu, saya rasa tidak akan timbul lagi masalah banjir berlaku di Kuala Lumpur yang mana kita lihat, katau tak silap saya, ada empat, lima kawasan di Kuala Lumpur ini yang begitu curam dan menantikan air itu kering berjam-jam kereta tidak dapat melaluinya.

Soal yang lain iaitu soal jalan atau tol-tol yang disebutkan oleh rakan-rakan kita tadi. Saya tidak mengambil masa yang panjang dalam soal itu, saya mengucapkan terima kasih di atas usaha Kerajaan mengadakan tol-tol

yang ada ini oleh kerana mereka yang membangkang ini saya rasa soalnya untuk mendapatkan publisiti yang lebih, tetapi mereka ini rasa saya dalam hati mereka kemungkinan suka dengan adanya tol-tol ini.

Umpamanya tol di Jalan Kuching. Sebelum diadakan tol dahulu, kita untuk hendak menyeberang balik ke Ipoh umpamanya ataupun hendak balik ke Kepong dan sebagainya, lebih-lebih lagi bila hari hujan khususnya di waktu kesesakan berjam-jam kita menunggu di jalan itu untuk menyeberang ke satu kawasan, tetapi dengan adanya tol sekarang ini saya rasa dalam masa tak sampai dua minit sebab tidak ada lagi lalulintas yang begitu sesak.

Di samping itu juga rasa saya kereta-kereta kita tidak memakan minyak yang banyak kalau dibandingkan dengan 50 sen yang dibayar itu. Saya rasa kalau kita menunggu dahulu lebih daripada 50 sen minyak kita. Jalan sekejap, tekan minyak lagi, tukar gear, masuk gear dan sebagainya, lebih daripada 50 sen. Oleh itu, dalam masalah ini tak usahlah kita hendak bincang soal yang elok ini, yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan yang begitu baik untuk rakyat, kita pula menentang apa yang kita buat ini, ada yang kita boleh tentang tetapi masalah yang kita lalui, kita rasai tiap-tiap hari. Inilah harapan yang saya katakan saya menyokong di atas perkara ini. Dengan sokongan itu, saya mengharapkan bulatan di Batu 3/2, Cheras dan juga bulatan-bulatan yang lain iaitu Bulatan Edinburgh, umpamanya di Jalan Hang Tuah ataupun Jalan Mahameru ataupun dekat dengan Dewan Bahasa dan Pustaka supaya dipercepat diadakan lebuhraya itu dan dibuat jejambat yang boleh menyenangkan lagi kerana jalan itu yang saya rasa mulai dari 6.00 pagi hingga 10.00 malam masih lagi kereta tersekat-sekat, penduduk-penduduk untuk pergi ke Kajang yang

mana saya lihat begitu banyak. Dalam masalah ini kita mengharapkan supaya pembinaan jalan ini dapat dicepatkan.

Apa yang saya difahamkan tender ataupun penyerahan telah pun dibuat, hanya saya mengharapkan yang membuat ini nanti supaya menjalankan tugas dengan baik. Itu sahaja kita harap supaya mereka ini menjalankan, jangan ambil sambil lewa sahaja, iaitu syarikat yang dapat ini, yang saya pun tidak tahu apa nama syarikat tersebut, tetapi kita mengharapkan supaya dengan dapatnya anugerah yang diberi oleh pihak Kerajaan untuk menjalankan tugas bagi membuat jalan ini, kita mengharapkan supaya tidak ada tergendala ataupun sebagainya bagi membolehkan seberapa segera penduduk-penduduk yang kita lihat iaitu yang duduk di Kajang, Batu 3/2 Cheras, di Cheras Baru, Taman Tun Razak dan seterusnya mereka ini selalu kelewatan datang bekerja dan kelewatan balik ke rumah kerana kesesakan lalulintas yang begitu mendadak tiap-tiap hari di kawasan tersebut.

Soal yang lain, di sini juga saya mengharapkan jalan-jalan yang ada yang telah dan akan dibuat oleh pihak Jabatan Kerjaraya ataupun lebuhraya, kita melihatkan jalan-jalan yang ada ini supaya pembina atau kontraktor-kontraktor yang menjalankan tugas-tugas ini beramanah sedikit. Kita tidak mahu melihatkan hanya setelah 6 bulan sahaja jalan-jalan dibina selepas itu pecah sana, pecah sini dan membelanjakan lagi berjuta-juta ringgit. Ini juga kita harapkan jikalau sekiranya orang-orang ini, di masa yang akan datang tak usah diberi lagi, jikalau mereka ini dapat tender dan seterusnya kerana mereka membuat jalan yang tidak baik.

Di samping itu, jalan-jalan ini juga saya melihatkan keadaan sekarang ini Lembaga Letrik Negara yang telah

pun membuat laluan pendawaian elektrik di kawasan-kawasan lebuhraya yang saya lihat di kawasan-kawasan sekarang ini, dawai-dawai yang merintang di tiap-tiap jalan itu terlampau rendah daripada kawasan jalan. Saya takut dawai-dawai ini pada suatu masa nanti—baru-baru ini tidak, kemungkinan akan datang, akan putus balik atau akan mengakibatkan kemalangan lalulintas di jalan itu. Hanya saya mengharapkan supaya diadakan adangan ataupun atap ataupun cara mana supaya apabila dawai-dawai yang merintang, yang bergitu kendur itu takut kita melihatnya. Sungguhpun sekarang ini saya rasa servicenya belum dijalankan ataupun karan belum ada lagi, kemungkinan kalau sudah ada kita takut bila ada guruh dan sebagainya akan menyambar kenderaan-kenderaan yang lalu. Ini kita takut dan mengharapkan supaya pihak LLN juga dapat mengambil usaha untuk mengelakkan kemalangan-kemalangan yang berlaku.

Selaia daripada itu, tadi kita telah mendengar pertikaman lidah di antara Yang Berhormat wakil dari Tanjong dan juga Yang Berhormat Menteri Kerjaraya mengenai soal tender yang dapat oleh syarikat yang disebut-sebut itu. Di sini saya berasa hairan bagaimana perkara yang seumpama ini yang dapat diketahui oleh pihak parti Pembangkang soal-soal yang di dalam Jabatan-jabatan Kerajaan sekarang ini yang begitu berleluasa, alangan kita di parti Kerajaan sendiri pun tidak tahu. Saya hendak tahu apakah tindakan pihak Kerajaan/ Kementerian yang berkenaan kepada pegawai-pegawai yang curang, yang tidak bertanggungjawab memberikan butir-butir ini kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab kerana kalau ini diamalkan, Tuan Yang di-Pertua

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan O. P. Vijandran); Yang Berhormat

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: . . masalah ini akan timbul tiap-tiap masa

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat! Yang Berhormat

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Saya tidak mahu beri jalan, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habiskan. Saya tak panjang cerita.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Teruskan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: . . . tindakan yang wajar kerana kita berkehendakkan cekap dan amanah di dalam negara kita ini. Ini juga dikehendaki oleh pihak parti Pembangkang saya rasa. Oleh itu, tidak perlu dia hendak menyoal kepada saya. Oleh itu, kita mengharapkan pihak Kerajaan supaya bertanggungjawab kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya diambil tatatertib kerana kita tidak mahu perkara-perkara ini, orang-orang dalam negeri kita yang tidak bertanggungjawab mendapat tahu dan juga orang luar negeri juga mendapat tahu, umpamanya

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: . . . Far Eastern Economic Review dan sebagainya Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri jalan. Im saya mengharapkan kerana kita tidak mahu perkara-perkara yang seumpama ini, yang mana secara detail, berapa dibelanja, berapa sen, berapa jumlah, semua diketahui, alangan kita tidak mengetahuinya.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua—saya tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Point of orderkah? Nanti.

Tuan Lau Dak Kee: Point of order 36 (6). Yang Berhormat itu mengeluarkan satu sangkaan yang jahat, yang tidak boleh dicakap-cakap di Dewan ini di mana

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Apa sangkaan jahat itu?

Tuan Lau Dak Kee: Oleh sebab apa Yang Berhormat dari Tanjong telah sebutkan adalah untuk kepentingan rakyat jelata dan termasuk Kerajaan yang memerintah hari ini untuk kepentingan rakyat. Apa kepentingan untuk Yang Berhormat dari Tanjong. Apakah yang tidak bertanggungjawab. Inilah patut bertanggungjawab atas tugas yang diberikan kepada mereka.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, jangan memberi ucapan. Point of order sudah.

Tuan Lau Dak Kee: Ya. Point of order. Itulah saya minta dia tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, duduk!

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya tidak ada menyinggung perasaan sesiapa. Saya tidak hendak tarik balik dalam soal-soal yang apa saya memberi pandangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, lagi satu soal ialah mengenai jalan ini juga. Dengan adanya Jalan Kuching yang begitu cantik sekarang ini tidak ada lagi kesesakan lalu-lintas laitu yang menyeberangi jalan yang begitu besar, sudah 4 lane atau 4 laluan tiap-tiap sebelah. Hanya yang saya mengharap—Saya telah pun menulis surat atas perkara ini beberapa kali bagi kepentingan rakyat dan penduduk-penduduk di kawasan Kampung Jalan Kuching iaitu sejak adanya jalan tersebut beberapa orang telah pun mati dilanggar oleh kenderaan, lebih-lebih lagi murid-murid sekolah—saya mengharap supaya diadakan jejambat untuk melintas bagi murid-murid sekolah untuk menyeberang dari kawasan Kolam Air ke kawasan Jalan Kuching. Saya dapat tahu daripada penduduk-penduduk di situ bahawa tidak kurang daripada 300 murid sekolah tiap-tiap pagi berulang-alik untuk pergi ke sekolah di sebelah Kolam Air dan juga balik melalui di Jalan Kuching. Dalam masalah ini untuk menyeberangi jalan adalah begitu susah sekarang ini kerana kenderaan begitu laju.

Oleh itu saya mengharap pihak Lembaga Lebuhraya ataupun Jabatan Kerjaraya mencari jalan mengeluarkan sedikit kewangan bagi mengelakkan kemalangan yang berlaku ini supaya dapat dibuat jejambat untuk laluan khasnya kepada penduduk-penduduk dan murid-murid sekolah yang melalui dan melintasi Jalan Kuching.

Selain daripada itu, saya mengharap sebagaimana saya sebutkan tadi supaya apa yang disebutkan ini dapat diambil kira oleh pihak Kementerian khasnya Jabatan Kerjaraya supaya masalah-masalah orang ramai ini dapat diperbaiki.

Mengenai soal-soal yang lain saya akan s ntu h nanti kita membincangkan satu lagi Akta dengan lebih lanjut lagi. Oleh itu saya dengan ini menyokong sepenuhnya di atas Rang Undang-undang yang dibentangkan pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Larut.

6.03 ptg.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan (Larut): Tuan Yang di-Pertua saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bangun menyokong Rang Undang-undang pindaan Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu kita bersyukur kepada Allah kerana telah memberi banyak hidayah dan taufik kepada Menteri Kerjaraya dalam melaksanakan dan membina jalan-jalan raya dengan menggunakan teknologi yang tinggi dan ianya berjaya pula meninggikan taraf jalan raya setanding dengan jalan-jalan di Eropah, England atau Jepun, tetapi bukan semuanya. Ini kita akui dan bergembira kerana negara kita juga mempunyai jalan-jalan yang bertaraf antarabangsa kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran kita.

Walau bagaimanapun, ucapan saya ini terbahagi kepada beberapa aspek seperti berikut:

1. Rumah Tol;
2. Tempat Rihat;
3. Selekoh-selekoh bahaya;
4. Hujan lebat;
5. Keindahan jalan raya; dan
6. Maintenancenya.

Tuan Yang di-Pertua, marilah kita pergi kepada tajuk yang pertama yang mana menarik perhatian Dewan dan orang ramai iaitu rumah tol. Rumah tol sebagaimana yang sering diperkatakan oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat dari pelbagai kawasan adalah terlampau banyak. Saya memang faham rumah tol ini diadakan supaya kita boleh mengutip balik wang pembinaan dan pengurusan yang besar yang dikeluarkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia bagi tiap-tiap bulan dan tiap-tiap tahun dan seterusnya. Setelah Lebuhraya Utara—Selatan itu siap, seseorang pengguna atau pengembara dengan kereta dari Singapura ke Bukit Kayu Hitam terpaksa membayar kalau tidak salah saya sebanyak \$63.50 sen.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyarankan bahawa oleh kerana pengguna-pengguna juga membayar cukai jalan secara direct dan begitu juga cukai pendapatan secara "direct", selain daripada cukai-cukai yang bukan "direct" iaitu barang-barang lain yang dikenakan cukai semasa menjual ataupun membelinya, saya percaya pihak Kementerian atau Lembaga Lebuhraya Malaysia bolehlah memikirkan supaya cukai-cukai di tol-tol plaza itu diturunkan sedikit, memandangkan bahawa 80% daripada penduduk negara ini terdiri daripada orang-orang yang berpendapatan rendah. Kadang kala kita kedengaran orang berkata beliau tidak mampu melalui jalan-jalan baru kerana pendapatannya kecil. Malah katanya ia juga menggunakan minyak atau gas yang dikenakan cukai. Begitu juga tayar yang dikenakan cukai dan semuanya ada cukai belaka.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, berkemungkinan besar pada masa-masa akan datang ramai orang akan kurang menggunakan lebuhraya yang besar-besar kerana tidak cukup wang untuk membeli minyak ataupun

membayar tol. Dengan yang demikian rancangan kita untuk rakyat melancong di dalam negara ini dan membanyakkan pelancong-pelancong yang lain pun agak susah sedikit. Kalaulah kadar tol ini dapat diperindahkan lagi, mungkin ramai penduduk di Malaysia akan melancong di negara sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, janganlah kerana tol plaza ataupun rumah tol, rakyat yang berpendapatan sederhana dan mempunyai kenderaan yang sederhana takut hendak berjalan melawat tempat-tempat yang indah di negara kita yang mana Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan ada mempunyai pelan-pelan yang tertentu.

Saya suka menarik perhatian Dewan bahawa cara melancong di Malaysia ini hanyalah untuk melihat tempat-tempat yang indah sahaja, tidak seperti orang-orang yang melancong ke Filipina, Thailand dan lain-lain di mana mereka di samping melancong dapat menikmati bukan sahaja tempat-tempat yang indah, tetapi banyak lagi "barang yang indah" yang saya sendiri pun tidak mengerti, yang mereka dapat menikmati.

Begitu juga tentang tol yang dikenakan kepada penunggang motosikal di Lebuhraya Jalan Kuching-Kuala Lumpur. Ini mungkin mendukacitakan kerana pada hemat saya Kerajaan atau Lembaga Lebuhraya Malaysia dapat menampung perbelanjaannya dengan jalan lain, bukanlah dengan memaksa semua rakyat jelata yang miskin yang mana mereka terpaksa membayar 40 sen bagi laluan dua kali sehari yang akan menjadi kesulitan kepada mereka.

Saya berharap tol kepada penunggang-penunggang motosikal bolehlah dikaji semula untuk dihapuskan dengan serta merta supaya Ahli Yang Berhormat dari Kepong tidak membawa perkara ini menjadi

isu di dalam pilihanraya yang akan datang. Biarlah Kerajaan menganggap bahawa tiap-tiap penunggang motosikal itu sebagai seketul garam yang dilontarkan ke laut kerana Lembaga Lebuhraya Malaysia diibaratkan seperti laut yang sudah ada banyak wang dan sekiranya pengurusan dan lain-lain yang dikawal dengan rapi, motosikal tak payahlah dikenakan tol.

Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya saya memuji lebuhraya-lebuhraya kita. Ianya memang patut dipuji kerana, dengan izin, give credit where credit is due.

Tuan Yang di-Pertua, saya sampailah pula kepada tajuk kedua iaitu papan-papan tanda. Masih terdapat pandangan bahawa papan-papan tanda yang ada sekarang belum mencukupi, walaupun Yang Berhormat Menteri telah berkata kilang papan tanda telah diadakan. Pada hemat saya kos papan tanda ialah lebih murah dari lebuhraya yang mahal. Kalau gajah kita boleh beli, tentu sekali kita dapat pula membeli rantainya yang lebih murah. Papan-papan tanda amatlah berguna dan begitu berkesan bagi pengguna-pengguna jalan raya, istimewa sekali bagi mereka yang buat kali pertamanya melalui jalan-jalan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, kenapa saya berkata demikian? Saya beri misal peiancong-pelancong dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang hendak singgah di Taiping. Memang cantik bandar Taiping dengan Bukit Larutnya iaitu Bukit Maxwell, tetapi apabila hendak keluar dari Taiping mereka terus pergi ke Felde Ijuk ataupun Kampung Masjid. Apabila di arah mereka terus pergi ke Selama, begitulah seterusnya pengguna tadi terpaksa bertanya-tanya dan sentiasa di arah-arrah ke mana hendak pergi untuk menyambungkan perjalanannya. Katakanlah kalau

bertanya pula kepada orang buta, makin sesatlah pelancong-pelancong tadi, tidak seperti Di England, Germany atau negara-negara lain.

Saya suka beritahu kerana katakanlah kita hendak pergi ke satu tempat namanya Sleaford, sebelum sampai ke Scotland bertolak dari London. Apabila sahaja kita menuju katakanlah hampir 30 kilometer, kita lihat 5 atau 10 tanda-tanda panah dan nama tempat menunjukkan pekan tersebut, petunjuknya pula mengikut orang Inggeris dengan izin, when you see no road sign of the place where you are going, you are there. Ini sungguh mengkagumkan kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, yang lainnya saya suka menyeru bahawa tanda-tanda bahaya biasanya diletak 2 kaki hampir dengan lubang bahaya yang dikorek. Apabila pengguna lihat ianya terus menggunakan brek, kadangkala pengguna-pengguna dan papan tanda terus kedua-duanya masuk dalam lubang bahaya tadi. Apatah lagi kalau waktu malam dan hujan lebat, terutama jalan untuk pergi ke Gopeng dari Tapah.

Tuan Yang di-Pertua, tanda-tanda itu eloklah diletakkan terdahulu dari sekurang-kurangnya 300 atau 500 ela supaya pengguna yang berkereta besar dan laju dapat melihat di tiap-tiap 50 ela satu tanda, begitulah seterusnya sebagaimana dilakukan oleh Jepun, England dan Australia. Ini juga pada hemat saya tidak mahal kerana kecederaan sama ada membawa maut ataupun tidak lebih mahal dari papan tanda-papan tanda tadi. Papan tanda saya harap dibanyakkan lagi dan menggunakan papan tanda-papan tanda selain dari perkataan, lambang-lambang lain seperti lambang hujan, bukit gunung lubang, jambatan kecil, jambatan besar dan lain-lain memudahkan pelancong-pelancong yang tidak pandai berbahasa Malaysia seperti terdapat di Germany yang mana Yang Berhormat Menteri

sendiri telah mengetahui untuk kemudahan-kemudahan orang yang tidak bertutur atau membaca bahasanya. Jadi saya harap segala jurutera-jurutera yang mana mendapat pelajaran di mana-mana sahaja dipertikaikanlah apa yang mereka belajar, jangan hanya pandai hendak naik pangkat sahaja, bahkan hendaklah, apply the knowledge what they had observed when they were abroad, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sampailah pula tajuk ketiga, Tempat-tempat Rihat. Yang Berhormat dari Gopeng pun ambil modal saya

Tuan Lau Dak Kee: Sebab dia tidak ada modal.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Saya menyokong pendapat Yang Berhormat dari Gopeng tadi, yang sebenarnya saya menyokong dia

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Janganlah ambil peluang (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: . . . benar berkurangan. Nasib baik ada petrol kiosk atau kedai-kedai yang dilalui oleh pengguna-pengguna dalam perjalanan mereka, itu pun masih nampak banyak pemandu bas, teksi atau kereta perebet terus pancut di tepi jalan, manakala orang lain melihatnya. Ini pun saya rasa menjatuhkan maruah negara. Memanglah tabiat ini tidak boleh dihapuskan sama sekali, tetapi boleh dikurangkan. Saya rasa perkara ini hendaklah dikurangkan dengan mendirikan tempat-tempat rihat, sebagaimana yang disarankan oleh yang Berhormat dari Gopeng tadi kerana tempat-tempat rihat juga lebih murah daripada jalan raya dan

lebuhraya yang begitu sophisticated, kerana kita perlu memelihara peribadi kita sebagai sebuah negara yang sedang menerapkan nilai-nilai Islam untuk orang-orang berperangai baik. Saya tidak tahulah tentang perangai-perangai Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, keempat berhubung dengan selekoh-selekoh dan by-pass, dengan izin, masih banyak jalan-jalan yang belum dibetulkan, umpamanya di kawasan saya di Larut. Selain dari itu, Jalan dari Telok Intan ke Lumut yang mana harus difikirkan supaya diteruskan melalui Bandar Sri Manjong. Oleh kerana ekonomi meleset banyak rancangan-rancangan jalan raya terpaksa ditangguhkan. Ini semua rakyat ketahui, Walau bagaimanapun, saya percaya pembetulan jalan-jalan yang bengkok-bengkok, yang biasa mendatangkan bahaya kenderaan berlanggar perlulah dipertimbangkan untuk dibetulkan kerana pembinaan atau pembetulan lebih murah daripada membina jalan-jalan baru. Bagi jalan-jalan yang begitu teruk untuk kereta berselisih, saya cadangkan Yang Berhormat Menteri pasang cermin seperti di Italy supaya pengguna-pengguna jalan raya dapat melihat kereta yang datang melalui cermin yang ditetapkan itu, kerana di negara kita ini banyak lori-lori membawa kayu-kayu balak berselisih di selekoh-selekoh yang kecil, umpamanya di Jalan Ipoh ke Taiping. Walau bagaimanapun, kita berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang akan dengan rasminya merasmikan Jalan Ipoh ke Changkat Jering (untuk kemudahan saya balik ke Larut!)

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali ialah tentang pengurusan dan memotong rumput di jalan raya, mencuci dan memotong rumput secara tradisional saya rasa lebih baik dengan menebas dan memotong lalang-lalang di tepi jalan. Ini lebih baik daripada meracun lalang-lalang di tepi jalan

dengan "Round-Up" yang kesannya lalang mati dan tanah di tepi jalan terus runtuh dan pecah ketika hujan dan tepian jalan pun turut runtuh sedikit demi sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun hairan dengan adanya teknologi moden, mesin-mesin dari Jepun ataupun German untuk memotong rumput terdapat pihak JKR meracun lalang-lalang dengan "Round-Up" di Larut. Memanglah murah memakai "Round-Up", tetapi sangatlah mahal memperbaiki tepian-tepian jalan yang runtuh. Saya memohon Lembaga tersebut memberhentikan perkara ini dengan serta-merta dan memotong rumput atau lalang dengan mesin rumput, lebih baik kerana "prevention is better than cure" dalam bahasa Inggeris, dengan izin.

Saya juga berharap di samping kita bermegah dengan lebuhraya yang cantik-cantik, bukan semua, yang dibina dengan harga beratus-ratus million ringgit, Kementerian atau Lembaga Lebuhraya Malaysia tidak pula lupa kepada memperbaiki jalan-jalan di kampung. Yang Berhormat dari Gopeng pun ambil modal ini juga

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Jangan ambil peluanglah

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat!

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Kerajaan juga tidak lupa memperbaiki jalan-jalan terdahulu di mana lebuhraya-lebuhraya dibina untuk kegunaan pengguna-pengguna yang tidak mampu menggunakan lebuhraya oleh kerana mahal tolnya.

Akhir sekali, keindahan lebuhraya juga perlu dijaga dan diurus dengan rapi untuk menarik pengguna-pengguna dan pelancong-pelancong

yang datang ke negeri kita. Selain dari itu, saya juga berharap pihak-pihak penguatkuasa mengambil tindakan tegas without fear or favour, dengan izin, bagi mereka atau pengguna-pengguna yang melakukan kesalahan-kesalahan di jalan raya. JPJ, polis dan lain-lainnya mestilah dapat bekerjasama atas hal ini bagi keselamatan dan menjauhkan diri dari kemalangan-kemalangan yang tidak diingini di jalan raya-jalan raya kita.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya fikir cukup mustahak ialah supaya Kementerian dan Lembaga Lebuhraya Malaysia memikirkan dengan serius apabila membina jalan-jalan baru, iaitu membina di tepi-tepi jalan baru atau lebuhraya-lebuhraya baru, lorong-lorong untuk motosikal dan basikal pada setengah-setengahnya bukan semua mengikut keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, kenapa saya berkata demikian, ini sungguh perlu kerana memandangkan bahawa lebih 80% penduduk-penduduk negeri ini hanya berkeupayaan untuk membeli motosikal dan basikal. Dengan ini kesesakan lalulintas oleh motosikal dan basikal boleh dihindarkan kerana mereka mempunyai lorong-lorong tersendiri seperti lorong-lorong basikal di Holland. Jadi ini akan terus mengurangkan accident, dengan izin, di mana kita dapati biasanya 90% penunggang-penunggang motosikal dan basikal mati bila dilanggar oleh kereta dan lori-lori yang besar-besar.

Kalaulah mulai esok Kementerian ataupun Lembaga Lebuhraya Malaysia memikirkan perkara ini dengan serius bila membina jalan baru dan membaikinya jalan-jalan lama bagi mengadakan lorong-lorong tersebut, saya yakin dan percaya bahawa dalam tahun 3,000 semua lorong-lorong tersebut mungkin semua terbina dan anak-anak cucu cicit kita tidak lagi mendakwa bahawa pemerintah terdahulu dari mereka

tidak memikirkan sesuatu untuk penunggang-penunggang motosikal/basikal dan orang-orang miskin kerana kita dalam Dewan ini tidak menjamin kekayaan mereka akan datang.

Suka juga saya sebutkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap pembinaan lebuhraya atau jalanraya 'consideration must be given' dengan izin, kepada pengguna-pengguna miskin dan kerdil. Kita jangan hanya memikirkan orang-orang kaya sahaja kerana orang-orang miskinlah yang paling banyak menggunakan jalan-jalanraya untuk mencari nafkah, menziarahi keluarga dan lain-lain. Orang-orang kaya jarang-jarang menggunakannya, hanya untuk business sahaja kerana masa-masa lapang mereka dihabiskan di luar negeri, sebagaimana yang saya diberitahu.

Hujan lebat, Tuan Yang di-Pertua, juga membawa bencana di mana kita dapati jalan-jalan baru rosak, runtuh, tebing-tebing tepian juga terus runtuh. Saya berharap Kementerian ataupun Lembaga Lebuhraya Malaysia mencari jalan yang lebih 'sophisticated', dengan izin, guna menghindarkan perkara-perkara ini berlaku, dengan yang demikian kita boleh mengurangkan bayaran-bayaran wang penyeliaan lebuhraya, dengan izin, maintenancenya, bak kata pepatah Melayu: kalah membeli menang memakai. Ini saya maksudkan apabila rancangan-rancangan atau "planning", dengan izin, untuk membina jalanraya ataupun lebuhraya biarlah ianya benar-benar kukuh, kuat dan tahan lasak dan tidak memikirkan ketika itu harga-harga membaikinya selain dari kos pembangunan yang mana sampai bila-bila pun kita tidak ada wang.

Tuan Yang di-Pertua, kadangkala kita dapat lihat bahawa kos memperbaiki jalan-jalan baru yang runtuh itu mencukupi untuk membina jalan-jalan lain sekiranya jalan-jalan

baru seperti Karak Highway, East-West Highway tidak rosak atau runtuh oleh hujan lebat. Ini sungguh serius dikikirkan kerana kita di Dewan ini bertanggungjawab. Tiap-tiap yang bertanggungjawab akan disoal bukan sahaja oleh rakyat, bahkan disoal oleh Allah ta'ala bila meninggal dunia nanti. menurut kepercayaan setengah agama di dunia ini. Selain dari itu, saya juga menyarankan supaya lorong-lorong motosikal/basikal juga dibina di semua jambatan-jambatan di mana semua jambatan-jambatan didapati kesibukan jalanraya kerana dengan lorong-lorong tadi dan lorong-lorong di jambatan-jambatan besar kita semestinya dapat mengurangkan pelanggaran dan dapat menyelamatkan nyawa yang banyak yang mana sekarang ini mati dilanggar macam katak sahaja.

Saya terima kasih kepada Menteri Kerjaraya yang bijaksana yang setakat ini juga telah berjaya, walaupun tidak 100% dalam usaha membina dan mencantikkan jalan-jalanraya di negara kita ini. Semoga Allah ta'ala akan memberi taufik dan hidayah kepadanya, kita akan dapat menikmati segala rancangan-rancangannya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mohon menyokong Akta ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kepong.

6.24ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang dibentangkan di sini adalah mencatatkan satu sejarah di dalam Dewan yang mulia ini dengan besar kemungkinan satu skandal yang terbesar akan diwujudkan di negara ini, sepertimana disebutkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong.

Di sini saya akan tunjukkan dengan teliti mengapa projek Lebuhraya Utara-Selatan, sistem tender dan sebagainya tidak begitu adil, dengan satu contoh yang berlaku di Persimpangan Bertingkat Jalan Kepong/Jalan Kuching. Walaupun ia dilaung-laungkan oleh Yang Berhormat dari Lembah Pantai tadi begitu baiknya dengan ada jalan yang baru plaza tol 50 sen pun dia tak kira, asalkan tidak ada kesesakan. Memang ada setengah-setengah orang mendapat manfaat daripada jalan yang diperbaiki ini, akan tetapi cara-cara digunakan untuk mengadakan plaza tol dalam Bandaraya ini adalah saya tekan sekali lagi, tidak munasabah.

Kalau hendak adakan plaza tol, baik kita adakan seperti di Lebuhraya Seremban, di luar Bandaraya lebih munasabah. Dan sistem penswastaan jalan-jalan dan jambatan-jambatan, kami membantah tindakan memungut tol di setengah-setengah kawasan Bandaraya, termasuk di Persimpangan Bertingkat Jalan Kepong/Jalan Kuching. Walaupun para pengguna dapat menerima hakikat pungutan tol di lebuhraya-lebuhraya dan dalam keadaan ini sekalipun kadar tol yang terlalu tinggi, misalnya pertambahan dari 2.5 sen sekilometer ke 5 sen sekilometer sangat membebankan para pengguna lebuhraya-lebuhrayanya. Tindakan memungut tol di setengah-setengah kawasan Bandaraya bukan sahaja meningkatkan kos pengangkutan, malahan juga kos kehidupan di bandar-bandar seperti kenaikan bayaran tol pada awal tahun ini bagi kegunaan Persimpangan Bertingkat di Jalan Kepong/Jalan Kuching. Adakah pihak Kerajaan pernah meninjau beban kos kutipan tol ke atas rakyat sekalian, misalnya setengah-setengah rumahtangga di Kepong mesti memperuntukkan lebih daripada \$100 sebulan

Dato' S. Samy Vellu: Penjelasan. Saya menjadi pengundi kepada Yang Berhormat, ada tahu?, Tidak tahu Saya dan isteri saya beralamat No. 24, Jalan 17, Kepong Bahru. Saya duduk di Kepong lebih daripada 5 tahun. Dalam 5 tahun itu untuk mengadakan satu perjalanan ke Kuala Lumpur, saya bangun pukul 5.30 pagi, bertolak dari Kepong pukul 7.00 untuk sampai ke pejabat saya pukul 7.55 pagi. Di dalam perjalanan itu tiap-tiap hari saya guna lebih daripada satu gelen petrol tiap-tiap perjalanan — pagi sampai petang, tetapi sekarang saya ikuti dengan jalan yang sedia ada pergi ke kawasan itu dalam tempoh 8 minit, guna petrol lebih kurang 50 sen atau 40 sen sahaja dan balik, Itulah

Tuan Lau Dak Kee: Trafik Polis tak ada?

Dato' S. Samy Vellu: Trafik Polis tidak ada. Saya tidak ada guna Trafik Polis. Saya seorang biasa, tak ada guna Trafik Polis.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan daripada Yang Berhormat tadi itu saya pun tak tahulah sama ada membayangkan keadaan yang sebenar, kerana setahu saya kediamannya bukan di Kepong Bahru, di Jalan Ipoh. Kalau di Jalan Ipoh, bagaimana dapat melalui plaza tol di situ?

Dato' S. Samy Vellu: Saya kata masa dahulu — 6 tahun saya jadi penduduk Kepong Bahru.

Dr Tan Seng Giaw: Masa dahulu! Oh, jadi keadaan sekarang itu tak teranglah, tak tahulah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, teruskan!

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ada lagi banyak, Yang Berhormat?

Dr Tan Seng Giaw: Banyak, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Boleh sambung esok.

Dr Tan Seng Giaw: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Menteri.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua.

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3), saya mencadangkan iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

KWSP—BAYARAN TUNGGAKAN CARUMAN

6.30 *ptg.*

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi pihak beribu-ribu jika bukan berpuluh-puluh ribu orang-orang kelas pekerja yang tidak berdosa yang menanggung kesusahan oleh kerana

ditipu oleh majikan-majikan mereka bukan sahaja bahagian 11% caruman pihak majikan, tetapi 9% caruman mereka sendiri juga. Ini adalah sama dengan satu kecurian yang dilakukan oleh majikan-majikan itu.

Adalah sungguh mengeciwakan jika pekerja-pekerja ini hanya menyedari kecurian oleh majikan mereka apabila majikan-majikan mereka sudah muflis dan pekerja-pekerja tidak mendapat apa-apa. Adalah lebih teruk lagi apabila pekerja-pekerja ini menyedari bahawa majikan-majikan mereka telah menipu ke atas bahagian hak mereka dan telah mengadu kepada Jabatan KWSP dan mendapati tiada satu tindakan langsung telah diambil terhadap pesalah-pesalah ini dan tunggakan-tunggakan ini dibenarkan untuk meningkat.

Dalam kedua masalah ini, pihak Bahagian Penguatkuasa KWSP telah menjadi tidak bertanggungjawab, lalai dan tidak profesional bukan sahaja gagal untuk bertindak ke atas aduan-aduan yang dilaporkan tetapi juga gagal untuk mengambil satu inisiatif untuk mendakwa majikan-majikan yang tidak membayar caruman-caruman amnya sama ada aduan-aduan telah dibuat atau tidak.

Saya memberi contoh kes-kes beberapa syarikat di Melaka untuk membuktikan point penyiasatan saya seperti Sapuri Management Services Sdn. Bhd., Melaka Development Corporation Sdn. Bhd., Plaza Inn dan Indah Plaza. Pekerja-pekerja ingin mengetahui kedudukan sekarang sehingga ke hari ini.

Saya sendiri juga pernah melihat sendiri bahawa bahagian Penguatkuasa KWSP pada amnya keberatan untuk bertindak terhadap badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat swasta tertentu yang

dikatakan mempunyai hubungan-hubungan rapat dengan pemimpin-pemimpin atasan Barisan Nasional, khususnya UMNO, MCA dan MIC. Satu contoh kes pertama ialah Amanah Saham Pahang Bhd. dan semua syarikat-syarikat subsidiari, (jika Menteri yang berkenaan inginkan satu senarai penuh, saya boleh memberi kepada beliau). Sementara contoh kes yang kedua ialah Petrogali (M), Sdn. Bhd., Syarikat Ravi Trading dan Master Engineering and Construction Sdn. Bhd.

Untuk Amanah Saham Pahang Bhd. di mana tunggakan caruman KWSP telah wujud sejak pertengahan tahun lalu, pihak KWSP nampaknya tidak berani langsung untuk mengambil apa-apa tindakan. Hanya bila Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang campur tangan dalam kes ini sesuatu tindakan baru diambil. Saya ingin bertanya sama ada caruman KWSP kini telah dikemaskinkan?

Untuk Petrogali (M) Sdn. Bhd. dan Syarikat Ravi Trading pula, saya diberitahu bahawa tunggakan caruman masih belum diselesaikan. Saya ingin tahu jumlah tunggakan caruman, apakah tindakan yang telah diambil oleh KWSP untuk memperolehi kembali tunggakan caruman dan sama ada pendakwaan telah dibuat, kalau tidak mengapa?

Pihak KWSP mestilah bertindak secara profesional dan dengan izin, act without fear or favour terhadap mana-mana majikan sama ada mereka mempunyai hubungan rapat dengan orang-orang atasan UMNO, MCA atau MIC.

Satu contoh yang menunjukkan ketidak bertanggungjawab pihak KWSP mengenai seorang pekerja dari Petrogali (M) Sdn. Bhd. Encik Choo Joo Nam yang pada mulanya mengadu kepada KWSP berkenaan dengan tidak dikreditkan kedua-dua bahagian caruman iaitu bahagian 9% sendiri

dan bahagian majikannya 11% pada 11-11-1984. Beliau akhirnya menerima jawapan dari KWSP pada 26-3-1985, iaitu selepas tiga bulan bahawa satu siasatan sedang dijalankan. Sehingga sekarang, tiada sepele pun jawapan yang diterima oleh beliau. Saya menulis kepada KWSP pada 25-12-1986 dan kemudian menghantar satu peringatan pada 26-2-1987, tetapi malangnya tiada sebarang jawapan pun yang saya terima. Kenapakah berlaku sikap yang sungguh tidak cekap itu?

Satu lagi contoh yang menunjukkan kelalaian pihak KWSP ialah berkenaan seorang Pengurus Bahagian Penguatkuasa di ibu pejabatnya. Apabila ditanya berkenaan tunggakan caruman-caruman KWSP oleh Syarikat Ravi Trading, beliau menafikan perkara berkenaan yang kemudiannya beliau menarik balik apabila bukti-bukti dikemukakan. Pada hal sehingga ke hari ini, tiada sebarang tindakan yang telah diambil terhadap Syarikat Ravi Trading kerana kegagalan mengemaskinikan caruman KWSPnya, yang melibatkan 1,500 pekerja-pekerja. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada caruman-caruman KWSP dikemaskinikan dan jika tidak, kenapakah tiada sebarang tindakan yang telah diambil. Kenapakah berlaku kelalaian sedemikian.

Kelakuan Pengurus berkenaan hanya akan menimbulkan syak wasangka bahawa beliau kemungkinan sedang melindungi Syarikat Ravi Trading bagi kepentingan-kepentingan yang tertentu yang hanya diketahui oleh beliau. Pada hal, seorang yang bernama Encik Tan Cheng Hing dari Seremban telah membuat tuduhan-tuduhan terhadap pejabat KWSP Seremban yang tidak mahu mengambil tindakan terhadap Master Engineering & Construction Sdn. Bhd. oleh kerana Pengarah urusannya

ialah seorang Datuk. Saya berharap bahawa satu penyiasatan dapat dijalankan bagi memastikan bahawa sikap pilih kasih demikian rupa tidak akan wujud. Saya juga telah membaca Laporan Tahunan KWSP 1985 yang di dalamnya didapati bahawa Bahagian Penguatkuasa telah di'computerise'kan dan dilengkapi dengan talian terus sejajar dengan kemudahan-kemudahan yang diberi kepada pejabat-pejabat negeri dan tempatan. Apakah gunanya membelanjakan berjuta-juta ringgit ke atas computerisation, dengan izin, jika satu penyiasatan yang sudah mengambil masa selama dua tahun masih belum selesai dan jika tunggakan-tunggakan caruman KWSP makin meningkat dan tidak dikawal dan dakwaan-dakwaan tidak difail.

Laporan tahunan yang sama menyatakan bahawa 23 buah pejabat penguatkuasa tempatan yang baru telah dibuka dan 59 orang Inspektor baru telah diambil dalam bulan Ogos, 1985 untuk menguatkuasa peruntukan-peruntukan Akta KWSP. Saya akan menjadi orang yang pertama menyokong langkah-langkah tersebut untuk mengawal trend meningkat di katangan majikan-majikan yang gagal membayar caruman-caruman KWSP. Tetapi amalan sedemikian akan menjadi pembaziran menyeluruh tabung ahli-ahli, kerana KWSP adalah membiayai perbelanjaan sendiri, jikalau jumlah caruman tunggakan bayaran KWSP ini masih tidak terkawal dan dakwaan tidak difailkan.

Jumlah caruman tunggakan KWSP baru-baru ini merupakan, dengan izin, norm rather than the exception. Kelembapan ekonomi bukanlah sebab utama. Penguatkuasaan yang kurang oleh pihak KWSP adalah sebab utama mengapa majikan-majikan tidak bersikap serius menunaikan tanggungjawab undang-undang mereka. Jika penguatkuasaan adalah ketat dan dakwaan-dakwaan

disegerakan, saya yakin majikan-majikan yang tidak membayar caruman akan, dengan izin, think twice sebelum gagal sekali lagi membayar caruman. Lagipun, saya memerhatikan bahawa gaji sebanyak lebih kurang \$20 juta telah dibayar dari tabung ahli-ahli pada tahun 1985, kerana KWSP seperti saya nyatakan tadi membiayai perbelanjaan sendiri. Oleh yang demikian, KWSP telah gagal dalam tanggungjawabnya terhadap ahli-ahli untuk memastikan bahawa kepentingan ahli-ahlinya dibela yang ia telah gagal secara keseluruhannya.

Ini bukan mengatakan bahawa tidak terdapat langsung pegawai-pegawai penguatkuasa KWSP yang cekap dan berdedikasi. Saya boleh menyebut nama Pegawai Penguatkuasa KWSP cawangan Melaka, Encik Mohd. Rosli bin Haji Shawari yang cuba dengan bersungguh-sungguh dalam keadaan yang mendesak.

Akhirnya tunggakan caruman KWSP untuk tahun 1985 berjumlah \$35.28 juta merupakan peningkatan sebanyak 110% dari tahun 1984 adalah amat membimbangkan kerana menunjukkan tunggakan caruman yang lebih besar untuk tahun 1986. Adalah amat tidak adil terhadap pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja ditipu wang caruman KWSP mereka kerana KWSP yang mereka membayar gaji gagal dalam tugas mereka.

Sebagai suatu langkah pertama, KWSP patut, dengan izin, put the fear of God kepada majikan-majikan yang gagal membayar caruman dengan merabuat dakwaan-dakwaan segera terhadap majikan tersebut. Denda untuk kegagalan membayar caruman mungkin boleh dinaikkan. Saya yakin lepas itu barulah tunggakan caruman KWSP akan menunjukkan suatu pengurangan yang besar dan pekerja-pekerja akan mendapat keadilan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.37 *ptg.*

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab Ucapan Penangguhan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tentang kegagalan pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menguatkuasakan pembayaran tunggakan caruman serta mengambil tindakan undang-undang terhadap majikan-majikan yang tidak membuat caruman.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dinafikan bahawa bilangan majikan yang gagal menjelaskan caruman-caruman KWSP telah bertambah. Umpamanya, bilangan majikan yang didakwa bertambah dari 423 pada tahun 1981 kepada 768 pada tahun 1983 dan seterusnya kepada 1,156 pada tahun 1986. Jumlah tunggakan yang ditaksirkan oleh Pemeriksa-pemeriksa Lembaga juga bertambah dari \$19 juta pada tahun 1983 kepada \$67 juta pada tahun 1986.

Tuan Yang di-Pertua, KWSP memang sedar bahawa masalah tunggakan ini dan sedang mempergiatkan tindakan untuk mengesan majikan-majikan yang tidak mencarum. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses tindakan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- (1) Apabila sahaja dikesan majikan-majikan yang tidak mencarum, majikan akan diberi butir-butir mengenai tunggakan atau caruman yang kena dibayar melalui Borang KWSP 1000. Sekiranya caruman tidak dibuat selepas 15 hari dari tarikh borang tersebut dikeluarkan, peringatan akan diberikan kepada majikan berkenaan;

- (2) Jika majikan berkenaan masih lagi gagal bertindak ke atas notis-notis dan peringatan, Pegawai-pegawai Pemeriksa Lembaga akan melawat majikan berkenaan dan tindakan akan diambil untuk mendapatkan kembali caruman yang tertunggak;
- (3) Sekiranya majikan berkenaan masih juga gagal mencarum setelah dilawati oleh pegawai-pegawai pemeriksa Lembaga, tindakan mahkamah akan diambil ke atas majikan yang berkenaan di bawah seksyen 16A(i) (c), Akta KWSP 1951.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kes-kes tertentu yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, kedudukannya sekarang adalah seperti berikut:

- (a) bagi Amanah Saham Pahang (ASPA), majikan ini telah menjelaskan semua tunggakan caruman hingga Mei, 1987;
- (b) bagi ASPA Samik Furniture Sdn. Bhd., majikan ini telah gagal untuk menjelaskan caruman bagi bulan-bulan Januari, 1986 hingga Februari, 1987 berjumlah \$153,105. Sehingga hari ini pihak KWSP belum lagi menerima sebarang pembayaran dari majikan tersebut. Majikan juga telah gagal untuk menjelaskan caruman mulai daripada bulan Mac, 1987 sehingga sekarang. Pihak KWSP telah mengambil tindakan untuk membuat taksiran tunggakan bagi tempoh tersebut, tetapi menghadapi masalah kerana rekod-rekod gaji pekerja-pekerja tidak dikemaskinikan. Sekiranya majikan ini tidak dapat mengemukakan alasan yang

munasabah terhadap kegagalannya untuk menjelaskan tunggakan caruman, KWSP bercadang mendakwanya di mahkamah;

- (c) bagi Syarikat Petrogali (M) Sdn. Bhd., taksiran tunggakan bagi tempoh Februari, 1983 hingga Disember 1985 sebanyak \$472,208 telah dibuat dan majikan telah menjelaskan tunggakan tersebut sepenuhnya. Caruman-caruman bagi Januari, 1986 sehingga Oktober, 1986 telah juga dijelaskan. Tindakan sedang diambil ke atas majikan untuk menjelaskan caruman bulan November, 1986 sehingga sekarang; dan
- (d) bagi Syarikat Ravi Trading, tunggakan caruman KWSP telah pun dijelaskan oleh majikan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Ahli Yang Berhormat mengenai kegagalan membatas langsung pengaduan adalah tidak tepat langsung. Setiap aduan yang dibuat adalah disiasat oleh pegawai-pegawai pemeriksa dan penyiasatan ini mungkin mengambil masa yang panjang kerana pegawai-pegawai pemeriksa akan melawati majikan berkenaan untuk memeriksa jumlah caruman-caruman yang tertunggak serta membincang cara pembayaran balik caruman yang tertunggak itu dengan majikan yang tersebut. Itu sahaja jawapan saya. Terima kasih.

INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI—PENGAMBILAN PENUNTUT

6.45 ptg.

Dr V. David (Puchong): Tuan Yang di-Pertua, dasar-dasar Kerajaan mengenai pengambilan penuntut dirancangkan untuk mengutamakan satu kaum sahaja. Kadar peratus

pengambilan di universiti-universiti tempatan menunjukkan bahawa kebanyakan penuntut-penuntut institusi-institusi ini terdiri daripada satu kaum sahaja serta menafikan peluang pelajaran tinggi kepada kaum-kaum lain.

Tuan Yang di-Pertua, kelayakan akademik, kecenderungan dan kebolehan pemohon-pemohon diketepikan oleh Kerajaan dan penuntut dari satu kaum sahaja diberi keutamaan. Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian penuntut yang berkelayakan tidak dapat peluang untuk meneruskan pelajaran ke peringkat tinggi. Misalnya pemohon penuntut-penuntut dari kaum-kaum lain yang mempunyai pangkat tinggi di peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) ditolak oleh universiti-universiti tempatan. Keadaan seperti ini telah menyebabkan pemohon-pemohon yang berkelayakan tetapi tidak dapat peluang menuntut di institusi-institusi pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, universiti-universiti tempatan tidak dapat menampung kepada semua pemohon yang berkelayakan dan kemasukan diberi kepada 1/3 sahaja. Penuntut-penuntut lain terpaksa meneruskan pelajarannya di luar negeri atau mencari pekerjaan. Jumlah penuntut dari kaum-kaum lain di universiti-universiti tempatan hanya segelintir dan mereka menjadi suatu pameran politik sahaja.

Keadaan kewangan di antara penuntut-penuntut dari kaum-kaum lain sangatlah serius dan mereka tidak berkemampuan untuk meneruskan pelajaran di luar negeri. Keadaan seperti ini membuktikan bahawa Kerajaan dengan sengajanya telah menafikan penuntut-penuntut dari kaum-kaum lain dalam memberi peluang untuk mendapatkan pelajaran di universiti.

Tuan Yang di-Pertua, negara-negara maju seperti Australia, United Kingdom, Amerika Syarikat dan Kanada telah menaikkan yuran pengajian bagi penuntut-penuntut luar negeri yang berminat belajar di universiti-universiti mereka. Kita hendaklah mengiktiraf bahawa negara-negara ini berhak menaikkan yuran di universiti mereka dan bagi pendapat kami sebarang komen kita di atas perkara ini akan dianggap sebagai percampuran tangan dalam hal-hal negara lain. Tuan Yang di-Pertua, kita sepatutnya hendaklah meluaskan dan meningkatkan kemudahan-kemudahan di universiti-universiti kita serta menambahkan penuntut-penuntut yang berminat meneruskan pelajaran tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hendaklah mengubahsuaikan peraturan kemasukan di universiti-universiti tempatan yang mana 44% penuntut akan terdiri daripada kaum Melayu, 40% kaum Cina dan 16% kaum India. Kelayakan akademik dan kesesuaian calon-calon hendaklah diberi keutamaan tanpa sebarang pilih kasih perkauman. Pada masa ini dasar-dasar kemasukan di institusi tempatan telah mengasingkan kaum-kaum di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya rayuan kami ini tidak mendapat sebarang hasil positif, jadi tidaklah cara lain melainkan dari membuat aduan kepada Jawatankuasa Khas Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations) mengenai diskriminasi perkauman di universiti-universiti kita dan menyeru Jawatankuasa tersebut menyiasat dasar-dasar kemasukan penuntut di universiti di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, kalau Dewan ini jadi suatu badan yang pura-pura jadi peka, tentulah kita mahu hantarkan perkara ini, dengan izin, ke United Nations.

Tuan Yang di-Pertua, biasiswa-biasiswa kepada penuntut-penuntut hendaklah dianugerahkan berasas di atas kelayakan akademik dan bukan di atas kaum. Peluang yang sama hendaklah diberikan kepada semua kaum apabila Kerajaan menganjurkan penghantaran penuntut-penuntut ke luar negeri. Pada masa ini segala dasar-dasar Kerajaan tidak akan mencapai integrasi antara semua kaum dan konsep 'Negara Malaysia Bersatu' hanya menjadi satu bayangan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pelajaran ialah anasir asas bagi perkembangan negara dan Kerajaan tidaklah dapat mengeksploitasikan bidang ini bagi keuntungan politik.

6.50 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi ucapan balas bagi pihak Menteri Pendidikan Malaysia kepada ucapan tanggungan Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, yuran pengajian yang dikenakan oleh universiti-universiti atau pusat-pusat pengajian tinggi di negara-negara berkenaan adalah untuk menampung kos pelajaran. Penentuan yuran pengajian adalah ditetapkan oleh Kerajaan negara-negara berkenaan bagi pusat-pusat pengajian tinggi di bawah pentadbiran Kerajaan dan bagi universiti persendirian.

Yuran pengajian biasanya ditetapkan oleh universiti sendiri. Penetapan yuran pengajian yang dikenakan kepada penuntut-penuntut asing biasanya mengambil kira faktor-faktor yang berikut:

Dasar luar negara berkenaan, kedudukan ekonomi negara-negara berkenaan, kemampuan Kerajaan berkenaan memberi subsidi kepada pelajar-pelajar asing, kemudahan

untuk pelajaran tinggi di negara berkenaan, khususnya untuk rakyat mereka sendiri.

Berasaskan faktor-faktor ini negara-negara berkenaan menetapkan kadar-kadar yuran yang perlu dibayar oleh pelajar-pelajar asing. Ada negara yang mengenakan full cost fees, dengan izin, dan ada negara yang mengenakan subsidised fees, dengan izin. Bersabit dengan kiraan yuran yang dikenakan oleh negara-negara berkenaan ini, Kerajaan Mataysia sebenarnya tidak mempunyai hak untuk campur tangan dalam menentukan kadar yang dikenakan.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Dr V. David: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun. Yang Berhormat dari Puchung.

Dr V. David: Yang Berhormat Menteri ini lari daripada saya punya soalan atau saya punya ucapan tadi di sini. Saya tanya apa sebab satu kaum sahaja ambil, satu kaum dapat semua tempat, yang lain tidak dapat. Itu sahaja saya punya soal.

Dr Leo Michael Toyad: Boleh saya sambung, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat, sila sambung.

Dr Leo Michael Toyad: Dalam keadaan di mana Kerajaan berkenaan menaikkan kadar yuran

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan, beri atau tidak?

Dr Leo Michael Toyad: Ini adalah ucapan tanggungan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak penjelasan apa yang disebutkan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti Yang Berhormat. Saya minta dia duduk. Beri jalan atau tidak Yang Berhormat?

Dr Leo Michael Toyad: Tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan.

Dr Leo Michael Toyad: Dalam keadaan di mana kerajaan-kerajaan berkenaan menaikkan kadar yuran ke paras dianggap kemampuan rakyat-rakyat Malaysia, Kerajaan Malaysia hanya boleh merayu.

Dr V. David: Tuan Yang di-Pertua, apa yang diucap di sini lain, apa yang dia tulis bawa daripada rumahkah atau office

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, biar dia jawab, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order 36 (1) irrelevant, tentulah itu irrelevant. Kita tidak mahu berhentikan atau menidakkan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk berucap. Tetapi irrelevant atas tajuk 36(1).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila. Tumpukan ucapan kepada soalan tadi atau pun ucapan tadi.

Dr Leo Michael Toyad: Apa dia Tuan Yang di-Pertua? Tuan Yang di-Pertua, saya cuma memberi jawapan kepada Yang Berhormat. (*Disampuk*). What

Seorang Ahli Pembangkang: "What-what", jawablah.

Dr Leo Michael Toyad: Saya pun terganggu.

Dato' K. Pathmanaban: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat-Yang Berhormat, diam sedikit. Teruskan Yang Berhormat.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, kerana Yang Berhormat tadi pun ada menyebut keadaan di mana penuntut-penuntut yang tidak dapat tempat pengajian tinggi di negara kita ini adalah juga mencan tempat di luar negeri untuk mendapat pelajaran. Ini adalah relevant kepada hujah-hujah yang telah dikemukakan kepada Yang Berhormat tadi.

Jadi saya kemukakan usaha-usaha untuk kita menampung apa yang dikehendaki oleh pelajar-pelajar kita di negara kita dan juga di luar negeri dalam bidang pengajian tinggi.

Jadi seterusnya seperti saya jelaskan tadi Kerajaan Malaysia hanya boleh merayu kepada negara-negara berkenaan jika mereka menaikkan yuran pengajian ke paras yang dianggap tinggi. Kalau ini menjadi satu masalah kepada pelajar-pelajar kita di luar negeri, kita ada mengambil tindakan untuk menolong supaya masalah ini dapat

Dr Chen Man Hin: On a point of order. Kalau kita baca Aturan Urusan Mesyuarat hari ini, kita nampak di sini—8-7-87. Tajuk Ucapan Penangguhan Tuan V. David ialah Pengambilan penuntut-penuntut di institusi-institusi pengajian tinggi, bukan yuran-yuran punya hal.

Seorang Ahli Pembangkang: Letak jawatan.

Dato' K. Pathmanaban: Penjelasan.

Tuan P. Pato: Tiga-tiga menjawab. (*Ketawa*)

Dato' K. Pathmanaban: Diamlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Minta Penjelasan Yang Berhormat.

Dato' K. Pathmanaban: Semua orang di sana boleh cakap, saya tidak boleh cakaplah? *(Disampuk)*. Tuan Yang di-Pertua, di atas Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat kena beri makluman kepada Yang Berhormat Menteri atas apa perkara beliau hendak ucap. Dan saya tengok apa yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Puchung itu banyak juga menyentuh kepada yuran dah luar negeri. Dan ada juga *(Disampuk)*

Bukanlah, nantilah, saya pun tengok banyak menyentuh kepada yuran luar negeri. Jadi Timbalan Menteri hendak siapkan jawapan dengan angka-angka yang dapat, jadi kena dengarlah. Mungkin ada sambungan yang akan jawab juga point-point yang lain. Jadi silapnya asalanya daripada Yang Berhormat dari Puchung.

Tuan Lim Kit Siang: Ini point tidak order.

Dato' K. Pathmanaban: Pandai sahajalah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Dia mana baca surat itu.

Dato' K. Pathmanaban: 36 (6) relevant. Saya sebut.

Tuan Lim Kit Siang: 36 (6) bukan irrelevant—impute improper motives.

Dato' K. Pathmanaban: Point of orderlah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): 36 (6).

Tuan Lim Kit Siang: Ahli yang tidak order.

Dato' K. Pathmanaban: Duduklah.

Tuan Lim Kit Siang: Duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat—Yang Berhormat ada sedikit masa sahaja. Yang Berhormat, sila teruskan. Kita harap jawapan ada relevant.

Dr Leo Michael Toyad: Jadi untuk meneruskan jawapan saya kalau Yang Berhormat ingin tahu biarkanlah saya berikan jawapan seterusnya dan cepat dan tepat. Pada hujah Yang Berhormat tadi yang telah mengatakan peratus pengambilan terdiri daripada satu kaum yang disebutkan di sini tadi ialah 44% Melayu, 44% Cina dan 16% India. Ini adalah tidak benar, kerana pengambilan adalah berasaskan atas 55% kaum bumiputera Melayu dan lain-lain kaum bumiputera termasuk dari Sarawak.

Dr V. David: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat teruskan.

Dr Leo Michael Toyad: Dan 45% daripada yang bukan kaum bumiputera. Dan memang kesemua universiti tempatan kita tidak dapat menampung kemasukan semua permohonan memandangkan tempat yang terhad di univervisiti kita.

Walau bagaimanapun untuk maklumat Yang Berhormat, Kerajaan kita telah mengembangkan pusat-pusat universiti di negara kita termasuk mengadakan universiti *(Disampuk)*.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat—Yang Berhormat diam sedikit.

Dr Eng Seng Chai: Dia belum masuk sekolah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, siapa itu? Tarik balik.

Dr Eng Seng Chai: Saya kata dia belum belajar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tarik balik itu.

Dr Eng Seng Chai: Dia Menteri baru.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tarik balik itu.

Dr Eng Seng Chai: Tarik balik apa, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia belum masuk sekolah.

Dr Eng Seng Chai: Sekolah Kementerian dia. Dia belum belajar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Dr Eng Seng Chai: Kalau dia belajar, dia tidak perlu orang beri maklumat, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat tarik balik.

Dr Eng Seng Chai: Tarik balik, tidak ada salah, apa langgar, apa peraturan saya langgar?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya

Dr Eng Seng Chai: Apa peraturan saya langgar, Tuan Yang di-Pertua?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, dia bercakap atas point of order berapa?

Tuan Hu Sepang: Masa sudah cukup. Balik rumah semua.

Dr Eng Seng Chai: Saya tidak ada langgar apa-apa peraturan, Tuan Yang di-Pertua. Saya sebut sahaja apa yang

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, kita telah mengadakan cawangan-cawangan kampus induk di cawangan kampus induk di cawangan mengadakan takulti dan khususnya untuk menubuhkan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, tunggu sekejap.

Dato' K. Pathmanaban: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

Tuan Hu Sepang: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti sekejap Yang Berhormat.

Tuan Hu Sepang: 71/2 minit sudah lepas. Patut kita semua balik rumah rehat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat!

Tuan Hu Sepang: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

Tuan Hu Sepang: Tetapi bagaimana point of order saya, Tuan Speaker?

Tuan Lau Dak Kee: Dia dari Rasahlah, bukan Petaling Jaya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya boleh benarkan dia lanjutkan jawapan.

Tuan Hu Sepang: Baik, terima kasih, jangan lupa saya harap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, tarik balik perkataan itu. Saya tidak boleh benarkan.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, atas apa peraturan, saya ada salah, Tuan Yang di-Pertua? Saya sebut dia belum belajar. Sebab dia Menteri baru. Tuan Yang di-Pertua, apa ada salah?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu saya tidak boleh benarkan Yang Berhormat. Tarik balikkah tidak?

Dr Eng Seng Chai: Atas apa peraturan saya salah, Tuan Yang di-Pertua?

Dato' K. Pathmanaban: 36 (4) bahasa biadap.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, point of order 7 1/2 minit sudah lepas.

Timbalan Yang di-Perlua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Petaling Jaya telah sendiri keluar.

Tuan Hu Sepang: Bukan dia sudah balik rumah, dia kata dia lapar. Point of order, Tuan Speaker, 1 1/2 minit sudah lepas. Buat satu keputusan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sekarang masa sudah cukup.

Tuan Hu Sepang: Ya, kita balik rumah bukan. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Rasah duduk!

Tuan Lau Dak Kee: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji duduk!

Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Majlis ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.02 malam.